


Jilid II  
Bil. 15



Hari Rabu  
16hb Disember, 1992

**MALAYSIA**


**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*Senate*

**PARLIMEN KELAPAN**  
*Eighth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

Jilid II  
Bil. 15



Hari Rabu  
16hb Disember, 1992

**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*Senate*

**PARLIMEN KELAPAN**  
*Eighth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGAN**

**MENGANGKAT SUMPAH:**

Y.B. Dato' K. Vijayanathan  
Y.B. Tuan Shuib bin Endut  
Y.B. Puan Sri Sarasa a/p Velu [Ruangan 2595]

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 2595]  
Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 2595]  
Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 2596]

**URUSAN MESYUARAT [Ruangan 2597]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PE**  
[Ruangan 2599]

**USUL-USUL:**

Insiden D.Y.M.M. Sultan Johor mencederakan Encik Douglas Gomez  
— Y.B. Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman [Ruangan 2670]  
Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan  
Mesyuarat [Ruangan 2744]



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
IBU PEJABAT, KUALA LUMPUR  
1996

16 DISEMBER 1992

MALAYSIA

## **PARLIMEN KELAPAN—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' VADIVELOO A/L GOYINDASAMY, D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' HAJI ANNUAR BIN MUSA S.I.M.P. (Dilantik).
- „ Tuan Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ADAM BIN KADIR (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DR. SAK CHENG LUM (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, TUAN MUSTAPA BIN MOHAMED (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SYED ABDUL HAMID SAGAFF, P.I.S., B.S.I., P.P.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL MAJID BIN HAJI ABDULLAH, P.I.S., P.P.M. (Johor).
- „ TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau Pinang).
- „ TUAN HAJI ABDUL SALAM BIN AWANG, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH, D.M.S.M., D.S.M., A.M.N., P.J.K., J.C. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH 'ASMAH BINTI HAJI ISMAIL, A.M.N., P.J.K. (Pahang).
- „ DATUK DR. AZMAN ATAR BIN OTHMAN, D.M.S.M., P.J.K., P.B.M. (Dilantik).
- „ DATO' AZUMU BIN TAK, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.P.T., J.P. (Perak).
- „ TUAN MICHAEL BONG THUM JOON, A.B.S., J.B.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH CHE PORA BINTI HAJI OMAR, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' WILLIAM CHEK LIN KWAI, D.S.D.K., A.M.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN CHONG CHI SIONG *alias* CHONG FAH (Negeri Sembilan).
- „ TUAN FRANKIE CHONG YU CHEE, A.D.K. (Sabah).

- Yang Berhormat TUAN DAHALAN BIN HAJI EMBUN (Perlis).
- „ TUAN DING SELING (Dilantik).
- „ TUAN HAJI DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ TUAN FOO BOON LIANG (Pahang Darulmakmur).
- „ TUAN GHAZALI BIN HAJI EMBONG, P.J.K. (Dilantik).
- „ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH HABIDAH BINTI JUSOH *alias* YUSOH, P.J.K. (Terengganu).
- „ WAN HAMID EDRUCE BIN TUANKU HAJI MOHAMAD, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN HO CHENG WANG (Perak).
- „ PUAN IDA DUMPANGAL NEE IDA UNDAN, B.S.K. (Sabah).
- „ • TUAN ISLI BIN HAJI SIPUT (Dilantik—Wilayah Persekutuan Labuan).
- „ TUAN ITAM WALI BIN NAWAN, P.P.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN JOHAN B.O.T. GHANI *alias* CHRISTOPHER, K.M.N. (Dilantik).
- „ PUAN KALTHOM BINTI HAJI OTHMAN (Kelantan).
- „ TUAN C. KRISHNAN, A.M.N. (Dilantik).
- „ PUAN LAW JACK YOON (Dilantik).
- „ DATO' DR MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED NA2RI Bin ABDUL Aziz, A.M.p., B.K.T. (Dilantik).
- „ JEN. (B) TAN SRI DATO' MOHD. GHAZALI BIN DATO' MOHD. SRTH, M.I.D., P.P.M., K.M.N., J.M.N., S.M.J., P.P.C., P.N.B.S., D.P.M.J., P.S.M., S.P.M.J., P.M.N., S.I.M.P., D.H.M.S., p.G.A.T. (Dilantik).
- „ TUAN MOHD. ZAIN BIN HAJI MAT DAUD (Kelantan).
- „ TUAN MUNISAMY A/L KUPPAN, A.M.N., A.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN MUSTAKA BIN AWANG, P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN NEO TUAN CHENG, P.P.N. (Johor).
- „ DATUK Nc PENG HAY, D.M.S.M., P.J.K. (Melaka).
- „ DATO' IR. NG THIAN HOCK, D.S.S.A., S.M.S., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH ROHAIAH BINTI BAHERAN, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN RAHIM BIN BABA, A.M.P. (Dilantik).

Yang Berhormat PUAN ROSALIND YAU SHUK MENG, K.M.N., A.M.N. (Selangor).  
PUAN HAJAH ROSNAH BINTI HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).  
TUAN SAAD BIN HAJI MAN (Dilantik).  
TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).  
PUAN SRI SARASA A/P VELU, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).  
TUAN V. K. SELLAPPAN, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).  
TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah).  
TUAN HAJT SHUIB BIN SHAWAL, A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).  
TUAN DOUGLAS SULLANG ANAK GANDA (Sarawak).  
DATUK TAN GIM HUA, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).  
DATO' TAN TIEW BOCK, D.P.M.P., A.M.P. (Dilantik).  
TUAN TIONG THAI KING (Dilantik).  
TUAN K. YLIAYANATHAN A/L KESAVA PILLAI, D.J.N., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).  
„ DATJN HAJAH WAN INTAN BINTI WAN AHMAD TAJUDDIN, P.J.K., A.M.N.  
(Dilantik).  
DATUK DAVID YEOH ENG HOCK, D.M.S.M. (Dilantik).  
TUAN HAJI ZAINAL BIN MD. DEROS, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor).  
PUAN HAJAH ZALEHA BINTI HUSSIN (Dilantik).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar, K.M.N.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zamani bin Sulaiman.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Ramaswamy.

<sup>D</sup>en. Pegawai Penerbitan: Shamsiah binti Mohd. Yusop.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu, A.M.N., B.S.D., P.J.K.

MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

---

**Rabu, 16hb Disember, 1992**


---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petan^*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

## MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Dato' K. Vijayanathan.  
Tuan Shuib bin Endut.  
Puan Sri Sarasa a/p Velu.

PEMASYHURAN TUAN  
YANG DI-PERTUA

## MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru dilantik dan dipilih semula itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

MEMPERKENANKAN AKTA-  
AKTA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sukah hendak memberitahu Dewan ini iaitu Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan memersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Syarikat (Pindaan) 1992;
2. Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1992;
3. Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992;
4. Akta Relif Spesifik (Pindaan) 1992;
5. Akta Perbekalan Tambahan (No.2) 1991 dan 1992; dan
6. Akta Mahkamah-mahkamah Anak Negeri (Bidang kuasa Jenayah) (Pindaan) 1992.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN  
RAKYAT

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara memersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

*(Setiausaha membacakan Pemtusan)*

"29hb Oktober, 1992.

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat  
Kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara memersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1992);
2. Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti; dan
3. Rang Undang-undang Jualan Langsung.

Yang ikhlas,  
t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN  
RAKYAT."

**URUSAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1992);
2. Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti; dan.
3. Rang Undang-undang Jualan Langsung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN  
URUSAN YANG DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN  
MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 13(2), saya mencadangkan bahawa Perkara 18 yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini hendaklah dijalankan dengan tidak mengikut aturan yang telah ditetapkan dan perbincangan berkenaan dengannya hendaklah dimulakan selepas selesai pertanyaan-pertanyaan jawab mulut pada hari ini dan Dewan tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua perbincangan mengenai Usul ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr. Sak Cheng Lum):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Usul yang berbunyi:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 13(2), saya mencadangkan bahawa Perkara 18 yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini hendaklah dijalankan dengan tidak mengikut aturan yang telah ditetapkan dan perbincangan berkenaan dengannya hendaklah dimulakan selepas selesai pertanyaan-pertanyaan jawab mulut pada hari ini dan Dewan tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua perbincangan mengenai Usul ini,

dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan dan dipersetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 13(2), saya mencadangkan bahawa Perkara 18 yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini hendaklah dijalankan dengan tidak mengikut aturan yang telah ditetapkan dan perbincangan berkenaan dengannya hendaklah dimulakan selepas selesai



pertanyaan-pertanyaan jawab mulut pada hari ini dan Dewan tidak akan dltanggihkan sehingga telah selesai semua perbahasan mengenai Usul ini.

## **JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN**

### **BANTUAN KEPADA RAKYAT BOSNIA—TINDAKAN KERAJAAN**

**1. Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sebab-sebab kenapa Kerajaan Malaysia tidak menawarkan diri untuk menerima rakyat-rakyat Bosnia yang cedera di kem-kem tahanan di bawah pengawasan Bangsa-bangsa Bersatudi Bosniasupaya mendapat rawatan perubatan di Malaysia memandangkan negara-negara lain tidak sanggup menerima rakyat Bosnia yang cedera itu dan jika ya, bilakah Kerajaan akan bertindak sebab hampir 13,000 rakyat Bosnia cedera termasuk wanita yang menunggu mautjika tindakan merawat mereka yang cedera itu tidak dijalankan dengan segera.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia tidak menawarkan untuk menerima rakyat Bosnia yang cedera yang kini berada di kem-kem tahanan di bawah pengawasan Bangsa-bangsa Bersatu untuk mendapat rawatan perubatan di Malaysia kerana ada bentuk lain yang dikirakan lebih berkesan dan lebih praktikal yang boleh diberikan. oleh rakyat Malaysia kepada orang-orang Bosnia. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia lelahpun memberi bantuan kewangan di mana kini berjumlah lebih RM5.5 juta kepada rakyat Bosnia di samping bantuan-bantuan keperluan seperti makanan, perubatan dan pakaian sejuk. Selain daripada itu, anak-anak yatim Bosnia dan keluarga mereka seramai 200 orang telahpun dibawa ke Malaysia serta juga diberi perlindungan sementara dan ini ditambah juga dengan pengambilan 49

orang penuntut-penuntut Bosnia yang dimasukkan untuk melanjutkan pelajaran merekudi Universiti Islam Antarabangsa.

Baru-baru ini juga, pihak Kerajaan telah bersetuju untuk menerima 100 lagi orang tahunan Bosnia untuk diberi perlindungan sementara. Maka, untuk kita hendak membawa orang-orang yang cedera, yang ramai berada di kem-kem tahanan Bosnia, kita kira belum tiba waktu dan ketikanya yang sesuai.

**Datuk Dr. Azman Atar bin Othman:** Tuan Yangdi-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri. Oleh kerana dasar Kerajaan Barisan Nasional ini selalu bersimpati kepada penindasan dan kezaliman, seperti yang berlaku di negara Bosnia, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri iaitu bilakah atau bagaimanakah cadangan Kerajaan Malaysia yang ingin menghantar tentera ke Bosnia untuk memberi perlindungan ataupun memberikan jaminan keselamatan kepada mangsa-mangsa yang sedang menerima kezaliman daripada pihak-pihak yang sentiasa bertindak zalim.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya cadangan telah dibuat oleh Perdana Menteri sendiri pada awal-awal lagi selepas peperangan meletus di bekas Yugoslavia, di mana Perdana Menteri sendiri telah mencadangkan agar kita sanggup menghantar bala tentera kita ke sana sekiranya pihak Bangsa-bangsa Bersatu bersetuju untuk kita melibatkan diri secara ketenteraan.

Tetapi pada ketika itu tidak banyak negara yang sanggup menyokong ataupun menyambut saranan Perdana Menteri kita sendiri. Malah pihak OIC pun pada ketika itu tidak ingin berbincang untuk menghantar tentera untuk membantu rakyat Bosnia yang sedang dizalimi oleh pihak-pihak kaum Serbia. Tetapi Alhamdulillah, akhir-akhir ini, selepas diadakan satu sidang tergepar

Menteri-menteri Luar OIC yang berlangsung di Jeddah pada 1 hb dan 2hb Disember, yang secara kebetulan saya dapat hadir, kita telah dapat melihat bahawasanya kesemua negara-negara Islam ingin agar tindakan yang lebih konkrit, seperti penglibatan tentera harus dilaksanakan dengan serta-merta untuk menghentikan sekaligus kekejaman yang berlaku di Bosnia-Herzegovina. Dan pada dua tiga hari yang sudah, wakil tetap kita di New York, di dalam sidang Pleno di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu telah juga menyarankan lagi tentang betapa pentingnya bahawa kini sudah tiba masanya dunia menimbangkan untuk kita campurtangan dari segi ketenteraan pula jika sekiranya kita tidak ingin melihat kaum Bosnia di bekas Yugoslavia itu akan dihapuskan sama sekali oleh pihak kaum Serbia.

Saya juga bersyukur kerana sidang tergepar Menteri-menteri Luar di Jeddah telahpun memberi tempoh masa sehingga 15hb Januari tahun hadapan supaya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu membuat sesuatu untuk memuaskan hati negara-negara Islam sedunia. Jikalau tidak kita pula akan menimbangkan apakah langkah yang paling sesuai untuk dilaksanakan oleh negara-negara OIC.

**Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, tadi kita dengar di dalam Persidangan Menteri-menteri Luar OIC mereka bersemangat hendak membantu dan membuat keputusan supaya mendesak Bangsa-bangsa Bersatu mengambil keputusan. Tetapi setakat ini apakah bantuan yang telah diberi oleh negara-negara Islam itu kepada orang-orang yang teraniaya di Bosnia? Adakah mereka telah menghantar tentera atau menghantar wang atau telah membela seperti negara Malaysia membela rakyat Bosnia yang teraniaya itu?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun Malaysia adalah antara negara yang paling terhadap sekali di dalam

menyalurkan bantuan dan memberi sokongan moral kepada orang-orang Bosnia, tetapi negara-negara Islam lain juga, selain daripada membuat pendirian yang tegas terhadap kekejaman di Bosnia-Herzegovina, mereka juga telah menghantar berbagai-bagai bentuk bantuan yang berupa kewangan, barang-barang makanan, perubatan dan sebagainya. Contohnya ialah negara-negara seperti Saudi Arabia, Iran, Pakistan, Kuwait dan Mesir pun saya dapati telah memberi bantuan dengan berbagai cara dan banyak lagi perkara yang saya nampak, kecuali negara-negara Islam yang sangat miskin di mana mereka tidak dapat menyumbangkan apa-apa bantuan. Tetapi bagi negara-negara yang agak kuat ekonominya, semuanya saya dapati telahpun, selain menyokong secara moral, juga telah menyalurkan bantuan-bantuan yang tertentu.

**Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di dalam usaha kita untuk membawa pelarian Bosnia untuk tinggal sementara di Kem Latihan dan sebagainya, apakah bentuk bantuan lanjut bagi orang-orang Bosnia yang ditempatkan sementara waktu di Pusat Penempatan ABIM di Kajang? Berapa lamakah dijangka bahawa mereka akan beradadi sini dan adakah mereka diberikan taraf Permanent Resident, dengan izin, ataupun sebagai, political asylum.

Di samping itu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Luar Negeri yang berusaha bersungguh-sungguh terutama Menteri dan Timbalan Menteri yang mengambil inisiatif untuk membawa masuk pelarian Bosnia ini.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, kehadiran orang-orang Bosnia di Malaysia adalah bertaraf sementara belaka dan saya rasa tentu mereka tidak akan dipertimbangkan untuk mendapatkan PR atau Permanent Resident. Mereka di sini hanya untuk mendapatkan perlindungan sementara

daripada mungkin teraniaya ataupun tercedera di dalara peperangan yang sedang berlaku begitu hebat di bekas Yugoslavia dan sementara mereka di sini, kanak-kanak itu akan diberi pengajian, didikan dan akan diberi berbagai cara sebagaimana diberi kepada anak-anak kita yang ada di Malaysia ataupun di mana-mana sahaja dan begitu juga, mereka akan diberi peluang untuk mendapatkan berita dari negara mereka sendiri sebab tujuannya adalah selepas kedamaian wujud semuladi Bosnia-Herzegovina, kesemua mereka ingin balik ke negara asal mereka dan kitajuga akan membantu agar mereka akan dapat balik ke negara asal mereka dengan kadar secepat mungkin yang boleh selepas peperangan itu dapat diselesaikan.

Bagi yang telah dewasa sedikit seperti mereka yang dibawa ke dalam negara kita untuk melanjutkan pelajaran mereka, telahpun dimasukkan ke pusat-pusat pengajian tinggi seperti Universiti Islam Antarabangsa dan sebagainya dan kita lihatlah apa keperluan-keperluan yang tertentu akan diberi bantuan. Kita juga telah mempelawa 100 lagi tahanan, sekiranya mereka ada kepakaran, kebolehan, kitaboleh memberi pekerjaan sementara bagi mereka untuk menampung semasa mereka berada di Malaysia.

**Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat ini, kita telah dapat banyak berita-berita terhadap penderitaan pihak Bosnia. Apa pula kedudukan pihak Russia dan juga pihak yang lain? Adakah mereka juga ditimpa penderitaan seperti ini ataupun mereka itu duduk ketawa sahaja dan biarkan perkara ini berlanjutan?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum peperangan berlaku di Bosnia-Herzegovina, kejadian yang sama juga berlaku di Croatia tetapi tidaklah sehebat, seteruk dan sedahsyat yang berlaku di Bosnia-Herzegovina. Di Croatia itu hanya mengambil masa beberapa bulan sahaja

yang agak singkat dan kini telahpun selesai dan mereka hidup aman dengan pihak Serbia. Walau bagaimanapun, di Bosnia-Herzegovina pun ada juga orang-orang Croatia yang merupakan satu jumlah yang agak besarjuga dan ada yang menyokong pihak Bosnia dan ada juga yang tak langsung campurtangan, ada juga yang menyokong pihak Serbia.

Masyarakat di situ begitu mixed, dengan izin, begitu tercampur dan tak mudah kita hendak asing-asingkan. Itu sebab mengapa amat payah sekali bagi mana-mana angkatan tentera untuk masiik ke sana terus untuk menuju ke sasaran tertentu oleh kerana masyarakat di situ begitu erat dan kuat percampurannya dan susah untuk dibezakan di antara satu sama lain.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan Croatia telahpun aman dan pada dasarnya saya rasa, ia menyokong Kerajaan yang ada kini di Bosnia-Herzegovina.

### KEBAKARAN DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG—TINDAKAN

**2. Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah-langkah yang perlu diambil. Kian apakah tindakan oleh Kementerian bagi membanteras berikutan terdapatnya tanda-tanda perbuatan sabotaj berhubung dengan kebakaran menara kawalan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang pada 15hb Oktober 1992 yang lalu supaya tidak berulang lagi.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang diambil bagi membanteras kemungkinan sabotaj di lapangan-lapangan terbang di negara kita berikutan kebakaran di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang pada awal pagi 15hb Oktober 1992 yang lalu termasuklah; pertama, meningkatkan kawalan keselamatan di kawasan lapangan terbang

khususnya di dalam bangunan Terminal. Kedua, menjalankan pemeriksaan yang lebih teliti ke atas orang-orang dan bagast. Ketiga, mengambil dan melatih lebih ramai anggota kawalan. Keempat, menyemak semula kesesuaian pas-pas tetap yang telah dikeluarkan setakat ini dengan tujuan menggantinya dengan pas tetap baharu yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang lebih baik. Proses pengeluaran pas tetap baharu akan diawasi dengan lebih ketat lagi.

Di samping langkah-langkah tersebut, Lembaga Penyiasat yang sedang giat menjalankan penyiasatannya juga akan mengemukakan syor-syor bagi menjamin kejadian sedemikian tidak akan berulang lagi pada masa hadapan.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, kawalan rapi di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang sebagaimana yang dinyatakan tadi, akan diperketatkan lagi. Apakah ini juga yang akan dilakukan kepada semua lapangan terbang di seluruh negara termasuk Lapangan Terbang Senai?

Yang kedua, saya difahamkan apabila berlaku kebakaran, alat menara kawalan di Lapangan Terbang Subang tidak boleh digunakan. Alat kawalan baru daripada Senai dibawa ke Lapangan Terbang Subang, bagaimana pula kawalan udara di Senai dilakukan?

Yang ketiga, anggaran kasar kerugian setelah berlakunya peristiwa kebakaran tersebut.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai keselamatan, sudah tentulah ianya akan dilakukan di semua lapangan terbang dan langkah-langkah yang saya sebutkan tadi itu akan diambil di semua lapangan terbang dan mengenai kerugian, sebenarnya ada soalan No.21 yang khusus mengenai kerugian dan kalau sampai nanti, saya jawab di situlah.

## ORANG ISLAM/SAUDARA BARU MURTAD—LANGKAH-LANGKAH

**3. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil terhadap orang-orang Islam dan saudara baru yang murtad;
- (b) adakah golongan Al-Arqam dapat menerima kenyataan bahawa Aurad Muhammadiyah pegangan mereka itu sesat dari Agama
  - Islam sebenarnya; dan
- (c) berapa ramaikah Al-Arqam di negara kita.

**Setiasaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan selalu berunding dan memberi nasihat kepada orang-orang Islam dan saudara baru yang murtad supaya mereka membatalkan niat mereka untuk murtad. Tindakan-tindakan ini diambil oleh Kerajaan secara pentadbiran sahaja. Kerajaan tidak ada mengambil tindakan dari segi perundangan kerana tidak terdapat ^rang perseorangan yang mengisytiharkan diri mereka murtad mengikut peruntukan undang-undang seperi yang terdapat di dalam peruntukan undang-undang disesebuah negeri. Sebagai contoh, Undang-undang Pentadbiran dan Hukum Syarak Negeri Johor, Seksyen 141 Cerai II, memperuntukkan bahawa "Sesiapa yang terkeluar daripada Islam hendaklah melaporkan kepada Kadhi mengenai dengan keputusannya untuk keluar dari agama Islam dengan memberi keterangan yang perlu dan Kadhi hendaklah mengisytiharkan bahawa orang itu telah terkeluar dari agama Islam."

- (b) Setelah penerangan dan penjelasan diberi, ramai pengikut-pengikut Al-Arqam yang telah keluar dari kumpulan berkenaan kerana sedar pegangan mereka itu adalah salah. Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian saki-baki daripada mereka yang belum keluar di atas sebab kedegilan mereka.
- (c) Tidak dapat ditentukan secara tepat, jumlah sebenar pengikut Al-Arqam pada masa ini kerana pertubuhan itu tidak berdaftar atau mendaftarkan ahli-ahlinya. Walau bagaimanapun, jumlah pengikut kumpulan berkenaan telah berkurangan daripada anggaran asalnya seramai 15,000 kepada lebih kurang 3,000 sahaja lagi.

**Puan Hajah Habidah binti Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan iaitu berhubung dengan soalan (c). Adakah Kerajaan sedar pengikut-pengikut Al-Arqam sekarang ini masih lagi menyebarkan buku Aurad Muhammadiyah yang diharamkan itu kepada masyarakat umum? Apakah langkah tegas yang akan diambil oleh Kerajaan?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak menyedari perkara ini berlaku. Jika sekiranya perkara ini berlaku di kalangan masyarakat kita, mengatakan bahawa di kalangan pengikut-pengikut Al-Arqam ini menyebarkan buku ataupun kitab Aurad Muhammadiyah Pegangan Al-Arqam ini, maka orang ramai haruslah membuat laporan kepada Bahagian Hal-Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri supaya tindakan yang sewajarnya boleh diambil kerana perkara ini telah diputuskan salah oleh Majlis Fatwa Kebangsaan.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, soalan (a), saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah ada syarat wajib bagi mereka yang dikatakan telah keluar daripada agama untuk mengiklankah dalam akhbar?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada syarat wajib. Seseorang itu yang mengisytiharkan dirinya murtad haruslah membuat laporan ini kepada pihak kadi, dan pihak kadi bolehlah mencatatkan segala alasan-alasan itu. Kadiliah yang berhak untuk mengisytiharkan seseorang itu sama ada murtad atau tidak, tetapi setakat ini tidak ada seorang pun yang melaporkan kepada mana-mana kadi di Malaysia ini bahawa mereka keluar daripada Islam ataupun mahu keluar daripada agama Islam.

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adalah mengenai (a). Menurut Perlembagaan Malaysia, seorang Melayu hendaklah beragama Islam dan juga mengikut adat resam orang-orang Melayu. Jika ada orang Melayu yang keluar daripada menjadi Islam, apakah bangsa mereka ini mengikut taraf Perlembagaan? Yang keduanya, apakah kewarganegaraan mereka juga akan terlucut apabila mereka ini murtad daripada Islam?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, memang ini telah pun dibincangkan oleh Kerajaan. Erti "Melayu" itu ialah orang yang beragama Islam, bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan kebudayaan-kebudayaan Melayu. Jadi, jika sekiranya dia tidak lagi Islam, maka secara automatik dia adalah terkeluar daripada istilah "Melayu" dalam Perlembagaan Negara kita dan dia tidak lagi layak untuk mendapat keistimewaan seperti yang diperolehi oleh orang Melayu dan bumiputera.

**Tuan Saad bin Man:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah benar terdapat tuduhan-tuduhan yang mengatakan bahawa terdapat juga orang-orang Islam yang memeluk agama Islam semata-mata untuk membolehkan mereka berkahwin dengan orang Islam dan pada masa yang sama untuk membebaskan diri mereka daripada tanggungjawab terhadap perkahwinan mereka yang pertama dengan orang yang bukan Islam terdahulu dari itu.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah sukar untuk kita nafikan bahawa sememangnya menjadi suatu kewajipan bagi seseorang yang bukan Islam hendak berkahwin dengan wanita Islam atau lelaki Islam, dia wajib memeluk agama Islam terlebih dahulu. Jadi, ini adalah merupakan suatu keperluan kepentingan kewajipan asas yang mesti ada pada setiap orang yang hendak berkahwin dengan orang Islam wajib terlebih dahulu menjadi Islam; kalau tidak, dia tak dapat kahwin. Jadi, ini memang berlaku dan saya fikir bahawa ianya akan berterusan berlaku keadaan seperti ini.

#### TANAMAN UNTUK EKSPORT— PENYELIDIKAN

**4. Dato' Wiliam Chek Lin Kwai** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah tanaman-tanaman lain selain daripada yang sedia wujud yang sedang digalakkan untuk penanaman dalam negara kita bagi maksud eksport;
- (b) apakah tindakan penyelidikan yang telah diambil oleh MARDI untuk menanam dan memajukan penanaman kacang soya; dan
- (c) sejak tahun 1990, berapakah jumlah kacang soya yang telah diimport oleh negara untuk penggunaan tempatan dari segi wang ringgit.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' 5. Subramaniam);** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Selain daripada tanaman-tanaman yang sedia wujud seperti getah, kelapa sawit, koko dan lada sulah, MARDI telah menjalankan penyelidikan ke atas beberapa jenis buah-buahan dan bunga-buahan untuk tujuan eksport. MARDI juga sedang menjalankan penyelidikan ke atas buah-buahan yang berpotensi seperti buah durian belanda dan ciku.

(b) MARDI ada menjalankan penyelidikan ke atas kacang soya. Walaubagaimanapun, disebabkan oleh kos pengeluaran yang tinggi dan kacang soya yang diimport lebih murah, maka setakat ini penanaman kacang soya adalah tidak ekonomik dan tidak memberi pulangan yang menguntungkan kepada penanam-penanam.

(c) Import kacang soya di negara sejak tahun 1990 adalah lebih kurang RM300 juta setahun.

#### PANGGUNG NEGARA— KETIDAKSESUAIAN TAPAK PROJEK

**5. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tapak cadangan projek bagi mendirikan Panggung Negara (National Theatre) di persimpangan Jalan Kuantan dan Jalan Tun Razak amat tidak sesuai sama sekali kerana ia terletak amat berhampiran dengan Hospital Besar Kuala Lumpur dan Institut Jantung Negara dan juga di antara beberapa buah sekolah rendah, menengah serta maktab perguruan. Jika projek ini dilaksanakan, keadaan seperti kesesakan lalu-lintas, bunyi bising orang ramai dan keadaan keluar masuk murid-murid sekolah, upacara sesuatu keramaian, paluan kompang dan sebagainya akan mengganggu ketenteraman pesakit-pesakit dan para pelajar. Adakah projek ini telah mendapat persetujuan dari Kabinet terlebih dahulu; jika tidak, nyatakan mengapa. Dan adakah Kementerian beliau berhasrat:

- (a) untuk mengubah projek Panggung Negara ini ke tempat lain yang lebih sesuai;
- (b) untuk membatalkan pembinaan projek ini, memandangkan sudah banyak terdapat theatre wujud di Kuala Lumpur seperti Dataran

Merdeka, PWTC, Dewan Bandaraya, Panggung Anniversary dan sebagainya yang selama ini telahpun banyak mengadakan persembahan tempatan atau antarabangsa dan tidak perlu diadakan lagi tempat hiburan seumpama ini; dan

- (c) untuk mengurangkan tempat-tempat hiburan seumpama ini yang tidak boleh memberi mantaat sama sekali dalam pembentukan akhlak dan moral muda-mudi, yang mana bertentangan dalam usaha Kerajaan untuk membanteras gejala-gejala keruntuhan akhlak dan moral di kalangan muda-mudi; demi untuk menyelamatkan generasi muda-mudi yang sudahpun hanyut dengan dunia hiburan sekarang ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman); Tuan Yang di-Pertua,**

- (a) Setelah menimbangkan beberapa kemungkinan pemilihan tapak projek Panggung Negara di Jalan Kuantan, Jalan Tun Razak, adalah dirasakan amat sesuai sekali. Oleh itu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tidak bercadang untuk mencari tapak yang lain. Jemaah Menteri juga telah bersetuju memilih tempat ini sebagai tapak projek Panggung Negara yang mana akan menjadi satu lagi mercu tanda bagi Kuala Lumpur di samping memperkembanangkan pembangunan kebudayaan dan kesenian negara.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Panggung Negara yang akan dibina ini adalah satu kompleks tertutup yang mengandungi auditorium seperti Dewan Merdeka, PWTC dan MATIC di mana pertunjukan-

pertunjukan kebudayaan dan kesenian rakyat negara ini yang bermutu tinggi, di samping pertunjukan-pertunjukan kebudayaan dan kesenian negara luar yang terpilih sahaja akan dipertontonkan di sini. Langkah-langkah akan diambil semasa menyediakan pelan induk pembangunan Panggung Negara ini supaya masalah kesesakan lalu-lintas di kawasan ini dapat diatasi.

Biasanya pertunjukan yang diadakan di Panggung Negara ini diadakan pada waktu malam dan ini tidak akan rnengganggu kesesakan lalu-lintas dan pertunjukan yang diadakan ini adalah secara tertutup dan tidak mengeluarkan bunyi bising bagi kawasan persekitaran seperti yang diragukan oleh Ahli Yang Berhormat.

pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pada masa ini amat kurang tempat-tempat pertunjukan kebudayaan dan kesenian yang berkualiti di Kuala Lumpur, malahan di Malaysia, kecuali di MATIC dan Auditorium Dewan Bandaraya. Kedua-dua tempat ini selalu menjadi rebutan pengarah-pengarah kebudayaan atau kesenian. Di samping itu, auditorium ini adalah terlalu kecil dan hanya boleh menampung penonton kurang dari 600 orang. Di samping itu, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, konsep pertunjukan kebudayaan atau kesenian yang diadakan di MATIC dan Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur serta di Panggung Negara adalah berbeza dengan pertunjukan yang diadakan di Dataran Merdeka dan Panggung Anniversary dari segi mutu persembahan serta sasaran penonton yang menghadirinya.

**Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bilakah agaknya panggung ini akan diadakan dan berapakah anggaran kos panggung ini?

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Untuk makluman Dewan ini, pelan rekabentuk Kompleks Panggung Negara atau artist impression dan pelan susunatur Kompleks Panggung Negara telahpun diselesaikan dari segi perlaksanaannya, maka adalah dijangkakan projek ini dapat disiapkan seawal-awalnya antara pertengahan hingga hujung tahun 1993. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat sedikit masalah pada ketika ini dari segi rekabentuk oleh kerana akan menjadi mercu tanda Kuala Lumpur dan Malaysia, kita mahu supaya pembinaan ini mestilah menggambarkan rekabentuk yang sesuai dengan masyarakat kita.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang diadakan bagi menyediakan projek Panggung Negara ini ialah RM50 juta bagi Rancangan Malaysia Keenam.

#### ARTIS BERKELAKUAN TIDAK SENONOH—TINDAKAN MENYEKAT

**6. Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) tindakan-tindakan yang akan menyekat artis-artis yang sanggup menggadaikan tubuh badan untuk menjadi masyhur; dan
- (b) sama ada juga filem-filem Barat yang menonjolkan tubuh badan yang seksi tidak disiarkan di kaca TV, RTM atau TV3.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Penerangan tidak menyiarkan artis-artis yang diketahui berkelakuan tidak senonoh atau tidak bermoral. Ini dibuat untuk menjaga moral dan disiplin paraartis serta imej industri kesenian dan juga supaya para muda-mudi tidak terikut dengan budaya negatif ini.

Dalarn hal ini, satu Jawatankuasa perilaku artis sedang mengemaskan Etika Perilaku Artis supaya dapat mengambil kira pandangan-pandangan umum.

- (b) Semua filem-filem barat yang disiarkan melalui RTM dan TV3 ditapis terlebih dahulu oleh Lembaga Penapis Filem sebelum disiarkan. Filem-filem yang disiarkan oleh RTM pula ditapis semula oleh Jawatankuasa Penapis dalaman RTM mengikut garis-garis panduan yang sedia ada bagi menentukan media elektronik dapat menyumbang dan memainkan peranan positif membantu dan memupuk nilai-nilai baik dalam masyarakat kita.

**Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada soalan ini. Oleh kerana Kementerian Penerangan merupakan satu-satunya Kementerian yang terpaksa memainkan peranan penting dalam negara untuk mewujudkan satu tingkah-laku rakyat yang baik melalui kaca TV, maka saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, bolehkah Yang Berhormat terangkan mengapa aktris muda yang bernama Zarina Zainuddin tidak dibenarkan muncul di TV? Kemudian saya difahamkan dia ingin menemui Menteri dan mengapa pula Menteri enggan menemui beliau?

Selain daripada itu saya ingin tahu, selain daripada Kementerian sendiri ingin mengadakan Kod Etika bagi artis-artis, adakah Kod Etika itu mesti dipakai oleh



artis ataupun merupakan satu Kod Etika untuk menyenangkan seseorang pegawai meluluskan drama dan berbagai-bagai lagi? Bolehkah saya sebagai Ahli Dewan Senate, mencadangkan satu Kod Etika bagi artis-artis ini supaya ianya merupakan satu Kod Etika, kalau kita pernah beri kepada yang lain-lain, sekarang sudah tiba masanya tidak peduli siapa, walau Raja apa sekalipun, untuk hendak menentukan kemajuan pembangunan negara kita supaya rakyat dapat menikmati...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, pendekkan soalan.

**Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman:** Sedikit sahaja, ini dia punya mukaddimah. Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sudah sampai, temperature sudah naik, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, bolehkah kami juga sebagai Ahli Dewan Negara ini untuk mencadangkan atau membuat Kod Etika kepada perilaku artis-artis?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan yang sangat baik tetapi saya kurang pasti yang m naikkan temperature Yang Berhormat itu sama ada bila sebut Raja-raja ataupun Zarina Zainudin. (*Ketawa*) Zarina Zainudin tidak dikeluarkan dalam siaran televisyen kerana Yang Berhormat Menteri mendapat bukti-bukti yang sah dan nyata bahawa aktres muda yang dikasihi oleh Yang Berhormat telah terlibat dengan kancah yang kurang sihat dan kita merasakan demi kepentingan rakyat umum, kita tidak mahu menggalakkan aktres-aktres yang sedemikian yang jelas diketahui umum mempunyai permasalahan dalam masyarakat untuk dipaparkan dalam kaca televisyen. Soalan mengapa Menteri enggan menemui beliau, ada orang menyatakan bahawa mungkin Menteri sendiri ketakutan untuk berhadapan dengan beliau tetapi jelas pada pandangan saya Yang Berhormat

Menteri adalah seorang yang sibuk, jadi kalau sekiranya tiap-tiap artis yang mempunyai permasalahan dengari Menteri hendak berjumpa dengan Menteri, saya kira Menteri tidak ada kerja lain kecuali berjumpa dengan artis. Kerja ini memang seronok tapi Menteri kita adalah Menteri yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan sama ada Kod Etika ini adalah untuk mempermudah pegawai atau untuk diguna pakai oleh artis, saya beri jaminan ianya adalah untuk digunapakai oleh semua artis dan dengan secara tidak langsung mempermudah pegawai melaksanakan tugas kalau kita ada Kod Etika yang jelas. Dan akhirnya sama ada Ahli-ahli Yang Berhormat boleh menyumbang untuk membantu mewujudkan Kod, Etika yang baik, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat mengalukan pandangan atau cadangan daripada Yang Berhormat dan saya kira tiap-tiap Ahli Dewan Negara termasuk Dewan Rakyat dan rakyat jelata welcome, adalah dialu-alukan apa juga pandangan, sumbangan untuk memperbaiki tingkahlaku artis malahan keseluruhan Kementerian Penerangan, kita akan sedia menerima dengan hati yang terbuka. Terima kasih.

**Puan Hajah Habidah binti Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah Kerajaan berpuashati dengan artis-artis wanita yang masih lagi memakai pakaian yang kurang sopan semasa mengadakan pertunjukan di kaca tv ataupun di pentas-pentas pertunjukan sekarang ini?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Dalam kaca tv, Kementerian Penerangan belum lagi berpuashati. Sebab itu kita adakan satu jawatankuasa untuk menyemak semula. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, untuk menyemak semula ini mengambil masa sedikit kerana kita perlu mengambil kira pandangan masyarakat seluas-luasnya. Berkenaan dengan artis di pertunjukan pentas, itu adalah di bawah

bidangkuasa Kerajaan Tempatan. Jadi saya tidak berhasrat untuk mengambilalih peranan jawatankuasa itu.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, sebentar tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa Kod Etika ini adalah digunakan oleh semua artis. Soalan saya ini, adakah Kod Etika sah laku bagi semua stesen ataupun hanya bagi RTM sahaja ataupun RTM dan juga TV3?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Penerangan berhasrat untuk menyeragamkan dan menyelaraskan apa juga Kod Etika yang akan kita cipta nanti akan digunakan oleh semua stesen televisyen. Kalau TV4 keluar nanti, TV4 juga tertakluk di bawah Akta Penyiaran dan terpaksa mematuhi dan mengakuri arahan tersebut.

#### MAKMAL KEJURUTERAAN PERISIAN KOMPUTER BERSEPADU (ICASE)— SYARAT KEMASUKAN

**7. Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail** minta Menteri Pendidikan menyatakan berhubung dengan penubuhan makmal kejuruteraan perisian komputer bersepadu (ICASE) di ITM Shah Alam yang mana sebuah syarikat yang bernama Earnst Young Cunstunts Sdn. Bhd. membuat perjanjian dengan pihak IIM yang diwakili oleh Pengarah ITM, Dato' Mohd. Mansor Salleh pada 6.8.1992 yang lalu:

- (a) apakah kelulusan yang diperlukan oleh pelajar-pelajar yang mahu mengikuti program tersebut.
- (b) adakah perbelanjaan yang dianggarkan sebanyak kira-kira RM4.5 juta untuk Fasa Pertama itu meliputi semua aspek keperluan; dan

- (c) bilangan pelajar-pelajar yang dijangka akan mendapat kelulusan pada satu tahun.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelulusan yang diperJukan bagi mengikuti program-program komputer tersebut (ICASE) yang diperlukan bagi mengikuti program-program komputer ini adalah seperti berikut:

<i>Program</i>	<i>Syarat Kemsukan</i>
Diploma Sains Komputer	SPM
Dipioma Analisis Sistem	Ijazah Pertama
Sarjana Muda Sains (Sains Komputer) ITM/UKM	Diploma
Diploma Lanjutan Statistik	Diploma

- (b) Sebenarnya anggaran yang , disebutkan itu adalah sebahagian daripada keperluan Kajian Sains Matematik dan Komputer. Manakala anggaran kos untuk Makmal Kejuruteraan Perisian Komputer Bersepadu (ICASE) ialah RM2.9 juta sahaja.
- (c) Adalah dijangka seramai 435 orang pelajar akan mendapat kelulusan dalam kursus-kursus tersebut pada setiap tahun akademik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk David Yeoh.

**Datuk Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan No. 8

#### AKTA SYARIKAT PINDAAN UNTUK MELINDUNGI KEPENTINGAN PEMILIK SAHAM MINORITI

**8. Datuk Ng Peng Hay (di bawah S.O. 23(2))** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

menyatakan berhubung dengan pindaan 132 G Akta Syarikat yang mengambil berat kepentingan pemilik-pemilik saham yang mempunyai saham sedikit, sama ada Kerajaan akan menimbang agar peruntukan dibuat di bawah hak pemilik saham mengambil tindakan undang-undang supaya upah guaman ditanggung oleh syarikat terbabit. Di bawah Akta sekarang tidak ada peruntukan itu, apabila tindakan diambil terhadap pemilik saham banyak yang tidak bertanggungjawab dan adalah dirasakan sudah sampai masanya peruntukan serupa itu diadakan bagi kepentingan pemilik saham sedikit baik di syarikat awam mahu pun swasta.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr. Sak Cheng Lum):**

Tuan Yang di-Pertua, kepentingan pemilik-pemilik saham minoriti adalah sentiasa dipelihara oleh Kerajaan dan pada pendapat Kerajaan ini adalah satu unsur penting bagi menarik pelabur untuk melabur di negara ini. Berbagai-bagai pindaan telah pun dibuat kepada Akta Syarikat untuk menjamiri kedudukan pemegang saham minoriti beberapa tahun kebelakangan ini seperti pengenalan Seksyen 132 C, 132 E, 132 G dan sebagainya.

Cadangan Ahli Yang Berhormat supaya diperkenalkan undang-undang bagi membolehkan pemilik saham minoriti untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pemilik saham majoriti yang tidak bertanggungjawab dan juga supaya bayaran upah guaman ditanggung oleh syarikat yang terbabit adalah pada keseluruhannya satu cadangan yang baik untuk lebih melindungi kepentingan pemilik saham minoriti. Walau bagaimanapun, sebelum cadangan ini diperkenalkan sebagai undang-undang, kajian dengan lebih mendalam perlu dijalankan dalam segala aspek, implikasi dan mungkin yang akan berbangkit.

**PENGANIAYAAN KANAK-KANAK—KEBERKESANAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN**

**9. Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan sejauh mana tindakan-tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan telah dijalankan bagi mengatasi masalah penganiayaan dan penderaan yang berlaku di dalam keluarga dan rumahtangga khususnya semenjak Akta Penganiayaan Kanak-kanak telah dikuatkuasakan. Jika sekiranya Akta berkenaan tidak mempunyai kuasa-kuasa yang mencukupi dan tidak meliputi bidang sosial yang lebih luas, adakah Kerajaan bercadang untuk mengemukakan undang-undang yang lebih sesuai di masa akan datang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoon Seng):**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak Akta Perlindungan Kanak-kanak dikuatkuasakan, program-program pencegahan tertentu telah dimulakan. Misalnya, Pasukan Perlindungan Kanak-kanak telah ditubuhkan di 54 daerah di Semenanjung Malaysia. Di samping itu, 4 pusat aktiviti kanak-kanak telah dibuka untuk memberi perkhidmatan sokongan kepadakeluarga-keluarga yang terlibat serta keluarga yang berisiko tinggi. 10 lagi pusat aktiviti kanak-kanak telah dirangka untuk pembukaannya sebelum akhir tahun ini.

Di bawah Aktaini, Jabatan Kebajikan Masyarakat diberi kuasa untuk menyelamatkan, melindungi, menjaga serta memulihkan kanak-kanak serta keluarganya. Pasukan Perlindungan Kanak-kanak ditubuhkan bagi menyelaras perkhidmatan setempat kepada keluarga dan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan. Pasukan ini digalakkan untuk menyediakan beberapa aktiviti yang

sesuai bagi kanak-kanak serta keluarga yang merupakan aktiviti pencegahan untuk mengelakkan berlakunya penganiayaan kanak-kanak dan pengabaian kanak-kanak di kalangan masyarakat.

Memandangkan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 hanyadikuatkuasakan pada 1hb Mac 1992, maka kajian untuk mengetahui keberkesanan Akta berkenaan belum diadakan. Walau bagaimanapun, Akta ini adalah merupakan satu Akta yang komprehensif" dan telah menggantikan Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1947.

### PEKERJA ASING DASAR KERAJAAN

**10. Tuan V.K. Sellappan** minta Menteri Sumber Manusia menyatakn semasa membawa pekerja asing Kerajaan harus ambil berat tentang dasar "Kita harus tolong kepada yang menolong kita". Kita harus membawa pekerja dari negara asing yang banyak membeli barangan kita. Sejauh manakah Kerajaan mengamalkan dasar ini yang akan membawa hasil kepada negara kita. Jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia memang mengambilkira dasar yang disebutkan isu dalam urusan pengambilan pekerja asing. Antara lain, pengambilan pekerja asing adalah juga tertakluk kepada beberapa faktor seperti berikut:

- (i) jumlah kekosongan sebetiar mengikut sektor perladangan, pembinaan, perkhidmatan dan pembuatan;
- (ii) kesesuaian pekerja asing mengikut tahap kemahiran; dan
- (iii) latar belakang kebudayaan dan sosial pekerja-pekerja asing.

Pihak Kementerian akan menimbang permohonan pengajian pekerja asing yang diterima dari majikan berdasarkan

kepada keperluan pasaran buruh dalam ekonomi negara dan akan memperakukan bilangan yang diperlukan kepada Jabatan Imigresen untuk pertimbangan pengeluaran pas lawatan kerja sementara.

**Tuan Saad bin Haji Man:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah Kerajaan sedar bahawa semakin banyak pekerja-pekerja asing diizinkan bekerja di negara kita, maka semakin banyak wang kita yang mengalir ke luar negeri? Apakah telah ada dibuat kajian oleh Kerajaan untuk mengenalpasti dan mengetahui jumlah wang kita yang telah dihantar ke luar negeri setiap tahun di dalam sektor ini?

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, ini jawapan yang simple, pertumbuhan ekonomi kita, kita perlu mengadakan pekerja-pekerja dari luar negeri.

### UNDANG-UNDANG JAKSA PENDAMAI KEBANGSAAN— MENGUBAL

**11. Dato'Azumu binTak** minta Menteri Undang-undang menyatakan bahawa dengan adanya Jemaah Kebangsaan Jaksa-jaksa Pendamai Malaysia:

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk memperundangkan suatu undang-undang yang boleh dinamakan "Undang-undang Jaksa Pendamai Kebangsaan"; dan
- (b) tidakkah boleh Kerajaan mencadangkan penganugerahan oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tauliah Jaksa Pendamai (JP) di peringkat Malaysia.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Buat masa ini kerajaan belutn bercadang untuk menggubal imdang-undang yang boleh dinamakan "Undang-undang Jaksa Pendamai Kebangsaan".
- (b) Kerajaan juga belum bercadang untuk penganugerahan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tauliah Jaksa Pendamai di peringkatPersekutuan.

### **DADAH—PENGLIBATAN KILANG-KILANG PERUSAHAAN**

**12. Tuan Saidin bin Mohamad** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah kilang-kilang perusahaan dalam negeri ini yang menggunakan bahan dadah dan sejauh manakah kawalan dapat dibuat sedangkan bahan itu menjadi buruan utama untuk kaya-raya dengan cara yang salah seperti membuat heroin dan sebagainya.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa kilang pharmaceutical yang menggunakan bahan-bahan narkotik dan psikotropik sebagai ramuan dalam pengilangan ubat-ubatan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan mengawal dengan ketatnya bahan-bahan ini yang diimport, dikilangkan menjadi ubat-ubatan dan dibekal oleh kilang-kilang itu memandangkan bahawabahan-bahan ini boleh disalahgunakan sebagai dadah oleh penagih-penagih dadah.

Selaras dengan kehendak-kehendak di bawah perjanjian antarabangsa terhadap dadah, pengimportan, pengilangan, pembekalan dan juga penggunaan bahan narkotik dan psikotropik termasuk persediaan-persediaannya adalah dikawal di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Racun 1952. Undang-undang ini mengenakan keperluan-keperluan seperti perlesenan, perekodan, pengsetoran dan juga sebagainya.

Langkah-langkah kawalan ini memastikan bahawa Kementerian dapat mengawasi dan juga mengesahkan setiap kuantiti bahan-bahan ini yang telah diimport, dieksport, dibekal dan digunakan.

Untuk menambah lagi keberkesanan kawalan ke atas bahan-bahan narkotik dan psikotropik, Kementerian telah pun mula melaksanakan suatu sistem berkomputer untuk mengawas dan menganalisis pergerakan dan juga penggunaan bahan-bahan ini. Sistem ini membolehkan pengesanan sebarang kegiatan yang tidak teratur terhadap bahan-bahan ini.

### **LAPORAN PRESTASI BARU KAKITANGAN KERAJAAN**

**13. Puan Hajah Habidah binti Jusoh @ Yusof** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilakah Kerajaan akan mengeluarkan Laporan Prestasi Baru bagi kakitangan Kerajaan, sedangkan Kerajaan telah pun mengisytiharkan SSB (Sistem Saraan Baru) berkuatkuasa sejak 1 Januari 1992. Kenapa sistem ini belum dilaksanakannya; dan
- (b) apakah ciri-ciri penting yang membezakan antara prestasi lama dengan yang baru untuk kenaikan gaji dan pangkat.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa pada 11 Disember 1992, Kerajaan telah mengisytiharkan pelaksanaan sistem baru Penilaian Prestasi Perkhidmatan Awam. Pelaksanaan sistem penilaian prestasi baru ini akan mula digunakan pada tahun 1993. Sistem baru penilaian prestasi ini tidak dapat disediakan pada tarikh berkuatkuasa Sistem Saraan Baru (SSB) pada 1 Januari 1992 oleh

kerana kerja-kerja penggubalan sistem penilaian prestasi baru yang komprehensif ini mengambil masa yang panjang. Kerajaan terpaksa membuat kajian yang begitu teliti ke atas sistem penilaian prestasi yang digunakan di beberapa buah negara asing dan juga yang diamalkan di syarikat-syarikat swasta. Antara negara-negara yang dikaji ialah Kanada, United Kingdom dan Singapura. Syarikat-syarikat yang dikaji termasuklah Shell, British Petroleum, Nestle, Matsushita, Motorola, MAS, PETRONAS dan Bank Negara.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukacita saya maklumkan bahawa sistem dan borang baru Penilaian Prestasi Perkhidmatan Awam ini bukan sahaja akan digunakan untuk tujuan pergerakan gaji dan kenaikan pangkat, bahkan ianya juga merangkumi pelbagai fungsi personal lain yang perlu dijalankan oleh sebuah organisasi Kerajaan. Ciri-ciri penting yang membezakan sistem penilaian prestasi yang lama dengan sistem penilaian prestasi yang baru ini ialah:
- (i) memerlukan kepimpinan yang berwibawa dan berkesan oleh Ketua-ketua Jabatan;
  - (ii) penekanan kepada keperluan untuk memupuk kerja bermusyawarah di antara pegawai atasan dengan pekerja-pekerja di bawah mereka;
  - (iii) lebih objektif dan adil kerana asas pertamanya penilaian adalah berdasarkan kepada sasaran kerja tahunan yang perlu dipersetujui bersama di antara pegawai yang dinilai dengan pegawai penilai;
  - (iv) mengaitkan secara langsung kadar pergerakan gaji anggota dengan tahap prestasi yang dicapai;

- (v) unsur-unsur penyeliaan yang ikram diberi penekanan melalui bimbingan, nasihat dan dorongan serta lain-lain kursus penyeliaari;
- (vi) memberi markah penilaian kepada aspek kegiatan dan sumbangan, iaitu seperti sukan, pertubuhan dan aktiviti kreatif di luar tugas rasmi yang mengaitkan secara langsung prestasi cemerlang dengan anugerah perkhidmatan cemerlang, pengurniaan Bintang, pingat atau surat penghargaan;
- (vii) memerlukan penilaian prestasi tahunan dibuat ke atas semua anggota dalam Perkhidmatan Awam di bawah JKK 76 Anggota Kumpulan. Anggota Kumpulan 'D' tidak perlu dinilai.

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana sistem ini lewat setahun dilaksanakan, mengikut jawapan di atas itu tadi, adakah ini bermakna bahawa kakitangan Kerajaan tidak mendapat kenaikan gaji bagitahun 1992?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, ianya tidak akan melibatkan kenaikan gaji tahunan, kerana ini adalah satu proses yang biasa yang diterima oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan, iaitu kenaikan gaji tahunan adalah perlu dijalankan oleh Kerajaan.

#### **KEMALANGAN KAPAL DI SELAT MELAKA JAWATANKUASA SIASATAN**

**14. Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pandangan "UN Security Council" terhadap kesempitan dan semakin

banyaknya kemalangan lalulintas kapal di Teluk Selatan Melaka. Sekiranya belum lagi dihiraukan oleh UN itu:

- (a) apakah tindakan kita bersama-sama negara Indonesia dan Singapura khususnya. untuk mengemukakan masalah yang telah dan mungkin berlaku lagi di Teluk Selatan Melaka; dan
- (b) ada atau sudahkah satu Jawatankuasa Tetap ketiga-tiga negara ini, dilengkapi dengan segala persiapan.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan Malaysia telah membuat satu cadangan untuk mengadakan Persidangan Antarabangsa untuk meninjau langkah-langkah yang boleh menjamin keselamatan pelayaran dan penjagaan persekitaran Selat Melaka, Cadangan ini telah pun kita cadangkan kepada negara-negara di perairan Selat Melaka, iaitu Indonesia dan Singapura. Setakat ini kedua-dua buah negara itu telah pun bersetuju untuk membincang tentang cadangan ini melalui mesyuarat Kumpulan Pakar Teknikal Tripartite (Tripartite Technical Expert Committee/ Group) yang akan datang.
- (b) Kerajaan Malaysia sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Singapura dan Indonesia menerusi badari tersebut yang telah pun ditubuhkan padatahun 1971 untuk mengambil langkah-langkah yang lebih bersepadu dan berkesan bagi menjamin keselamatan di perairan Selat Melaka.

#### **LAWATAN PERDAGANGAN KE LUAR NEGARA**

**15. Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan

sama ada lawatan-lawatan perdagangan ke luar negara seperti Vietnam, China dan Korea telah dianggotai oleh usahawan-usahawan, pegawai-pegawai berkenaan/ Kerajaan Pantai Timur selaras dengan hasrat Kerajaan mempertingkatkan lagi perdagangan dengan negara-negara Asia Timur.

#### **Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan S.S. Subramaniam):**

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sentiasa menghantar jemputan kepada setiap Kerajaan Negeri dan pihak swasta di seluruh negara untuk menyertai rombongan perdagangan dan pelaburan ke luar negeri.

Jemputan kepada syarikat-syarikat dibuat melalui Dewan-dewan Perniagaan dan Perindustrian dan Persatuan-persatuan dan juga terus kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan MEXPO, MIDA dan FMM.

Rombongan-rombongan perdagangan ke luar negeri di masa yang lepas sememangnya dianggotai oleh usahawan-usahawan dan pegawai-pegawai Kerajaan Negeri-negeri Pantai Timur.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan, Kerajaan sememangnya berhasrat untuk mempertingkatkan perdagangan luar negeri dan ini bukan sahaja terhad kepada negara-negara Asia Timur tetapi juga pasaran-pasaran sedia ada dan juga pasaran-pasaran baru seperti di Latin Amerika, Airika dan Indochina.

**Tuan Yangdi-Pertua:** Sayadiberitahu ada masa 5 minit lagi untuk Pertanyaan. Saya akan jemput Tuan Syed Abdul Hamid Sagaff.

**Datuk Dr Haji Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan No. 16.

### SRP/SPM/STPM—KEBOCORAN KERTA PEPERIKSAAN

**16. Datuk Dr Haji Azman Atar bin Othman (di bawah S.O. 23(2))** minta Menteri Pendidikan menyatakan sepanjang 5 tahun yang lalu berapakah jumlah sebenar kes kebocoran kertas peperiksaan SRP, SPM dan STPM yang dapat dikesan. Siapakah yang melakukannya dan sains ada berpunca dari kelemahan dalaman.

**31. Datuk Ng Peng Hay** minta Menteri Pendidikan menyatakan usaha-usaha yang lebih konkrit untuk mengelakkan kebocoran Kertas Soalan Peperiksaan daripada berulang demi menjaga taraf peperiksaan tersebut.

**41. Jen. (B) Tan Sri Dato. Mohd. Ghazali bin Dato. Mohd. Seth** minta Menteri Pendidikan menyatakan sejak beberapa tahun ini kerap mengalami kebocoran dalam kertas peperiksaan SRP dan juga SPM. Ini memberi kesan yang buruk kepada pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan tersebut. Justeru itu sila nyatakan sama ada:

- (a) boleh atau tidak pihak Kerajaan dan media massa terutamanya akhbar-akhbar tidak mendedahkan kebocoran kertas-kertas peperiksaan yang terlibat sehingga keseluruhan peperiksaan selesai. Dengan cara ini gangguan kepada pelajar-pelajar yang sedang menduduki peperiksaan dapat dikurangkan; dan
- (b) sama ada langkah-langkah dan cara-cara yang diambil sekarang dapat menjamin kebocoran itu tidak berlaku lagi.

77-72-92

**20. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah kemungkinan kebocoran soalan peperiksaan SRP baru-baru

ini terjadi disebabkan "Orang-orang dalam;

- (b) di manakah soalan-soalan ini disimpan setelah dicetak;
- (c) siapakah yang bertanggungjawab membawa soalan-soalan ke tempat percetakan; dan
- (d) berapa lamakah mengambil masa mencetak satu-satu jenis kertas soalan.

24-72-92

**29. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Pendidikan menyatakan kebocoran dan Ilmu Alam dalam peperiksaan SRP tahun ini berlaku kerana kecuaiannya pegawai-pegawai atau kegiatan khianat untuk mencemarkan kewibawaan Lembaga Peperiksaan. Dan jika benar, apakah tindakan supaya di masa hadapan peristiwa kebocoran ini tidak akan berulang lagi.

50-72-92

**2. Tuan Saad bin Haji Man** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah Kerajaan bercadang untuk memperkemaskinikan prosedur keselamatan kawalan dan pengedaran kertas-kertas soalan peperiksaan SRP, SPM dan STPM yang ada sekarang supaya tidak lagi berlaku kebocoran kertas peperiksaan setiap tahun seperti yang berlaku sekarang; dan
- (b) berapakah kos tambahan yang terlibat di dalam mengadakan peperiksaan semula beberapa kertas soalan peperiksaan yang bocor dan yang perlu mengadakan peperiksaan semula pada tahun 1991 yang lalu.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat terdapat 6 soalan yang mempunyai maksud yang sama mengenai



kes kebocoran kertas soalan peperiksaan SRP 1992 yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara. Saya memohon agar soalan-soalan tersebut dijawab secara serentak dan Ahli-ahli Yang Berhormat serta tarikh soalan-soalan tersebut dikemukakan di Dewan Negara adalah seperti berikut:

1. Y.B. Senator Tuan Syed Abdul Hamid Sagaff pada hari ini 16-12-92.
2. Y.B. Senator Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth dan Y.B. Senator Datuk Ng Peng Hay juga pada hari ini 16-12-92.
3. Y.B. Senator Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh pada 17-12-92.
4. Y.B. Senator Tuan Haji Zainal bin Md. Deros pada 24-12-92.
5. Y.B. Senator Tuan Saad bin Haji Man pada 30-12-92.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang 5 tahun yang lepas, terdapat 2 kes kebocoran kertas-kertas peperiksaan yang berlaku seperti berikut:

Tahun	Bil. Kes	Peringkat	Maia Pelajaran	Tindakan
1989	1	SPM	Bahasa Malaysia	Calon Menduduki semula
1992	1	SRP	Sains dan	Calon tidak Geografi menduduki semula

Tidak ada kes kebocoran kertas soalan peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) sepanjang 5 tahun yang lepas.

Kes kebocoran soalan peperiksaan SPM 1989 telah pun selesai didengar oleh mahkamah. Tertuduh pertama dalam kes tersebut telah didapati tidak bersalah dan dibebaskan. Tertuduh hanya membantu mengedar dan menjual kertas soalan tetapi tidak terlibat dalam kes kebocoran soalan peperiksaan.

Tertuduh yang kedua masih lagi dibicarakan atas kesalahan mencuri kertas soalan peperiksaan Bahasa Malaysia.

Mengenai kes kebocoran kertas soalan peperiksaan mata pelajaran Sains dan Geografi, Sijil Rendah Pelajaran tahun 1992, siasatan yang dijalankan menunjukkan bahawa kes kebocoran tersebut berlaku bukan berpunca daripada kelemahan sistem keselamatan peperiksaan Lembaga Peperiksaan, tetapi ia telah dilakukan oleh pihak luar semasa kertas soalan tersebut menjalani proses percetakan yang tidak diuruskan sendiri oleh Lembaga Peperiksaan. Tidak ada pegawai atau kakitangan dari Kementerian Pendidikan amnya dan Lembaga Peperiksaan khususnya yang terlibat dengan kes kebocoran tersebut.

Kes kebocoran peperiksaan SRP 1992 ini telah dibawa ke mahkamah untuk tindakan sewajarnya. Tindakan mendakwa tiga orang yang terlibat di mahkamah telah diambil di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. Kes mereka telah ditetapkan perbicaraannya pada 18-11-92 dan 17-12-92 hingga 19-12-92. Ketiga-tiga yang tertuduh bukanlah kakitangan Lembaga Peperiksaan atau Kementerian Pendidikan.

Mereka yang terlibat boleh dijatuhkan hukuman penjarmandatoritidak kurang dari satu tahun atau hukuman penjara inaksimum tidak lebih dari tujuh tahun sekiranya didapati bersalah oleh mahkamah.

Sungguhpun berlaku kes kebocoran kertas-kertas peperiksaan seperti yang disebutkan tadi, sebenarnya nilai sijil bagi peperiksaan-peperiksaan berkenaan tidak terjejas dan calon-calon tidak menghadapi sebarang masalah melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

Pihak Kerajaan pula belum bercadang untuk mengambil tindakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) untuk

membendung kes kebocoran kertas-kertas peperiksaan daripada berlaku memandangkan undang-undang yang ada sudah mencukupi untuk mendakwa pihak yang terlibat dengan kes kebocoran tersebut. Walau bagaimanapun, perkara ini akan dikaji dari masa ke semasa.

Kementerian Pendidikan akur dengan pendapat bahawa media massa terutamanya akhbar tidak seharusnya menghebahkan kes kebocoran kertas soalan peperiksaan sehingga keseluruhan peperiksaan selesai. Perkara ini telah pun dibangkitkan dalam sidang akhbar Menteri Pendidikan yang menyatakan rasa kurang senang terhadap tindakan akhbar yang menghebahkan kes kebocoran kertas soalan SRP semasa peperiksaan masih berjalan kerana ianya boleh mengganggu ketenteraman caion.

Pihak Kementerian ingin meminta kerjasama media massa agar sama-sama menjaga keutuhan sistem peperiksaan dalam membuat laporan yang berkaitan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, amalan tentang peraturandanprosedurkeselamatankertas soalan akan terus dilaksanakan dan dipertingkatkan oleh Kementerian pendidikan untuk mencegah daripada berlakunya kebocoran kertas-kertas soalan peperiksaan. Jadi semua maklumat tentang percetakan kertas-kertas soalan peperiksaan adalah termasuk di bawah akta Rahsia Rasmi 1972.

Peraturan dan prosedur yang diamalkan selama ini sekiranya dipatuhi sepenuhnya dapat mengelakkan daripada perlakunya kes kebocoran soalan-soalan peperiksaan Kementerian Pendidikan berpendapat sistem keselamatan yang diamalkan oleh Lembaga Peperiksaan berhubung dengan pentadbiran, pengurusan dan pemerosesan peperiksaan adalah ketat dan teratur bagi mengawal kertas-kertas peperiksaan daripada

mengalami kebocoran. Antara tindakan yang diambil ialah:

- (i) kawasan Lembaga Peperiksaan telah digazetkan sebagai 'kawasan larangan' di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1989;
- (ii) kawalan keselamatan elektronik dipasang di tempat-tempat sensitif di Lembaga Peperiksaan;
- (iii) buku-buku prosedur tentang keselamatan kertas soalan diedarkan kepada pihak-pihak berkenaan;
- (iv) Pegawai Kanan Lembaga Peperiksaan berada di tempat-tempat tertentu di seluruh negeri pada masa-masa genting;
- (v) Pegawai Kanan Lembaga Peperiksaan berada bersama pegawai-pegawai Jabatan Pendidikan Negeri semasataklimat peperiksaan diberi kepada Penyelia Kawasan dan Ketua Pengawas;
- (vi) lawatankepusat-pusatpeperiksaan dibuat oleh pegawai kanan Lembaga Peperiksaan dan Jabatan Pendidikan Negeri sebelum dan semasa peperiksaan dijalankan;
- (vii) langkah-langkah ketat tentang keselamatan maklumat dikenakan di setiap peringkat pentadbiran dan penyediaan kertas soalan peperiksaan; dan
- (viii) bantuan dan kerjasama polis diminta untuk urusan keselamatan kertas soalan di peringkat-peringkat tertentu.

Majlis Peperiksaan Malaysiajuga telah pun memperkemas prosedur keselamatan kawalan pengedaran kertas-kertas soalan untuk mengelakkan kebocoran peperiksaan STPM. Di samping itu, pihak Majlis Peperiksaan Malaysia telah meminda Akta 225 Majlis

Peperiksaan Malaysia yang di antaranya mengenakan hukuman yang lebih berat kepada mereka yang membocorkan kertas soalan STPM. Hukumannya ialah penjara tidak lebih tiga tahun atau denda tidak lebih RM10,000 atau kedua-duanya sekali.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup untuk soalan.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 17 hingga 49 adalah dibert di bawah ini)*

### DADAH DI KALANGAN BUMIPUTERA—PENCEGAHAN

**17. Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Kesihatan menyatakan oleh kerana terbukti ada 'correlation' antara kaum bumiputera dengan dadah dan AIDS, apakah ini benar dan apakah usaha Kerajaan dan badan-badan sukarela mencukupi untuk mencegah dan mengawal keadaan. .

**Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:** Walaupun kebanyakan penagih dadah dan pembawa HIV adalah di kalangan kaum bumiputera, ini tidak bermakna ada 'correlation'. AIDS sebenarnya tidak ada kaitan langsung dengan bangsa atau keturunan. Semua orang yang melibatkan diri dengan perkongsian jarum sewaktu mengguna dadah dan melibatkan diri dengan perzinaan secara rambang akan terdedah kepada jangkitan HIV. Dalam hal ini dadah dan AIDS memang ada 'positive correlation' iaitu mereka yang mengguna dadah secara suntikan adalah mempunyai risiko yang tinggi untuk dijangkiti HIV.

Setakat ini Kerajaan dengan kerjasama badan-badan sukarela telah berusaha dengan giatnya untuk mencegah dan mengawal keadaan. Bahkan Kerajaan akan mempertingkatkan lagi aktiviti-aktiviti pencegahan dan memperkukuhkan langkah-langkah yang sedang dijalankan,

di samping itu akan berusaha memperolehi penglibatan yang menyeluruh daripada semua anggota masyarakat untuk membantu Kerajaan membanteras gejala AIDS ini. Perlu ditegaskan di sini bahawa untuk memerangi gejala AIDS, seluruh anggota masyarakat termasuk mereka yang telah dijangkiti HIV perlu memberi kerjasama yang erat dan padu, maka barulah masalah AIDS dapat dikawal dengan jayanya.

### KOPERASI—PENYELEWENGAN

**18. Puan Rosalind Yau Shuk Meng** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan sehingga kini berapa ramaikah pengarah-pengarah koperasi yang didakwa kerana melakukan penyelewengan. Adakah Kerajaan sudah mengenalpasti punca-punca yang memudahkan penyelewengan berlaku.

**Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Tan Sri Datuk Haji Sakaran bin Dandai):** Pada pandangan saya maksud soalan Yang Berhormat ditujukan kepada bilangan Ahli Lembaga Pengarah Koperasi. Untuk makluman Yang Berhormat, semenjaktahun 1986 seramai 9 orang Ahli Lembaga Pengarah Koperasi telah disabitkan di Mahkamah dengan kesalahan pecah amanah. 7 orang daripadanya telah pun menjalankan hukuman penjara dan 2 orang daripadanya sedang di dalam peringkat rayuan kepada Mahkamah Tinggi.

Kerajaan telah mengenalpasti punca-punca penyelewengan seperti berikut:

- (i) tidak memahami, menghargai dan menghayati konsep, falsafah dan prinsip-prinsip koperasi;
- (ii) kawalan dalaman oleh ahli-ahli sebagai tuannya tidak berkesan;
- (iii) kepentingan diri sendiri di kalangan ahli-ahli Lembaga;

- (iv) tidak mematuhi undang-undang Koperasi;
- (v) perbuatan tidak amanah di kalangan setengah-setengah pemimpin dan pekerja-pekerja Koperasi.

#### **PEMERINTAHAN NEGARA— PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM**

**19. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang** minta Menteri Kewangan menyatakan dalam meningkatkan usaha Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pemerintahan negara, setakat hari ini berapa banyakkah bank-bank yang menjalankan transaksi kewangan dengan cara Islam dan namakan bank-bank yang menggunakan kaunter Islam itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini, hanya Bank Islam Malaysia Berhad sahaja yang menjalankan urusan bank secara Islam sepenuhnya. Kajian secara terperinci sedang dijalankan bagi membolehkan institusi-institusi kewangan yang lain mengadakan kaunter bank yang berlandaskan lunas Islam. Perkara ini melibatkan pindaan-pindaan ke atas Ordinan Bank Negara 1958, Akta Bank Islam 1983, Akta Takaful 1985 dan Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989. Kajian terperinci perlu dibuat ke atasnya bagi memastikan agar sebarang operasi yang melibatkan nilai-nilai Islam dapat dijalankan dengan teratur dan selaras dengan lunas-lunas Islam.

#### **PASPORT ANTARABANGSA— KEHILANGAN**

**20. Tuan Ho Cheng Wang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah pasport antarabangsa telah ditahan oleh Jabatan Imigresen dan berapakah dikembalikan kepada pemegang dalam tahun 1992. Adakah pihak Kementerian bercadang

memulangkan secara automatik pasport-pasport yang ditahan itu dengan cara surat selepas siasatan pihak Imigresen dan didapati pemegang tidak melakukan apa-apa kesalahan pada masa di luar negeri.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Sehingga 31 hb November, 1992-, sejumlah 9,225 naskhah Pasport Malaysia telah ditahan oleh Jabatan Imigresen dan dari jumlah tersebut, 1,495 naskhah Pasport Malaysia telah dikembalikan kepada pemegangnya. Pihak Jabatan Imigresen akan memulangkan pasport-pasport yang ditahan kepada pemegangnya selepas berpuas hati dengan siasatan yang dibuat di mana mereka tidak melakukan apa-apa kesalahan di luar negeri.

#### **LAPANGAN TERBANG— LANGKAH KESELAMATAN**

**21. Tuan Saad bin Haji Man** minta Menteri Pengangkutan memberi maklumat ke atas perkara-perkara berikut:

- (a) berapakah kerugian besar yang dialami oleh:
  - (i) Kerajaan Malaysia;
  - (ii) Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS);
  - (iii) Syarikat Penerbangan Luar Negeri;
  - (iv) Peniaga-peniagayangterlibat dengan kebakaran Lapangan Terbang Subang yang berlaku pada bulan April dan Oktober 1992 yang lalu; dan
- (b) apakah di dalam perancangan lapangan terbang baru Sepang yang akan dibangunkan nanti, Kerajaan akan memberi perhatian yang lebih kepada sistem mencegah kebakaran dan keselamatan untuk menghalang daripada kes kebakaran tersebut daripada berulang lagi.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Jawapan bagi soalan-soalan yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

- (a) (i) Kerugian yang telah dialami oleh Kerajaan Malaysia akibat dari kebakaran pada bulan April dan Oktober di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang adalah sebanyak RM 30juta.
- (ii) Kerugian yang telah dialami oleh penerbangan Malaysia (MAS) adalah sebanyak RM20.793 juta.
- (iii) Bagi kerugian yang melibatkan syarikat-syarikat penerbangan luar negeri, setakat ini Kerajaan masih lagi belum dimaklumkan oleh pihak-pihak yang berkenaan tentang jumlah banyaknya kerugian yang dialami oleh mereka akibat daripada kebakaran tersebut.
- (iv) Bagi peniaga-peniaga kedai bebas cukai, kerugian yang telah dialami sehingga Oktober 1992 adalah sebanyak RM30.514 juta.
- (b) Berhubung dengan rancangan Kerajaan untuk membina lapangan terbang baru di Sepang, sukacita dimaklumkan bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa Baru Kuala Lumpur ini sememangnya dirancang dengan begitu teliti bukan sahaja dari aspek operasi penerbangan bahkan juga konsep dan pelan susun atur bangunan terminal itu sendiri. Dalam aspek ini perkara-perkara yang melibatkan soal keselamatan dan mencegah kebakaran sememangnya diberi keutamaan tinggi.

### KEGAGALAN SYARIKAT YANG DISENARAIKAN DI BSKL—TINDAKAN

22. **Tuan Rahim bin Baba** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sepanjang tahun 1990 dan 1991 berapakah syarikat yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pelaburan Modal untuk disenaraikan di Pasaran Saham Kuala Lumpur;
- (b) dari jumlah di atas berapakah syarikat yang telah gagal mencapai ramalan keuntungan seperti yang dinyatakan dalam prospektus; dan
- (c) apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Jawatankuasa Pelaburan Modal terhadap syarikat yang gagal mencapai ramalan keuntungan tersebut.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Bilangan syarikat yang telah diluluskan oleh jawatankuasa Terbitan Modal (CIC) untuk disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sepanjang tahun 1990 dan 1991 adalah seperti berikut:

1990	24
1991	53
Jumlah	77

Dari jumlah tersebut, berdasarkan kepada tindakan susulan yang telah dijalankan oleh CIC, 8 syarikat didapati telah gagal mencapai ramalan keuntungan seperti yang dinyatakan dalam prospektus masing-masing.

CIC telah mengambil tindakan sewajarnya keatas syarikat-syarikat yang gagal mencapai ramalan keuntungan tersebut mengikut garis panduan CIC. Dalam keadaan-keadaan tertentu tindakan juga diambil terhadap bank saudagar dan juruaudit yang turut terlibat dalam penyediaan ramalan tersebut.

Tindakan-tindakan yang telah diambil termasuk:

- (i) Ingatan (caution)
- (ii) Teguran (reprimand)
- (iii) Teguran terbuka (public reprimand)
- (iv) Penggantungan penerimaan permohonan oleh CIC (non acceptance of submission) untuk tempoh tertentu.

Jenis-jenis tindakan yang diambil bergantung kepada beratnya kesalahan yang dilakukan oleh pihak-pihak yang terlibat.

Terdapat juga kes-kes terlentu yang dirujuk kepada Pejabat Pendaftaran Syarikat untuk tindakan lanjut.

#### MATA PELAJARAN BAHASA TAMIL DAN KESUSASTERAAN TAMIL DALAM PEPERIKSAAN

**23. Tuan K. Munisamy** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah bilangan calon yang telah mengambil mata pelajaran Bahasa Tamil dan Kesusasteraan Tamil dalam peperiksaan SPM pada tahun 1989, 1990 dan 1991. Berapa ramai calon yang mengambil kedua-dua mata pelajaran itu pada tahun ini; dan
- (b) berapa peratus daripada mereka ini lulus dalam kedua-dua mata pelajaran berkenaan dalam peperiksaan bagi tiga tahun yang tersebut itu.

**Menteri Pendidikan (Datuk Amar Dr. Sulaiman bin Haji Daud):**

- (a) & (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran Bahasa Tamil dan Kesusasteraan

Tamil "dalam peperiksaan SPM (1989-1991) dan peratus lulus pada tahun-tahun berkenaan ialah seperti berikut:

Tahun	Bahasa Tamil			Kesusasteraan Tamil		
	Bil. Ambil	Bil. Lulus	%	Bil. Ambil	Bil. Lulus	%
1989	2951	2372	80.4	1299	844	65.0
1990	3114	2390	76.8	1366	898	65.7
1991	3116	2313	76.7	1271	807	63.5

Bilangan yang mendaftar mengambil peperiksaan SPMBahasa Tamil dan Kesusasteraan Tamil bagi tahun 1992 adalah seperti berikut:

Bahasa Tamil : 4,021 orang  
Kesusasteraan Tamil : 1,834 orang

#### ANAK-ANAK BOSNIA DI MALAYSIA— PERANCANGAN KERAJAAN

**24. Tuan Haji Dol bin Dolah** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan setakat ini berapa ramai jumlah anak-anak Bosnia yang dibawa ke Malaysia:

- (a) apakah rancangan Malaysia yang disediakan untuk anak-anak Bosnia ini; dan
- (b) apakah akan berlaku kepada anak-anak Bosnia ini apabila perang di Bosnia ditakdirkan tamat.

**Tuan Yong Khoo Seng:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan dan aktiviti sebenar untuk memberi bantuan dan membawa masuk rakyat Bosnia ke Malaysia dilakukan oleh badan-badan bukan Kerajaan seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), *Kumpulan Akhbar Utusan Melayu* dan *Kumpulan Akhbar The New Straits Times*.

ABIM telah mengaturkan beberapa rancangan untuk mereka semasa tinggal di negara ini, termasuklah:

- menyediakan tempat tinggal dan makan-minum;
  - (ii) menjaga keselamatan mereka; dan
  - (iii) memberi pendidikan dalam jurusan akademik, keagamaan dan kebudayaan termasuk kebudayaan rakyat Malaysia dan juga Bosnia.
- (b) Sekiranya perang di Bosnia tamat, anak-anak Bosnia ini akan dihantar pulang ke Bosnia.

#### **PENYAKIT ELEPHANTIASIS— TINDAKAN KERAJAAN**

25. **Tuan Ding Seling** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian itu sedar tentang wujudnya penyakit "elephantiasis" di kawasan Sungai Apoh, Daerah Baram, Sarawak. Jika sedar menyatakan:

- (a) apakaitindakan yangtelahdiambil mengenai kewujudan penyakit ini di kalangan penduduk di kawasan itu; dan
- (b) adakah rancangan yang sedang atau akan dilaksanakan untuk menghapus penyakit ini, serta membendungnya dari merebak ke tempat-tempat lain.

**Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:** Kementerian Kesihatan memang sedar bahawa terdapat 3 kes 'elephantiasis' yang baru dikesan dan 1 kes yang telah lama dikenalpasti di kawasan Sungai Apoh, Daerah Baram, Sarawak. Manakala 24 kes telah didapati positif melalui

pemeriksaan darah yang dijalankan sejak tahun 1981 di kawasan Sungai Apoh dan Tutoh.

- (a) Tindakan yang telah diambil mengenai kewujudan penyakit ini di kalangan penduduk di kawasan tersebut adalah seperti berikut:
  - (i) Sejak tahun 1981, pengambilan darah beramai-ramai telah dijalankan di mana sejumlah 2,729 penduduk telah diperiksa untuk mengesanpasti penyakit ini adadi kalangan penduduk yangtidakmempunyaitanda-tanda klinikal.
  - (ii) Semuakesyangdikesantelah diberi rawatan.
- (b) Rancangan yang sedang dijalankan untuk menghapus penyakit serta membendung penyakit ini adalah seperti berikut:
  - (i) Untuk tujuan ini satu pasukan filariasis yang bertempat di Miri telah ditubuhkan untuk rrienjalankan kajian penge-sanan kuman pembawa penyakit untut di kampung-kampung dalam kawasan ini. Kajian ini sedang dan akan dijalankan pada masa akan datang.
  - (ii) Rawatan untuk kes positif akan diberi sebaik sahaja dikesan.
  - (iii) Rawatan beramai-ramai juga dijalankan sekiranya sesuatu kampung itu mempunyai jumlah kes yang tinggi untuk membendung jangkitan kuman untut ini di kalangan penduduk tempatan.
  - (iv) Tindakan susulan dibuat dalam masa 2 bulan untuk semua kes yang telah diberi rawatan bagi memastikan ianya tidak lagi positif.

- (v) aktiviti kawalan vaktorjuga dijalankan untuk kawasan-kawasan tertentu jika diperlukan.

## PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI BELIA

**26. Puan Hajah Rahaiah binti Baهران** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berkenaan dengan perkembangan perancangan dan pelaksanaan Program Pembangunan Ekonomi yang dijalankan oleh Cawangan Pembangunan Ekonomi Belia di Kementerian khususnya keberkesanan program tersebut bagi tahun 1992 dan rancangan dan pelaksanaan bagi tindakan susulan untuk tahun 1993.

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Kementerian Belia dan Sukan melalui Program Pembangunan Ekonomi Belia melaksanakan kegiatan yang bermatlamat untuk mewujudkan satu generasi belia berdikari iaitu dengan melibatkan mereka secara aktif dalam bidang perniagaan, perusahaan kecil dan pertanian. Bagi maksud mencapai matlamat tersebut, perancangan dan pelaksanaan ditumpukan kepada strategi seperti mengadakan kursus-kursus keusahawanan dan pertanian, skim pinjaman modal melalui Tabung Kumpulanwang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia dan Khidmat Bimbingan Projek.

Bagi tahun 1992, menerusi strategi latihan keusahawanan, seramai 4,700 belia telah didedahkan dengan pelbagai kemahiran seperti pengurusan perniagaan, pembentukan sikap, motivasi dan dorongan bagi melengkapkan diri menyertai sektor perniagaan, perusahaan dan pertanian. Sebagai hasilnya, sehingga 30hb Oktober, 1992 sebanyak 298 projek dengan lebih kurang 900 peluang pekerjaan dapat diwujudkan melalui skim pinjaman Tabung Amanah Pembangunan Ekonomi belia yang melibatkan peruntukan sebanyak RM4.6 juta. Penyertaan belia secara sepenuh masa

dalam bidang perniagaan dan pertanian merupakan langkah awal dalam usaha melatih mereka menjadiahawanyang berjaya pada masa akan datang.

Bagi tahun 1993 Kementerian Belia dan Sukan akan terus melaksanakan program-program Latihan Keusahawanan, memperhebatkan skim pinjaman Tabung Kumpulanwang Amanah Pembangunan Ekonomi dan mengadakan khidmat bimbingan. Melalui latihan keusahawanan adalah dijangka 185 kegiatan akan dapat dilaksanakan dengan penyertaan seramai 4,890 orang belia dan melibatkan peruntukan kewangan sebanyak RM0.67 juta. Skim pinjaman Tabung Kumpulanwang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia dengan peruntukan sebanyak RM4 juta bagi 350 projek dan dapat memberi faedah dari segi pekerjaan kepada lebih kurang 1,050 orang belia.

Dalam usaha melaksanakan program untuk faedah dan kepentingan belia, Kementerian akan menyusun dan merancang pendekatan baru terutamanya dalam bidang pemasaran. "Sistem Payung" umpamanya, akan terus dilaksanakan dan dipergiatkan dengan kerjasama agensi kerajaan lain dan pihak swasta bagi tujuan menangani masalah pemasaran hasil pengeluaran.

Adalah diharapkan program pembangunan Ekonomi Belia akan dapat memberi kesempatan kepada belia-belia yang kurang bernasib baik seperti tercidir dari persekolahan, penganggur, ahli keluarga miskin dan termiskin melibatkan diri dalam bidang keusahawanan selaras dengan strategi Dasar Pembangunan Nasional.

## KEKURANGAN BILIK DARJAH— USAHA MENGATASI

**27. Dato'Tan Gim Hwa** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) KetuaPengaroh Pendidikan, Dato' Asiah Abu Samah telah mengatakan dalam akhbar *The*



*Star* pada 24hb November, 1992 bahawa Kementerian Pendidikan mungkin tidak akan menaikkan (promote) semuacalon-calun SRP ke tingkatan empat pada tahun akademi depan kerana kekurangan bilik-bilik darjah;

- (b) jika benar, adakah ini menunjukkan kelemahan dari segi perancangan pada pihak Kerajaan ini;
- (c) adakah kelemahan ini akan menjejaskan pelaksanaan lacin Kurikulum Baru Sekolah Menengah. Jika tidak, mengapa; dan
- (d) jika ya, sila nyatakan tindakan-tindakan pembetulan yang diambil untuk mengatasi masalah ini.

**Datuk Amar Dr. Sulaiman bin Haji Daud:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenyataan yang dibuat oleh Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia itu memang benar. Sebenarnya, memang terdapat kekurangan bilik-bilik darjah dan keperluan-keperluan fizikal yang lain seperti makmal dan bengkel-bengkel tertentu di sekolah-sekolah. Perkara ini tidak disebabkan oleh pertambahan pelajar yang dinaikkan ke Tingkatan 4. Untuk mengatasi masalah ini, Kementerian Pendidikan sedang giat berusaha untuk menambah bilangan bilik-bilik darjah baru serta menambah pembinaan sekolah baru. Dalam RM6, sebanyak 172 buah sekolah menengah atau 4,349 bilik darjah akan dibina untuk memastikan semua pelajar mendapat tempat di sekolah. Di samping itu, Kementerian Pendidikan juga telah menambah pengambilan pelajar Tingkatan IV di Sekolah Menengah Vokasional untuk mengikuti latihan vokasional dan latihan kcmahiran. Justeru itu, kenyataan bahawa Kementerian Pendidikan tidak mempunyai perancangan yang lelitu untuk menempatkan pelajar lepasan Tingkatan III ke Tingkatan IV adalah tidak benar sama sekali.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan KBSM tetap berjalan seperti yang dirancangkan.

### **POLIS DI RAJA MALAYSIA- MENINGKATKAN SISTEM PERALATAN KOMUNIKASI**

**28. Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi** minla Menteri Dalam Negeri menjelaskan sejauh manakah usaha-usaha telah dijalankan bagi menentukan sistem komunikasi yang digunakan oleh Polis Di Raja Malaysia dipertingkatkan bagi memerangi penjenayah-penjenayah yang mempergunakan peralatan komunikasi yang lebih canggih.

**Tuan Ong Ka Ting:** Mulai tahun 1993, Polis Di Raja Malaysia akan dibekalkan dengan sistem perhubungan VHF bersepadu. Sistem ini akan disepadukan dengan sistem data dan kelui (pager). Pelaksanaan sistem ini dijangka dapat menandingi dan seterusnya riiemerangi penjenayah-penjenayah yang menggunakan peralatan komunikasi yang canggih.

### **LAUTAN SELAT MELAKA— MENENTUKAN SEMPADAN DI ANTARA MALAYSIA DAN INDONESIA**

**29. Tuan Neo Tuan Cheng** minta menteri Pertanian menyatakan apakah Kementerian Pertanian bercadang untuk membantu nelayan-nelayan di Selat Melaka menentukan sempadan lautan supaya tidak berlakunya pelanggaran kawasan yang sentiasa berlaku dan menyebabkan bot-bot dan nelayan-nelayan kita ditahan oleh pihak Indonesia.

**Dato' S. Subramaniam:** Penentuan sempadan lautan di Selat Melaka di antara Malaysia dengan Indonesia telah pun sedia wujud. Untuk menandakan kawasan sempadan tersebut dengan cara, misalnya,

menggunakan boya adalah tidak ekonomik serta tidak pratikal. Tambahan pula ianya sukur untuk dilaksanakan kerana keadaan laut yang sentiasa berubah-ubah.

Pelanggaran kawasan yang berlaku ialah kerana nelayan-nelayan tempatan tidak menghirau arahan dan nasihat Jabatan Perikanan. Perkara ini boleh dielak jika sekiranya mereka mengguna alat pandu arah seperti kompas, GPS, dan lain-lain lagi.

Sebagai langkah keselamatan, bot-bot nelayan adalah dimintajangan menangkap ikan dilaluan antarabangsa dan juga sentiasa memasang lampu-lampu keselamatan di waktu malam.

Berhubung dengan nelayan-nelayan yang ditangkap oleh pihak berkuasa Indonesia, mereka telah didapati menangkap ikan di luar kawasan perairan perikanan Malaysia. Kementerian Pertanian hanya melesenkan nelayan negara ini untuk menangkap ikan di kawasan perairan perikanan Malaysia sahaja. Jika mereka menangkap ikan di kawasan negara lain, maka mereka terpaksa menghadapi risiko ditangkap dan didakwa oleh pihak negara jiran. Oleh yang demikian, para nelayan Malaysia adalah dinasihatkan supaya menangkap ikan di kawasan perairan perikanan Malaysia sahaja.

#### PELABUHAN PORT DICKSON

**30. Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan samaada Kerajaan bercadang untuk membuat pelabuhan di Port Dickson.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Pada ketika ini Kerajaan tidak mempunyai sebarang rancangan untuk membina pelabuhan baru di Port Dickson disebabkan kemudahan-kemudahan pelabuhan yang ada di Malaysia

mempunyai keupayaan untuk mengendalikan kargo import/eksport kita. Sebenarnya berjaya atau tidak sesebuah pelabuhan lebih banyak bergantung kepada syarikat-syarikat perkapalan yang akan menggunakan kemudahan di pelabuhan berkenaan. Perkembangan industri perkapalan telah mengubah amalan pelayaran syarikat-syarikat perkapalan. Adalah menjadi 'trend' sekarang kapal-kapal hanya singgah di pelabuhan-pelabuhan utama yang mempunyai kemudahan yang terbaik dan memunggah/mengisi kargo dalam jumlah yang besar sahaja.

#### KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN—USAHA MENGELAKKAN KEBOCORAN

**31. Datuk Ng Peng Hay** minta Menteri Pendidikan menyatakan usaha-usaha yang lebih konkrit untuk mengelakkan kebocoran kertas soalan peperiksaan daripada berulang demi menjaga taraf peperiksaan tersebut.

**Datuk Amar Dr. Sulaiman bin Haji Daud:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah dijawab sekali gus bersama-sama dengan soalan No. 16 dalam Aturan Mesyuarat Harian Dewan Negara iaitu soalan daripada Yang Berhormat Senator Syed Abdul Hamid Sagal pada hari ini.

#### SKIM PINJAMAN KHAS PERSATUAN (SPKP) DAN SKIM TABUNG PINJAMAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL (TPPPK) TAHAP PENCAPAIAN

**32. Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah** minta Menteri Kewangan menyatakan pada tahun 1989 Kementerian ini telah melancarkan dua skim; Skim Pinjaman "Khas Persatuan (SPKP) dan Skim Tabung Pinjaman Penjaja dan Peniaga Kecil (TPPPK) bagi

tujuan memberi kemudahan pinjaman, sejauh manakah tercapainya tahap ekonomi para peniaga melalui kemudahan yang diberikan itu.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Skim Tabung Pinjaman Penjaja dan Peniaga Kecil dan Skim Pinjaman Khas Persatuan adalah merupakan dua skim yang diwujudkan untuk membantu peniaga dan penjaja kecil mendapatkan sumber kewangan dengan mudah tanpa memerlukan penjamin dan cagaran.

Jadikendalikan oleh Syarikat Jaminan Kredit Malaysia Berhad dengan kerjasama bank-bank perdagangan dan persatuan-persatuan penjaja dan peniaga kecil. Setiap pinjaman yang dikeluarkan adalah dijamin 100% oleh Syarikat Jaminan Kredit.

Sejak dimulakan dalam tahun 1986 sehingga 30hb November, 1992, sebanyak 21,227 pinjaman telah diluluskan kepada para penjaja dan peniaga kecil di seluruh negara yang melibatkan jumlah wang sebanyak RM49,583 juta. Dari jumlah itu sebanyak 5,564 pinjaman dengan nilai RM1,072 juta adalah diluluskan di bawah Skim Pinjaman Khas Persatuan, manakala bakinya 15,663 pinjaman dengan nilai RM38,511 juta adalah diluluskan di bawah Skim Tabung Pinjaman Penjaja dan Peniaga Kecil.

Buat masa ini belum ada lagi kajian dibuat mengenai tahap ekonomi yang dicapai oleh penjaja dan peniaga kecil melalui kemudahan pinjaman yang disediakan itu. Bagaimanapun, secara kasarnya adalah didapati sasarannya iaitu penjaja dan peniaga kecil sekarang semakin maju dan mendapat perhatian sewajarnya daripada pihak-pihak penguasa tempatan di mana banyak pusat-pusat khas telah disediakan untuk kemudahan mereka berniaga dengan gerai-gerai yang lebih kemas dan tersusun. Jumlah pinjaman yang bertambah dari tahun ke tahun juga mencerminkan wujudnya peluang-

peluang perniagaan yang menguntungkan kepada para peniaga dan penjaja kecil selaras dengan kepesatan pembangunan ekonomi negara.

**PELAJAR PELAJAR TAJAAN  
JABATAN PERKHIDMATAN  
AWAM LANGKAH KERAJAAN  
MEMBANTU MENDAPATKAN  
PEKERJAAN**

**33. Tuan Isli bin Haji Siput** minta Perdana Menteri meriwayatkan adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar ataupun tidak sedar bahawa pelajar-pelajar seberang laut yang ditaja oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dengan belanja yang besar oleh Kerajaan tidak mendapat garis panduan mahupun bantuan sama ada secara langsung atau tidak untuk mendapat pekerjaan walaupun pelajar-pelajar ini mempunyai 'bond' untuk berkhidmat dengan Kerajaan dalam jangka masa sekurang-kurangnya 10 tahun; dengan demikian:

- (a) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Awam yang menawarkan blasiswa dan jugapada masa-masa tertentu menetapkan pilihan kursus-kursus kepada pelajar-pelajar ini tetapi tidak membantu untuk mendapatkan pekerjaan selepas pelajar-pelajar ini tamat pengajian mereka; dan
- (b) adakah beliau sedar bahawa sebilangan besar peluang pekerjaan terutamanya di bidang swasta hanya terdapat di Semenanjung sahaja dan sudah tentu menjejaskan peluang pelajar-pelajar daripada Sabah ataupun Wilayah Persekutuan Labuan untuk memohon sebab semua temuduga dijalankan di Semenanjung dan tidak mungkin pelajar-pelajar ini mampu membayar tambang kapal terbang dan menyewa hotel hanya kerana semata-mata menghadiri

temuduga yang belum pasti mereka dapat, jika sedar apa bentuk bantuan diambil.

**Tuan Othman bin Abdul:** Pelajar-pelajar tajaan Kerajaan yang- sedang menuntut di universiti-universiti seberang laut, telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengikuti bidang-bidang tertentu sebagaimana yang dirancang, seperti bidang perubatan, kejuruteraan, akitek, undang-undang, komputer atau bidang lainnya. Dengan mengikuti bidang-bidang tersebut, mereka telah maklum dan mempunyai gambaran terhadap jenis pekerjaah yang sesuai disandang apabila menamatkan pengajian. Taklimat mengenai panduan kerja ada diberikan oleh JPA kepada pelajar-pelajar tajaannya sebelum mereka melanjutkan pelajaran keluar negeri.

Pelajar-pelajar yang menerima biasiswa Kerajaan, boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana agensi Kerajaan bagi tempoh sebagaimana yang ditetapkan" di dalam surat perjanjian, sekiranya ada kekosongan jawatan yang sesuai dalam sektor awam. Jika dalam tempoh 6 bulan selepas menamatkan pengajian, tiada tawaran diberikan oleh Kerajaan, mereka boleh mendapatkan pelepasan dari ikatan perjanjian berkenaan.

Berhubung dengan urusan temuduga untuk mendapatkan pekerjaan, Kerajaan sedar bahawa peluang pekerjaan terutamanya di sektor swasta, sebahagian besarnya terdapat di Semenanjung Malaysia. Bagi maksud pengambilan di sektor tersebut, Kerajaan tidak bolch memberi arahan supaya urusan temuduga diadakan di sesebuah negeri/kawasan. Justeru itu, Kerajaan tidak bercadang unluk memberi bantuan sama ada dalam bentuk tiket kapal terbang ataupun lain-lain elaun bagi membantu calon-calon dari mana-mana negeri untuk menghadiri temuduga.

## PEMBOCORAN RAHSIA KERAJAAN—TINDAKAN

**34. Dato'Haji Azman Atar bin Othman** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana siasatan dan tindakan telah diambil terhadap mereka yang membocorkan rahsia Kerajaan khususnya rnengenai pembelian kerela Volvo Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Adakah Kerajaan bercadang untuk menggunakan peruntukan Akta Rahsia Rasmi lerhadap pihak yang terlibat dalam membocorkan rahsia, seumpama mereka yang membocprkan rahsia pembelian kereta Volvo itu.

**Tuan Othman bin Abdul:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah pun membuat laporan terhadap mereka yang membocorkan rahsia pembelian kereta Volvo DBKL kepada pihak polis dan perkara ini masih lagi di dalam siasatan pihak berkenaan.

## TUMPAHAN MINYAK OLEH KAPAL "NAGASAKI SPIRIT"

**35. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan berapa lamakah masa diambil untuk rmembersihkan tumpahan minyak dari sebuah kapal di sekitar perairan pantai' Malaysia. Berapakah kos untuk membiayai pembersihan tumpahan minyak oleh kapal "Nagasaki Spirit" yang baru lalu dan berapakah kerii gian yang telah dialami oleh pihak Kerajaan dan rakyat negara.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding);** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat.-masa yang diambil bagi membersihkan tumpahan minyak sesebuah kapal bergantung kepada sesuatu keadaan tumpahan minyak itu. Jika jumlah tumpahan minyak didapati besar dari meliputi kawasan perairan yang luas, masa untuk membersih tumpahan minyak itu mungkin berminggu-minggu atau

berbulan-bulan malah mungkin bertahun-tahun. Namun begitu, pada masa-masa yang lepas, Malaysia tidak pernah mengalami kejadian tumpahan minyak yang besar.

Mengenai kos untuk membiayai kerja kerja pembersihan tumpahan minyak oleh kapal "Nagasaki Spirit" baru-baru ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ianya belum lagi dapat ditentukan kerana kerja-kerja mengumpul data dan maklumat berhubung dengan perkara tersebut masih dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Berhubung dengan kerugian yang telah dialami oleh pihak Kerajaan dan rakyat negara ini, perkara tersebut masih dalam peringkat kajian oleh beberapa agensi Kerajaan, manakala kajian kesan-kesan tumpahan minyak terhadap hidupan laut di kawasari-kawasan yang terjejas seperti Pulau Langkawi dan pulau-pulau sekitarnya sedang dilaksanakan oleh pakar-pakar penyelidik dari salah sebuah universiti tempatan.

### SAINTIS TEMPATAN YANG BERTUGAS DI LUAR NEGERI

**36. Puan Hajah Asmah binti Ismail** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan berhubung dengan saintis-saintis tempatan yang bertugas di luar negeri dan hasrat Kerajaan hendak membawa balik saintis-saintis ini bertugas di dalam negeri:

- (a) berapa ramai saintis-saintis dari negara ini yang telah pergi bekerja di luar negeri mengikut kepakaran-kepakaran yang mereka perolehi;
- (b) setakat ini apakah perkembangan yang telah diperolehi oleh pihak Kerajaan berhubung dengan tawaran-tawaran insentif kepada saintis-saintis yang bertugas di luar negeri untuk kembali semula bekerja di dalam negeri ini; dan
- (c) buat masa ini, berapa ramai anak-anak tempatan yang menjadi saintis-saintis dalam bidang-bidang tertentu.

### Tuan Law Hieng Ding:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun memang diakui terdapat saintis-saintis dari negara ini yang bekerja di luar negeri tetapi maklumat yang lepat mengenai bilangan saintis-saintis tersebut, bidang-bidang kepakaran mereka serta di negara mana mereka bekerja adalah masih tidak diperolchi ketika ini.
- (b) Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telahpun menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi mengambil langkah-langkah untuk menarik balik saintis-saintis dari negara ini yang berkhidmat di luar negeri. Jawatankuasa tersebut telahpun dapat mengenalpasti bidang-bidang keutamaan kepakaran yang diperlukan oleh institusi-institusi di negara kita serta mencadangkan satu mekanisma yang sesuai termasuk insentif bagi menarik mereka untuk kembali berkhidmat di dalam negeri. Buat masa ini perkara-perkara tersebut masih lagi dikaji di peringkat Kementerian.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut kajian yang dijalankan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar pada tahun 1989, bilangan pakar-pakar sains dan teknologi di negara ini yang terlibat dalam kegiatan penyelidikan adalah seramai 5,537 orang iaitu yang mempunyai ijazah di peringkat Ph.D, M.Sc dan B.Sc dalam beberapa bidang sains dan teknologi iaitu:

Kejuruteraan	1,353
Komputer	242
Perubatan	333
Pertanian	1,162
Sains Asas	1,632
Lain-lain bidang	815

### LESEN PUKAT SIPUT RETAK SERIBU—PENGHARAMAN

**38. Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah Kemenlerian bercadang untuk mengharamkan lesen pukat siput retak seribu kerana kegiatannya menyebabkan sumber laut di beberapa tempat telah pupus.

**Dato S. Subramaniam:** Sehingga kini jumlah lesen untuk mengutip siput retak seribu yang telah dikeluarkan adalah sebanyak 45 unit. Pecahan jumlah lesen-lesen bagi maksud ini adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Lesen</i>
(a) Kedah	20
(b) Perlis	15
(c) Selangor	10
Jumlah	45

Jabatan Perikanan pernah menjalankan satu kajian komprehensif tentang kesan jangka pendek penggunaan alat pengorek siput berkenaan pada bulan Oktober, 1987. Kesimpulan dari kajian tersebut adalah didapati bahawa tiada kesan negatif yang ketara terhadap sumber perikanan yang lain akibat dari penggunaan alat ini. Bagaimanapun keputusan kajian tersebut memperakukan terdapatnya perubahan jangka pendek ekologi di kawasan pengutipan siput berkenaan. Contohnya, peningkatan bahan-bahan organik (humus) di bahagian dasar laut, peningkatan 'suspended solid' dan kekeruhan air akibat daripada pergolakan dasar laut. Kesan daripada ini memungkinkan berlakunya perpindahan sementara ikan dan udang ke kawasan lain dan bukanlah satu pemusnahan ke atas sumber perikanan.

Bagi menentukan sejauh manakah perpindahan semulajadi ikan dan udang sebenarnya boleh menjejaskan pendapatan nelayan tradisional, Jabatan Perikanan sedang menjalankan satu kajian jangka

panjang yang sedang berlangsung dari Mac hingga Disember, 1992. Maklumat pendaratan dan biologi seperti saiz kematangan, kadar tumbesaran, kadar kematian dan kadar usahasil akan digunakan sebagai rumusan dan landasan dalam merancang pengurusan sumber siput retak seribu dengan lebih rasional dan teratur di masa akan datang.

Jabatan Perikanan tidak bercadang untuk mengharamkan pengeluaran lesen bagi maksud mengutip siput retak seribu pada masa ini. Kegiatan memungut siput ini, selain daripada memberi pendapatan yang lumayan kepada empunya lesen, ia juga mewujudkan kegiatan hiliran terutamanya kepada penduduk tempatan yang dapat menyumbang pendapatan sampingan kepada keluarga. Kerajaan juga akan mendapat hasil daripada kegiatan ini. Apa yang pasti pada masa ini adalah, jumlah lesen tidak akan ditambah, hanya kegiatan tahunan sahaja yang akan dijalankan, iaitu pembaharuan lesen.

Pengharaman atau tambahan lesen pula akan ditentukan oleh keputusan kajian yang sedang berlangsung sehingga akhir tahun ini.

### MENTERNAK DI KAWASAN SESUAI UNTUK MENGELAK PENCEMARAN

**39. Tuan Haji Saidin bin Mohamad** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan akan menentukan kawasan-kawasan tertentu sahaja bagi menjalankan ternakan seperti ayam, itik, lembu, kerbau, babi dan sebagainya bagi mengelak pencemaran dan bau yang mengganggu keselesaan penghuni dan masyarakat sekitar.

**Dato' S. Subramaniam:** Melainkan penternakan khinzir, Kerajaan tidak bercadang menentukan kawasan-kawasan tertentu bagi menjalankan kegiatan penternakan kerana penglibatan kebanyakan penternak adalah sebagai aktiviti

sampingan sahaja. Bagi penternakan khinzir, Kerajaan sedang berusaha menentukan kawasan-kawasan tertentu yang sesuai untuk maksud tersebut.

### PROJEK MEMPELAM PERLIS

**40. Tuan Haji Saidin bin Mohamad** meminta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan telah mengkaji atau menghantar pakar-pakar dalam bidang pertanian dalam mengatasi permasalahan projek mempelam di negeri Perlis yang keluasannya lebih kurang 15000 hektar dan Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit tetapi kini tidak menghasilkan pendapatan yang memuaskan.

**Dato' S. Subramaniam:** Kementerian Pertanian telahpun mengkaji dan mengambil perhatian tentang permasalahan yang dihadapi di Projek Mempelam Perlis dan mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) menubuhkan Jawatankuasa Pengeluaran dan Jawatankuasa Pemasaran Projek Mempelam Perlis yang dianggotai oleh pakar-pakar daripada beberapa jabatan dan agensi seperti Jabatan Pertanian, MARDI, LPP, FAMA dan JPS untuk mengkaji dan mengatasi masalah pembangunan Industri Mempelam Perlis.
- (ii) menubuhkan Jawatankuasa Strategi Pembangunan Mempelam Perlis yang dianggotai oleh pakar-pakar dari Jabatan Pertanian di peringkat kawasan untuk mengatasi masalah yang dihadapi di dalam pelaksanaan Projek Mempelam Perlis;
- (iii) memastikan petani-petani mempertingkatkan amalan pertanian seperti pembajaan, pengawalan rumpai, musuh dan penyakit dijalankan mengikut masa-masa yang diperlukan. Langkah-langkah ini dibuat melalui agen-agen pengembangan yang sedia ada di peringkat kawasan;

- (iv) menyediakan program pengurusan ladang yang menyeluruh untuk dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan di dalam usaha mempertingkatkan amalan agronomi yang diperlukan di dalam projek mempelam di dalam usaha mendapatkan penghasilan yang memuaskan.

### KERTAS PEPERIKSAAN SRP DAN SPM KEBOCORAN

**41. Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Mohd. Seth** minta Menteri Pendidikan menyatakan sejak beberapa tahun ini kita kerap mengalami kebocoran dalam kertas peperiksaan SRP dan juga SPM. Ini memberikan kesan yang buruk kepada pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan tersebut. Justeru itu sila nyatakan sama ada:

- (a) boleh atau tidak pihak Kerajaan dan media massa terutamanya akhbar-akhbar tidak mendedahkan kebocoran kertas-kertas peperiksaan yang terlibat sehingga keseluruhan peperiksaan selesai. Dengan cara ini gangguan kepada pelajar-pelajar yang sedang menduduki peperiksaan dapat dikurangkan; dan
- (b) sama ada langkah-langkah dan cara-cara yang diambil sekarang dapat menjamin kebocoran itu tidak berlaku lagi.

**Datuk Amar Dr. Sulaiman bin Haji Daud:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah dijawab sekali gus bersama-sama dengan soalan No. 16 dalam Aturan Urusan Mesyuarat Harian Dewan Negara, iaitu soalan daripada Yang Berhormat Senator Syed Abdul Hamid Saggat pada hari yang sama.

### LAPANGAN TERBANG SULTAN MAHMUD—PEMBESARAN

**42. Tuan Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sania ada Kementerian bercadang untuk memperbesarkan lagi Lapangan Terbang Sultan Mahmud di Kuala Terengganu supaya boleh menampung kapal terbang jenis JUMBO mendarat di situ, memandangkan pelancong-pelancong dan usahawan-usahawan berminat dalang ke Terengganu;
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan penerbangan terus MAS dari Kuala Terengganu ke Singapura, memandangkan negeri tersebut tidak mempunyai perhubungan keretapi; dan
- (c) adakah Kementerian ingin memperbesarkan pelabuhan di Pantai Timur, memandangkan kawasan tersebut adalah berpotensi dan palingdekat dengan Asia Timur yang akan menjadi kawasan yang maju di seluruh dunia pada tahun 2000.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:**

- (a) Kerajaan tiada cadangan untuk membesarkan lagi Lapangan Terbang Sultan Mahmud di Kuala Terengganu. Kemudahan-kemudahan sedia ada yang terdapat di lapangan terbang tersebut pada ketika ini adalah mencukupi untuk mengendalikan perkhidmatan udara dan memenuhi permintaan trafik dalam beberapa tahun akan datang.
- (b) Kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk mewujudkan penerbangan terus MAS dari Kuala Terengganu ke Singapura. Pada masa ini MAS telahpun mengadakan perkhidmatan penerbangan berjadual sebanyak 2 kali seminggu di antara Johor Bahru dan Kuala Terengganu. Dengan

adanya perkhidmatan ini ianya akan memudahkan perjalanan daripada Kuala Terengganu ke Johor Bahru dan Singapura. Perkhidmatan ini akan ditambah bilamana permintaan terhadapnya meningkat.

Kementerian telahpun melantik juru perunding untuk membuat beberapa kajian dan tindakan susulan lermasuk pengorekan (dredging) atau pembesaran akan diambil berdasarkan hasil laporan tertentu serta keperluan semasa dan akan datang.

### KHALWAT—JUMLAH TANGKAPAN

**43. Tuan Rahim bin Baba** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa raniaikah pasangan yang telah ditangkap berkhawat di sepanjang tahun 1990, 1991 dan 1992 di Wilayah Persekutuan dan
- (h) apakah menjadi dasar Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan untuk menyiarkan nama-nama mereka yang ditangkap berkhawat ini di akhbar-akhbar.

**Tuan Othman bin Abdul:** Jumlah pasangan yang telah ditangkap berkhawat sepanjang tahun 1990, 1991 dan 1992 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan pasangan</i>
1990	684
1991	1,132
1992	1,000
Jumlah	2,816



**PENDATANG/PEKERJA ASING  
TANPA IZIN**

**44. Dato Tan Gim Hwa** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan pendatang-pendatang haram yang didaftarkan semasa gerakan pendaftaran haru-baru ini. Sila berikan pecahan mengikut negeri;
- (b) bilangan pendatang-pendatang haram yang tidak didaftarkan sehingga hari ini dan langkah-langkah yang diambil untuk mengeluarkan pendatang-pendatang haram ini;
- (c) bilangan pendatang-pendatang haram yang ditahan di bawah Operasi Nyah I dan II serta negara-negara asal mereka; dan
- (d) bilangan pendatang-pendatang haram yang telah dihantar pulang sehingga hari ini dan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengelakkan pendatang-pendatang haram baru daripada memasuki negara kita.

**Tuan Ong Ka Ting:**

- (a) Bilangan pekerja asing tanpa izin (PATI) yang telah mendattur sehingga larih tutup pendaftaran pada 30.6.92 adalah seramai 374,205 orang dan mereka adalah seperti berikut:

Indonesia	31 1,434 orang
Thailand	22,524 orang
Bangladesh	18,972 orang
Myanmar	9,408 orang
India	8,624 orang
Pakistan	1,795 orang
Lain-lain	1,448 orang
Jumlah	374,205 orang

- (b) Sctakat ini Kerajaan tidak dapat rnenenlukan akan bilangan sebenar PATI yang belum mendaftar kcranakehadiran merckadinegara ini adalah tidak teratur. Bagi mcgesannya, Ops Nyah II tclah dilancarkan, tujuannya ialah untuk menangkap dan menghantar increka pulang. Selain daripada itii, tindakan tegas juga akan diambil kepada para majikan yang masih mcngambil merckabekerja.
- (c) Bilangan pendalang tanpa (PTI) yang telah ditangkap dalain Ops Nyah I sehingga 10.12.92 adalah seramai 18,5H6 orang. Mereka yang dilangkap adalah dalang dari Indonesia. Manakala PATI yang dilangkap dalain Ops Nyah II adalah seramai 17,238 orang. Mereka ini terdiri daripada warganegara Indonesia, Bangladesh, Thailand, Myanmar, India, Pakistan dan Sri Lanka.
- (d) Bilangan PTI/PATI yang telah dihantar pulang sehingga 10.12.92 adalah seramai 21,427 orang. Bebcrapa langkah telahpun diambil untuk mengelakkan PTI yang baru memasuki negara ini, Antaranya:

- (i) mengetatkan kawalan dan rondaan di kawasan-kawasan dan perairan yang disyaki; dan
- (ii) menangkap mereka dan orang-orang yang bersubahat/memberi perlindungan kepada mereka dan mendakwa mereka di mahkamah.

**PULAU JEREJAK—  
PERANCANGAN KERAJAAN**

**45. Dato' Tan Gim Hwa** minta Menteri Dalain Negeri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan Persekutuan telah bersctuju unluk memulangkan Pulau Jerejak kepada

Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Jika tidak, apakah sebab-sebabnya;

- (b) sama ada Kerajaan Persekutuan dan Negeri mempunyai sebarang rancangan untuk membangunkan Pulau Jerejak; dan
- (c) sama ada Kerajaan Persekutuan akan menimbang untuk memberikan status kawasan cukai bebas (duty free area) kepada pulau ini.

**Tuan Ong Ka Ting:** Kerajaan Persekutuan belum lagi membuat keputusan muktamad untuk menyerahkan Pulau Jerejak kepada Kerajaan Negeri. Perbincangan selanjutnya mengenai keputusan ini masih lagi dijalankan. Kerajaan pada dasarnya bersetuju untuk membangunkan pulau ini untuk dijadikan Pusat Pelancongan. Walaubagaimanapun, kajian akan dibuat sama ada kawasan ini sesuai untuk dijadikan kawasan bebas cukai atau tidak.

#### **HOSPITAL ESTET— PENGAMBILAN ALIH OLEH KERAJAAN**

**46. Tuan V.K. Sellappan** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) sejauh manakah kajian mengenai pengambilan hospital-hospital estet oleh Kerajaan telah berjaya; dan
- (b) apakah kedudukan Kertas Kerja Bersama yang disediakan oleh Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Kesihatan kepada Kabinet mengenai perkara di atas.

Dato' M. Mahalingam:

- (a) Kerajaan telah selesai menjalankan kajian mengenai pengambilan hospital-hospital estet.

- (b) Hasil kajian ini Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sumber Manusia kini sedang mengadakan perbincangan untuk menentukan dasar mengenai hospital-hospital estet untuk pertimbangan Jemaah Menteri.

#### **PENSYARAH UNIVERSITI/ITM MELETAK JAWATAN— TINDAKAN KERAJAAN**

**47. Datuk Ng Peng Hay** minta Menteri Pendidikan menyatakan sejak 1991 hingga Oktober tahun ini, berapa ramaikah pensyarah universiti/ITM yang telah meletakkan jawatan. Adakah Kementerian sedar keadaan ini akan terus berlaku dan apakah usaha Kementerian untuk mengurangkannya.

**Datuk Amar Dr. Sulaiman bin Haji Daud:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 1991 sehingga akhir tahun ini terdapat lebih kurang 230 orang pensyarah yang meletakkan jawatan. Ini merupakan 2% daripada jumlah pensyarah yang berkhidmat di universiti/ITM setiap tahun, satu keadaan biasa di dalam sesebuah negara yang sedang pesat membangun. Sebagai langkah untuk mengekalkan pensyarah-pensyarah khususnya pensyarah-pensyarah yang berpengalaman di universiti/ITM, Kerajaan baru-baru ini telah mengadakan skim gaji baru iaitu SSB di mana selain dari diberi gaji yang lebih menarik, pensyarah-pensyarah juga diberi peluang kenaikan pangkat yang lebih.

Sebelum ini pensyarah-pensyarah juga diberi kemudahan seperti cuti sabbatical untuk menjalankan penyelidikan kepada mereka yang layak.

#### **GRADUAN TAJAAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM DARI SABAH DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN—JUMLAH**

**48. Tuan Isli bin Haji Siput** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa banyakkah bilangan pelajar-pelajar seberang laut ditajaan Jabatan Perkhidmatan Awam yang berasal dari Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan yang telah bekerja sama ada di Jabatan Kerajaan atau swasta, dan berapa ramai lagi yang masih menganggur; dan
- (b) apakah langkah Kerajaan untuk membantu para graduan yang tidak mempunyai pengalaman kerja, kerana rata-rata syarikat swasta hanya menerima para graduan yang berpengalaman kerja sahaja diambil berkerja dengan mereka.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Bilangan pelajar-pelajar dari Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan yang telah ditaja oleh Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengikuti pengajian di luar negeri semenjak tahun 1980 hingga 1992 adalah berjumlah 237 orang semuanya.

Dari jumlah tersebut, Kerajaan tidak mempunyai rekod bilangan siswazah yang berkhidmat di sektor awam ataupun swasta. Siswazah-siswazah yang tidak ditawarkan menjawat apa-apa pekerjaan dalam sektor awam; selepas 6 bulan menamatkan pengajian, akan dilepaskan dari ikatan perjanjian biasiswa dan bebas untuk berkhidmat dengan mana-mana syarikat swasta atau bekerja sendiri. Mereka tidak perlu memaklumkan sama ada telah mendapat pekerjaan ataupun tidak.

Sebagai langkah membantu siswazah mendapat pengalaman bekerja, Jabatan Perkhidmatan Awam dengan kerjasama sektor swasta, ada menganjurkan program latihan berkerja secara 'on the job training'. Bagi siswazah yang menuntut di luar negeri, kebenaran ada diberi

kepada mereka untuk menjalani latihan 'attachment' sebelum kembali berkhidmat di tanah air.

### **GURU SRJK(C) DAN SRJK(T)— LANGKAH MENGATASI KEKURANGAN**

**49. Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah dan tindakan Kementerian Pendidikan bagi mengatasi kekurangan 15,000 guru sandaran bagi sekolah Kebangsaan (Tamil) dan (Cina) di seluruh negeri;
- (b) benarkah kajian yang menyatakan ramai guru-guru sandaran yang berkecukupan tidak berminat dengan profesion ini disebabkan ganjaran yang tidak menggalakkan. Jika benar kajian ini, apakah langkah dan tindakan Kementerian bagi mengatasi masalah ini; dan
- (c) adakah Kementerian bercadang untuk merangka satu skim gaji yang lebih munasabah kepada guru-guru sandaran sebagai langkah-langkah untuk mengatasi.

**Datuk Amar Dr. Sulaiman bin Haji Daud:**

- (a) Kementerian Pendidikan tidak pernah mengalami kekurangan guru sandaran seperti yang ditimbulkan. Walau bagaimanapun terdapat kekurangan guru terlatih di Sekolah Rendah Kebangsaan, SRJK (C) dan SRJK (T). Mengikut rekod Kementerian Pendidikan, kekurangan guru terlatih di sekolah rendah pada Oktober 1992 ialah seramai 16,758 orang, iaitu 11,523 di Sekolah Rendah Kebangsaan, 3,232 di SRJK (C) dan 2,003 di SRJK (T).

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mengatasi kekurangan guru terlatih ini ialah:

- (i) menambah bilangan calon untuk mengikuti kursus perguruan di maktab-maktab;
  - (ii) menambah kapasiti maktab-maktab perguruan dengan menambah dan membesarkan kemudahan-kemudahan fizikal yang sedia ada;
  - (iii) menambah 7 buah lagi maktab perguruan dalam Rancangan Malaysia Keenam;
  - (iv) rihgambil guru sandaran tidak terlatih; dan
  - (v) melantik-'semula secara kontrak guru-guru terlatih yang telah bersara wajib.
- (b)&(c) Kenyataan yang menyatakan bahawa guru sandaran tidak berminat kepada profesion perguruan adalah tidak benar kerana bilangan guru sandaran yang memohon sebenarnya melebihi jawatan yang dapat ditawarkan. Tentang ganjaran, Guru-guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) dibayarellaun berdasarkan kelayakan akademik masing-masing. Kadar elaun yang ditelapkan adalah berpatutan terutama sekali memandangkan khidmat mereka adalah sementara. Di samping itu, mereka berpeluang pula memasuki maktab perguruan sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Justeru itu, Kementerian Pendidikan tidak bercadang merangka satu skim elaun yang baru.

## USUL

### **Insiden D.Y.M.M. Sultan jonor Mencederakan Encik Douglas Gomez**

3.42 *ptg.*

**Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dengan meminta izin supaya suatu Usul di Sidang Dewan Negara pada kali ini yang berbunyi seperti berikut:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 35(6), Dewan yang bersidang pada hari ini berasa amat sedih dan memandang serius ke atas insiden seorang rakyat Malaysia, Douglas Gomez, yang telah dcederakan di Istana Johor pada 30hb November, 1992 oleh D.Y.M.M Sultan Johor; dan

Bahawa Dewan ini memutuskan kejadian tersebut adalah satu penyalahgunaan kuasa yang bercanggah dengan semangat Perlembagaan Malaysia dan bertentangan dengan cita-cita serta hasrat undang-undang negara yang berasaskan kepada sistem Raja Berperlembagaan dan demokrasi berparlimen; dan

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan segala tindakan yang perlu hendaklah diambil bagi menentukan insiden yang seumpama ini tidak berulang lagi pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah amat berat untuk saya memperkatakan kepada orang yang kita agungi, kita sanjungi, kita daulati. Dan ada mereka yang berpendapat yang tidak membaca sejarah kejadian manusia sanggup mencium tangan, sanggup menyembah; cumabclum sampai ke peringkat kelakuan Raja Iran sahaja di mana general dan pembesar-pembesarnya mesti cium kakinya.

Oleh kerana Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dr. Mahathir dan dibantu oleh Timbalan Perdana Menteri, Encik Abdul Ghafar Baba dengan mempunyai Menteri-Menteri Kabinetnya yang mendapat mandat daripada rakyat melalui kuasa pilihanraya di mana corak pentadbiran negara kita, dasar membentuk Kerajaan adalah melalui pilihanraya suara rakyat. Maka Kerajaan yang memerintah harus mengambil kira masalah rakyatnya terutamanya rakyat-rakyatnya yang tertindas dan mendapat kezaliman.

Oleh hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua; di atas perbuatan seorang Raja yang kita sembah, maka perlu Dewan yang mulia ini sebagai tempat di mana Dewanyang tertinggi untuk menentukan pembentukan undang-undang negara supaya semua pihak dapat mematuhi dan mengikuti peraturan dan undang-undang sebagai panduan manusia di dalam alam ini.

Oleh kerana di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, ada baiknya bagi rakyat terutamanya pemimpin-pemimpin yang berada di dalam Dewan yang mendapat mandat daripada rakyat, apabila sudah sampai ketika dan waktu perbuatan yang sudah keterlaluan itu patut ditegur agar ianya menjadi satu teladan kepada seluruh pembesar, kepada Raja-raja terutamanya kepada Raja-raja yang menjadi Raja yang tidak tahu langsung sejarah bagaimana dia jadi Raja.

Saya berani bercakap begitu, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya berasal dari Melaka. Semua Raja-Raja yang ada sekarang di dalam negara ini semuanya usul-asal keturunannya daripada Melaka.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang hendak mintajalan.

**Dato' Haji Azman Atar bin Othman:** Sila.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, Dato' Haji Azman menyatakan dia berasal daripada negeri Melaka. Saya ingin bertanya iaitu pada hari inilah kalau Melaka diberi peluang untuk menerima kembali kesultanan di Melaka, apakah pandangan Dato' Haji Azman berkenaan hal ini?

**Dato' Haji Azman Atar bin Othman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, ini soalan baik. Kalaulah Melaka diberi peluang mempunyai satu takhta kesultanan, hendak-hendak pula saya dipilih menjadi Sultan, (*Ketawa*) saya tolak mentah-mentah. Pertarna rakyat Melaka memang bosan terutamanya apabila rakyat Melaka mengingatkan kembali sejarah peristiwa Raja Melaka pada ketika Melaka mempunyai Raja. Terutamanya pemuda-pemuda yang ada berkeliaran sekarang yang sedang bermain-main. Apabila mereka bermain sepak raga, bila mereka bermain sahaja; bila ada orang lalu di sebelah mereka, mereka teringat peristiwa bola sepak raga itu jatuh di tengkolok anak Raja sehingga budak yang menendang bola ini dipukul.

Jadi, dari peristiwa inilah membuatkan orang Melaka bosan dengan tingkah-laku Raja. Banyak lagi peristiwa-peristiwa yang bersejarah, apa lagi apabila kita dengar peristiwa kerana seulas nangka sehingga sanggup perempuan yang sedang mengandung mengidamkan makan nangka dibelah sehingga mati.

Banyak lagi peristiwa-peristiwa sejarah; malangnya kerana saya bukan ahli sejarah saya tidak dapat hendak bercakap kerana dalam isu ini saya terpaksa bercakap benda-benda yang fact. Cuma sejarah yang saya ingat, satu sahaja, di mana Raja Siam dulu perangnya betul-betul tak ubah macam Raja Johor ini pada tahun 1932. Dengan kezalimannya, dengan keadaan perangai

buruknya, Raja yang bernama Vajilabuh—siapa ahli Sejarah dia ingat—maka dia digulingkan, barulah diganti dengan Raja yang ada sekarang iaitu King Rama. Oleh kerana King Rama ini mengingatkan sejarah bagaimana kelurunannya diguling maka dia berhati-hati menjadi Raja. Dia tidak campur hal politik, dia tidak campur hal berniaga, tidak semacam mana Raja yang berlaku dalam negara kita semua hendak disapu, disakaunya. Balak hendak, perempuan cantik hendak. Kalau perempuan cantik jalan seorang-seorang itu tidak apalah kau ambil. Ini berjalan dengan boyfriendnya pun dia rampas, main-main begitu! Kita sanggupkah tengok perkara ini berlaku berterusan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Raja yang tidak tahu sejarah usul-asalnya maka membuatkan dia begitu buas. Dan saya harap dengan teguran kita ini Parlimen akan bersidang sekali lagi bagi menentukan garis panduan. Ini bukan bererti jangan ada disalah tafsirkan terutama suratkhbar kerjasama dengan kami! Dengan izin, please work together with us. This is for the benefit of the people, untuk rakyat Malaysia. (*Tepuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman:** Apa yang saya ingin sebutkan di sini, kita tidak bertujuan hendak menghapuskan Raja Berperlembagaan, kita ingin mengekalkan Raja Berperlembagaan. Cuma saya hendak memberikan satu peringatan, iaitu perkara-perkara yang dianggapkan kekebalan, keistimewaan yang Raja tidak boleh dibawa ke mahkamah, Raja boleh pukul orang, Raja boleh bunuh orang ini yang kita kena tarik balik. Sebab, apabila dia itu Raja, dia memimpin manusia. Apabila dia itu manusia, dia mesti berakal. Bilamana berakal, dia tidak semestinya dengan suka-suka pukul orang, bunuh

orang, rampas girlfriend orang dan berbagai-bagai tabiat yang tidak baik yang mana manusia tidak buat.

Kita ingin mengekalkan Raja Berperlembagaan dengan harapan supaya kita menegur. Kita bercakap pada hari ini sudah keterlaluan seorang menjadi Raja semua kerabat termasuk cucu cicitnya termasuk tiga pupu, empat pupu, lima pupu semuanya hendak berlagak jadi Raja. Ini kita kena tarik. Cuma satu orang sahaja yang kita takhtakan menjadi Sultan sahaja yang kita kekalkan keistimewaannya. Itupun ada batasan keistimewaannya, bukan sampai boleh pukul orang, boleh bunuh orang. Kalau berlaku peristiwa ini, mesti dihadapkan ke mahkamah, kerana dalam negara Malaysia, undang-undang lebih unggul daripada segala-galanya. Tidak ada manusia yang terkecuali daripada undang-undang, apatah lagi dalam Islam sendiri memperkatakan. Yang terkecuali ialah Rasulullah s.a.w kerana beliau adalah maksum. Itupun masa beliau kecil-kecil sudah dibedah, dibuang hati kalbunya sehingga beliau boleh menjadi pemimpin agung dunia. Yang lain-lain, walaupun mereka mengaku mereka keturunan Syed atau keturunan Quraisy, semua mereka ini tidak terkecuali daripada undang-undang. Kata perbidalan orang-orang Malayu, "terpijak sahaja benang arang, hitam tapak kaki". Maknanya, bila berlaku sahaja kesalahan,...

**Dato' Azumu bin Tak:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan.

**Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman:** Sila, sila.

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sahabat saya itu sedar bahawa mengikut peraturan Dewan, apabila seseorang Ahli berucap hendaklah memandang kepada

Yang di-Pertua dan bukannya kepada pemberita-pemberita akhbar di sebelah sana. (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, silalah ikut peraturan.

**Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman:** Terima kasih. Inilah dia semangat Ahli-ahli Dewan Negara, bila ada kawan-kawan melakukan kelemahan atau kesilapan kecil, ditegur. Inilah yang dikatakan collective responsibility. Terima kasih, Yang Berhormat Dato'.

Saya tadi menghadapkan diri saya kepada suratkhbar atau pemberita-pemberita dan membelakangkan Tuan Yang di-Pertua sebenarnya kerana saya hendakkan supaya surat khabar ini sama-sama rmainkan peranan di dalam membetulkan akhlak Raja-raja ini. Suratkhbar adalah satu media yang memainkan peranan penting. Saya kadang-kadang takut dengan suratkhbar. Suratkhbar ini, kalau hendak manjatuhkan orang boleh dan untuk menaikkan orang pun boleh, terutamanya orang politik. Tetapi suratkhbar ini semuanya baik-baik. all of them are my friends, dengan izin. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, kita hanya ingin mengekalkan satu keistimewaan hanya kepada Sultan yang dilakhtakan. Itupun adagarispanduankeistimewaannya. Kalau melebihi sampai menyakiti rakyat, menyalahgunakan kuasa, membelakangi apa yang dibuat oleh rakyat sebagai satu panduan undang-undang, maka mereka juga mesti dibawa ke mahkamah. Cuma di saat dan ketika berlakunya insiden ini, kita beruntung mempunyai seorang Yang di-Pertuan Agong yang mengetuai Raja-raja yang lain sebagai Raja yang memahami undang-undang, yang pakar undang-undang, maka tidak hairanlah Pemangku Raja Perak, Raja Nazrin menyokong supaya kita meminda undang-undang ini demi menentukan Raja-raja semuanya berdisiplin. Ini bukan saya

hendak mengampu Pemangku Raja Perak. Begitu juga Sultan Selangor, sebelum beliau meninggalkan negara untuk bercuti, beliau juga menyokong.

Saya percaya oleh kerana niat baik Perdana Menteri kita yang mengetuai Kerajaan yang dipilih oleh rakyat ini, iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir dan kita semua ini sebagai pemimpin yang diamanah oleh rakyat, mempunyai niat baik, bukan mempunyai niat yang buruk untuk hendak membelakangkan Raja-raja. Kita semata-mata mempunyai niat untuk hendak membetulkan garis panduan kepada tiap-tiap yang duduk di atas takhta sebagai Raja supaya dia menjadi seorang Raja yang dihormati, disegani dan disembah oleh rakyat dan tidak campur dengan masalah politik dan masalah pentadbiran negara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan sejarah di mana di zaman British dahulu, Raja semuanya tunduk dengan British. Ini pemberita boleh quote, boleh tulis Raja-raja semuanya tunduk dengan British. Siapa sahaja yang tidak tunduk kepada British, dia kena pecat dan digantikan dengan Raja lain. Ramai yang patut terus jadi Raja sampai sekarang tidak jadi Raja tetapi ada yang tidak patut jadi Raja menjadi Raja kerana pada ketika itu dia pandai bodek British dan dia sanggup menyampaikan maklumat-maklumat supaya Raja yang ketika itu duduk di takhta tersingkir dengan tujuan supaya dia dapat menjadi ganti sebagai Raja. Ada Raja yang tidak patut jadi Raja, jadi Raja. Tetapi tidak kiralah, rakyat sembah juga asalkan berjalan dengan betul. Raja adalah sebagai tunggak, terutamanya di dalam negara yang mengamalkan Islam sebagai agama rasminya. Raja adalah sebagai ketua agama Islam. Apabila seseorang itu menjadi ketua kepada agama Islam, dia mesti mempunyai satu contoh ibarat cermin tempat seluruh orang menyuluh muka melihat wajahnya. Maka biarlah cermin itu cermin yang boleh menyeri-

nyerikan wajah orang yang menyuluh. Kalau wajah orang itu cantik, lawa, molek, bila dia suluh dekat cermin yang dia suluh itu, maka mengejek cermin itia, maka tidak seharusnya kita simpan cermin ini. Kita baling sahaja ke dalam longkang. Kerana cermin adalah yang memberikan rupa paras kecantikan orang yang menggunakan cermin sebagai tempat di mana kita ingin menyuluh dan mendapat panduan.

Begitu juga Raja. Raja sebagai tokoh agarna, ketua agama di dalam negara Islam, maka dia seharusnya menunjukkan nilai-nilai Islam, bersimpati kepada yang susah; tidak melakukan zalim, tidak merogol, tidak memfitnah, tidak memukul orang dan tidak membunuh orang dengan sesuka hati. Kalaupun ada di dalam perlawanan atau perlawanan sukan apa salahnya? Tidak semestinya setiap kali kita menang, bila sudah kalah itu kena terimalah kekalahan, jangan pula bertindak sehingga sanggup memukul. Kalau begitu, takutlah rakyat hendak bermain atau bersukan dengan Raja. Bila bersukan dengan Raja mesti beri Raja menang, ini sudah teruk punya cerita.'

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana negara ini mempunyai rakyat yang berbilang kaum dan rakyat di tatkala ini bukan semacam rakyat dahulu ada yang penakut terus dan bodoh-bo'doh. Tetapi rakyat sekarang adalah rakyat yang cerdik campur dengan berani. Kalau kita tidak tegur dan membuat sesuatu di dalam garis panduan undang-undang ini, saya takut rakyat akhirnya akan cabut parang. Bila sudah cabut parang besok, nasi sudah menjadi bubur tidak guna lagi.

Oleh hal yang demikian, saya berani bercakap begini kerana saya baru balik dari lawatan ke empat buah negara. Pertama, saya pergi ke Romania. Saya dibawa ke satu tempat yang dinamakan 'People's Palace', dengan izin. Belum sempat lagi pembangunan People's Palace yang begitu cantik, Rajanya telah dibunuh. Pembesarnya telah dibunuh

oleh rukyat yang sudah tidak sabar lagi melihat kelakuan Rajanya. Saya takut perkara ini berlaku di negara kita. Itu mujur saya ingat Yang Berhormat Md. Zain hendak tanya saya tadi. Dalam isu ini Yang Berhormat Md. Zain pun akan bercakap dia menyokong kita, jangan susah.

Tuan Yang di-Pertua, itu pun mujur negara-negara lain dalam dunia semua satu negara satu raja. Kita di Malaysia ini unik sedikit. Yang Raja sudah sah seorang sudah tentulah. Yang tak raja pun mengaku raja. Terutama Negeri Sembilan berapa raja yang dihadapi Itu Senator Negeri Sembilan sampai Menteri Besar Negeri Sembilan bertambah pendek kerana hendak menjaga perangai Raja-raja, termasuklah empat Undang itupun bertaraf raja. Inilah yang dihadapi. Saya terpaksa menyebut benda ini, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ketika di zaman British, Raja tidak berperangai bcgini. Raja akur, patuh kepada British. Tetapi kenapa di zaman yang telah merdeka ini, sepatutnya Raja-raja harus berbangga. Rakyat berdikari walaupun ada Raja yang menentang kemerdekaan pada ketika kita ingin hendak memperjuangkan kemerdekaan. Ini sejarah. Kalau diberitahu kepada rakyat jelata, terutama rakyat yang muda yang merasakan kenikmatan Malaysia di saat pimpinan Yang Amat Berhormat Dr. Mahathir, di saat Malaysia sudah membangun dan sudah merdeka, sekiranya dia tahu sejarah Malaysia ingin memperjuangkan kemerdekaan, ada Raja yang tidak mahu menyokong, pada hal kita semata-mata ingin memperjuangkan kemerdekaan, kerana kita tidak mahu dibelenggu oleh pihak penjajah lagi, kerana kita mahu berdikari dan mengekalkan Raja di takhtanya sebagai Sultan.

Tuan Yang di-Pertua, di zaman British dahulu Raja tak campur, tak boleh campur, tak diberi campur dalam pentadbiran British. Tetapi di saat ini, setelah UMNO, minta maaf Tuan Yang



di-Pertua, yang memainkan peranan mulamulanya apabila berlakunya Malayan Union di mana tujuan Kerajaan British hendak merendahkan taraf Raja, mereka ingin menentukan Raja hanya bertindak selaku ketua agama, adat-istiadat masyarakat orang Melayu, tidak lebih daripada itu, sudah nyata dan jelas ketika itu kitadapati bahawa British ingin hendak mengusir, hendak menjatuhkan taraf Rajaraja, maka Melayu bersatu di bawah pimpinan Dato' Onn menubuhkan Malayan Union sehingga tertubuhnya UMNO, dan akhirnya kita berpakat UMNO, MCA, MIC parti yang mula-mula bergabung di bawah Parti Perikatan menuntut kemerdekaan, dan meletakkan Raja di satu- tempat yang paling mulia supaya menjadi ketua kepada segala-galanya dengan memberikan satu contoh teladan yang baik kepada rakyat jelata.'

Tetapi sekarang Raja tidak insaf, tidak sedar apa yang dilakikannya oleh UMNO, Perikatan ketika itu yang sekarang Barisan Nasional. Malahan mencampuri pentadbiran Kerajaan sehingga hendak melantik Menteri Besar pun dia hendak campur, melantik EXCO pun dia hendak campur, melantik Setiausaha Kerajaan dia hendak campur, melantik DO pun dia hendak campur. Ini adalah menghalang pembangunan negara apabila sudah Raja campur tangan dalam semuanya ini.

Maka sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, mungkin oleh kerana Raja begitu merasakan tak ada siapa berani menegur, dengan mempunyai kemewahan, apa sahaja penmtukan dia hendak, Dewan luluskan - nah! hari ini saya mencadangkan apabila dibawa sahaja Rang Undang-undang ini, semua peruntukan Raja akan kita bahas dan kita tidak akan beri peruntukan dengan sewenang-wenangnya sehingga dia melupakandirinyasebagai manusiabiasa serupa macam kita, apabila kita berikan peruntukan dengan sewenang-wenangnya. Kita perlu bahas dan kita

tentukan hanya Raja yang ditabalkan sahaja yang mendapat keistimewaan peruntukan yang tertentu, bukan sahabat-sahabatnya, bukan kerabat-kerabatnya dan juak-juaknya sepertimana yang berlaku sekarang. Kementerian Pengangkutan juga mesti ambilkira, ambiltahu di mana semua nombor plet yang berwarna kuning, kita mesti buat penentuan siapa saja yang layak pakai. Yang lain semuanya kena bayar road tax, kerana negara ini adalah negara yang dipunyai oleh rakyat. Rakyat membayarcukai. Sedangkan rakyat yang membayar cukai pun tahu menghormati di antara satu sama lain. Kenapamereka ini gblongan yang tak bayar cukai bertindak dengan sewenang-wenang.

Jadi, saya minta bukan hanya setakat kita hendak meminda Perlembagaan di dalam Perkara 181(2) dan Perkara 38(4), di samping meminda Perlembagaan ini, kita juga ingin tentukan perbelanjaan, peruntukan yang sewenang-wenangnya juga harus dihapuskan, supaya Raja ini insaf" yang dia juga manusia biasa. Saya hendak beri contoh, dari segi Islam walau engkau siapa sekalipun, melainkan Rasulullah Junjungan besar, selain daripada itu, walau engkau raja atau sultankah, bila pergi buat Haji, buat Umrah, pakai ihram. Itulah kain putih sehelai di pinggang dan-sehelai di bahu, tidak ada beza dengan rakyat jelata. Cara sembahyang pun itulah caranya, semacam mana kita rukuk, dia pun rukuk sama. Kita sujud dia pun sujud sama. Tidak ada beza sultan, raja lain cara perbuatan sembahyang, melainkan sama. Kalau mati pun sama masuk lubang, orang kambus juga. Jadi, kalaulah Raja-raja insaf, sedar bahawa dia juga manusia biasa, saya percaya dengan teguran kita pada hari ini akan membuatkan Raja lebih dihormati oleh rakyat. Kalau tidak, tepuk dada tanya selera.

Tuan Yang di-Pertua.....

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada Yang Berhormat hendak minta penjelasan.

**Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman:** Sila.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Datuk Azman Atar, apakah maknanya tepuk dada tanya selera itu, saya kurang jelas?

**Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman:** Terima kasih Yang Berhormat Ustazah. Tepuk dada tanya selera ini maknanya yang lebih jelas saya ingat Yang Berhormat Puan Kalthom pun hendak bertanya maknanya ialah apabila kita buat teguran ini, kita pinda, kila rakanikan perasaan sedih atas perbuatannya, setelah sampai ke pengetahuan Raja, lerpulanglah pada Raja, Kalau dia ibarat tepuk dada tanya selera, dia ingat dia heridak bertindak dengan sendirinya, dengan sesuka hatinya tak mempedulikan teguran kita, jawabnya, jangan salah ibu mengandung apabila rakyat ketika itu sudah tidak sabar Jagi. Itu sebenarnya Ustazah.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah berucap lebih kurang 40 minit.

Tuan Yang di-Pertua, oleh hal yang demikian, kita dengar bahawa lebih daripada 23 kesalahan jenayah, dengan izin, more than 23 criminals telah dilakukan di mana termasuk kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum mati, hukum gantung. Tetapi, mungkin ada yang bertanya, kenapa baru ini Kerajaan sedar, kenapa tidak dari dahulu. Kalau lidak ada orang bertanya pun sayajawab sendiri, dan saya soal sendiri, sayajawab sendiri.

Ini menunjukkan begitu mengambil masa dengan berhati-hati, rakyat menghormati Raja, bagaimana cara hendak menegur Raja, dengan tindakan

ibarat menarik rambut dalam tepung. Kalaulah rakyat mempunyai perangai, kelakuan lebih kurang macam serupa dia juga, bila dia bunuh rakyat, rakyat pun bunuh dia balik, jawabnya tidak tahu apa yang .hendak jadi kepada negara kita. Mujurlah Kerajaan Barisan Nasional yang mempunyai kepimpinan yang boleh dikatakan semua cerdik-cerdik belaka, yang mempunyai pemikiran yang waras, yang matang, hendak bertindak, hendak menegur, hendak membuat sesuatu Pindaan Perlembagaan negara yang ingin memberikan garis panduan kepada Raja-raja, kita berhati-hati. Telapi, bila sudah sampai ketika dan waktu, kita tengok, bila sudah telunjuk mencucuk mata, demi kepentingan rakyat bersama, tidak kira apa kaum. Ini cantiknya Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir. Yang kita perjuangkan ini bukan orang Melayu, tetapi oleh kerana dia rakyat jelata, rakyat negara Malaysia kita perjuangkan. Inilah terbukti bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah adil. Bila sudah Kerajaan adil, kita minta Raja pun kena adil. Bila tidak adil Jangan sampai Raja digulingkan oleh rakyat nanti.

Tuan Yang di-Pertua, 23 kesalahan, maka saya harap apa sahaja Perlembagaan yang kita rasa lemah, yang lapuk di dalam Perlembagaan negara kita ini.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan.

**Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman:** Sila.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin rnebuat sedikit pertanyaan. Bolehkah Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Azman Atar mensenaraikan, membacakan 23 kesalahan itu?

**Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebutkan tadi, saya dengar, kalau saya sendiri yang menerima report kesemua kesalahan itu, mungkin saya senaraikan. Ini bukan soalan dari seorang sahabat ini, ini hendak menolak ke lubang ini. *(Ketawa)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya tadi, kalau ada 23 kesalahan-kesalahan itu boleh dibacakan, kalau tidak ada itu, kita tidak menjadikan ia mesti dijawab. Apa yang kita perlu tahu, kalau ada disenaraikan, boleh Ahli-ahli yang lain ini mengambil kesempatan daripada senarai-senarai itu, dibincangkan dengan lebih mendalam. Itu sahaja. Bukan hendak tolak ke *dalam*. *(Ketawa)* Kita hendak kait ke atas.

**Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam perkara ini saya rasa yang lebih arif, Pemberita-pemberita mungkin ada, kerana mereka mendapat banyak maklumat-maklumat jadi, minta maaf lah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kita sudah merasakan bahawa jika terdapat undang-undang Perlembagaan negara kita yang sudah tidak kena pada masanya di zaman ini, mana yang telah dianggap sudah lapuk ataupun outdated, perlu kita tukar dan perlu kita betulkan supaya ianya menjadi satu undang-undang unggul, yang boleh menjadi panduan kepada seluruh rakyat jelata termasuk Raja-raja. Terutama di dalam menekankan tidak ada manusia yang terkecuali dari undang-undang.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan.

**Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman:** Sila.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit penjelasan. Jadi, bila Yang Berhormat rnenyebut untuk mencadangkan supaya diadakan satu undang-undang khas untuk semua, saya rasa kesihan kepada semua Raja-raja, oleh sebab kes ini sebenarnya ialah macam 'seekor kerbau membawa lumpur, tetapi bagaimana pun saya rasa harus kita berhati-hatilah kepada apa cara yang kita hendak buat pun.

Selain daripada itu, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, kita ada konsep pembahagian kuasa ataupun tugas ini, tentang Raja, Parlimen, eksekutif, kuasa mahkamah dan sebagainya tetapi bagaimanakah kejadian ini yang terjadi di sebuah negeri, negeri yang bersejarah daripada segi UMNO, oleh sebab UMNO ditubuhkan dalam Istana itu juga, yang seorang Raja ini tidak faham pembahagian kuasa ini, mengapakah ini terjadi. Sedangkan di negeri-negeri lain tidak begitu mendadak sangal terjadi. Apakah kita hendak memberi maklumat yang lebih mendalam lagi, lebih-lebih lagi ini saya rasa sebagai tugas kepada Menteri Besar untuk menjelaskan tugas-tugas seorang Raja yang sebenar.

**Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, memang saya akui perbidalan orang Melayu yang mengatakan "Seekor kerbau membawa lumpur habis semua terpalit". Tetapi sebenarnya, ada juga Raja-raja di negeri lain yang membuat perkara-perkara menyalahgunakan kuasa tetapi tidaklah seburuk yang dilakukan oleh Raja Johor ini. Tetapi ini juga kita kena ambil kira. Sekali, seperti perbidalan orang Melayu mengatakan: "Sekali mengorak pura, dua, tiga hutang langsai". Bukankah begitu Cik Gu? Ini ahli falsafah, ahli perbidalan. Maknanya, bila telah berlaku sesuatu, bila kita hendak menegur, ada lebih baik kita menegur kesemuanya, walaupun kita

tidak menafikan ada Raja yang mempunyai disiplin, yang baik, yang sayangkan rakyat, ada Raja yang 11 bulan di luar negara, 1 bulan dalam negara sendiri. Bila dia balik sahaja, dia pun sebut: "Betakasihkan rakyat" ada! Bila masa dia kasih dengan rakyat, 11 bulan dia di luar negeri. Tetapi, bila dia bercakap apa pun, rakyat ketika itu sedang asyik sayangkan Raja pun mengangguk, "Ya". Kadang-kadang Raja, dia hendakkan rakyat cium tangan dia, tahan dia lumurkan dengan air wangi, beri ciurn, 'tonyoh'! (*Ketawa*) Macam-macam berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nafikan, memang ada Raja yang berdisiplin, cuma Yang Berhormat Tuan Dahalan tadi, cuma dia segan hendak menyebut Raja dia sendiri, iaitu Raja Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi walau apa pun, sama ada dia baik, dia berdisiplin, semuanya mempunyai sejarah yang tertentu. Minta maaf kalau saya sebut. Sejarah Raja Perlis Raja Perlis ditabalkan pada tahun 1099. Di mana? Ketika Bangkok Treaty. Saya rasa orang Perlis, dia kena faham. Di mana tidak sepatutnya dia, tetapi oleh kerana dia menyokong dan disaat itu dia menjadi menantu kepada Sultan Kedah, maka dia dapat bekerjasama dengan British, maka dia terlantiklah. Alhamdulillah! Sehingga sekarang bagus. Walaupun dia tidak hari-hari turun berjumpa dengan rakyat tetapi dia tidak menyakitkan hati rakyat.

Tetapi sudah menjadi lumrah alam kerana seorang kita terpaksa gunakan undang-undang ini untuk semua. Takkanlah kita hendak buat satu panduan undang-undang kerana "Johor sahaja" tidak bolehlah, atau "Pahang sahaja" tidak bolehlah. Jawabnya, sekali kita buat undang-undang ia meliputi kepada semua Raja-raja. Kalau mahu, duduk di takhta sebagai Raja. Apa takut? Apa mahu takut menerima undang-undang yang dibentuk oleh rakyat melalui Parlimen? Kerana

kita tidak menjerumuskan Raja kepada satu tahap yang paling hina. Malahan kita bertujuan menggarispandukan dengan harapan supaya tiap-tiap Raja yang kita takhtakan dia sebagai Raja menjadi Raja yang benar-benar berdaulat, yang disembah dan yang dihormati oleh rakyat jelata bukan sebagai Raja depan orang sembah tetapi belakang mendapat "Pergilah, podah" dan berbagai-bagai ayat lagi. Kita tidak mahu Raja kita di belakang orang menghina dia.

Dengan tujuan inilah saya percaya semua Raja selepas undang-undang ini dibuat, Raja akan lebih mesra dengan rakyat. Mana Raja yang tidak pernah pergi ke masjid pun akan pergi ke masjid. Kalau tidak percaya, tuan-tuan tengoklah besok.-Mana Raja yang tidak pernah kita tengok pegang tasbih pun akan pegang lasbih kerana dia sebagai Ketua Agama mencontohkan semua perangai-perangai yang baik, terutama kepada penganut-penganut Islam di dalam negara yang bertamadun.

**Tuan Saad bin Haji Man:** (*Bangun*)

**Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman:** Sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, sila.

**Tuan Saad bin Haji Man:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Datuk. Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan pendapat saya bahawa kelakuan Raja-raja sekarang ini lebih bertambah melampau? Ini kerana terdapat juga pegawai-pegawai awam, terutama pegawai tentera yang berkhidmat di istana yang nampaknya "lebih sudu daripada bubur"? Dan adakah Datuk bersetuju bahawa Kerajaan patut mengadakan garispanduan dan etika kepada pegawai-pegawai awam dan tentera yang berkhidmat dengan istana?

**Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Yang Berhormat, adik saya Yang Berhormat Tuan Saad bin Haji Man. Memang saya bersetuju dengan apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat tadi memang betul. Kurang-kurang mangkuk, lebih sudu. Kalau kita fikir balik bila Raja hari-hari bercampur dengan orang ramai, tahu-tahu orang itu kena "pelempang, pelempang". Ini membuktikan juak-juak dia. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya sebutkan perkataan "juak" ini. Saya pun tidak erti dalam bahasa yang lebih orang faham! Ya, "kaki-kaki", kalau di dalam bahasa pasar orang panggil, minta maaflah "barua-barua". (*Ketawa*) Yang kaki ampu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jangan gunakan perkataan itu.

**Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman:** Minta maaf, saya tarik balik. Ah, tengok! Saya punya hormat kepada Tuan Yang di-Pertua kita. (*Ketawaj*) Bila tegur sahaja tarik balik. Fasal dia melambangkan seorang Tuan Yang di-Pertua yang menunjukkan contoh yang baik kepada kita semua. Jadi, bila dia tegur "dan-dan" terus kita tarik balik. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik. (*Ketawa*) Ah, itu dia! Itu dia (*Tepuk*) kerana Ketua itu mencontohkan perangai yang baik. Teladan! Jadi juak-juak inilah yang melampau, memberikan laporan, mencucuk, mengapi, menjadi "firestone" dengan izin, sehingga Raja bertindak liar. Memang saya percaya benda ini berlaku dan saya akui dengan pindaan Perlembagaan kita nanti, dengan memberikan satu garis panduan bukan kepada Raja sahaja malahan kepada semua pegawai yang ada kena-mengena dengan tugas istana itu. Dia juga mesti mempunyai satu kod etika, mesti berdisiplin dan mesti tahu menghormati undang-undang di bawah kod etika yang kita kenakan kepada mereka.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Sedikit penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Berikutan dengan ucapan tadi, saya ingin membuat anggapan seolah-olah Sultan Johor itu bertindak bukan secara spontan. Jadi, bermakna ia bertindak di atas nasihat. Adakah bermakna begitu, Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bertindak secara spontan, Sultan Johor itu pergi terus mendapatkan Douglas Gomez tetapi bila dia menjemput Douglas Gomez datang ke Istana, ini bermaknanya bertindak setelah dia diberikan satu laporan. Lebih kurangnya spontan dengan tidak spontan. Lebih kurangnya! Saya hendak sebut pun tidak erti. Lebih kurangnya itu. Sebab kalau dia mempunyai pemikiran waras, takkan tergamak dia memukul. Takkanlah tergamak dia bertindak liar sehinggalah mencederakan seorang pelatih satu pasukan yang begitu mempunyai spirit untuk bertanding.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, maka dengan itu saya harap kita jangan bertindak sekerat jalan. Di dalam isu ini, kalau kita bertindak sekerat jalan, saya percaya Melaka tidak ada Raja, rakyat Johor akan menjadi mangsa. Maka kita harus bertindak dan menggubal satu undang-undang untuk menjadi satu garis panduan kepada semua Raja yang ingin menduduki takhta Raja dan ingin mendapat kehormatan daripada rakyat dan ingin mengekalkan keistimewaan yang tertentu yang akan diberi oleh rakyat kepada Raja supaya Raja itu disegani dan dihormati. Maka perlu menerima undang-undang ini.

Sekali lagi, saya ulang/Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membuat pindaan nanti, kita akan tentukan semua perbelanjaan peruntukan kepada Raja tidak lagi dengan sewenang-wenangnya. Dan kita minta seluruh Ahli Parlimen dalam membahaskan belanjawan, terutama yang berkaitan dengan perbelanjaan istana mesti dibahas kerana ini duit rakyat. Ini hak rakyat. Kita tidak mahu rakyat menyalahkan kita sebagai orang yang diamanahkan memimpin negara ini dan membuat undang-undang supaya sesiapa sahaja yang hendak kita tabalkan itu akan dapal dihormati oleh rakyat kerana patuh kepada undang-undang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ramai kawan-kawan saya yang ingin sama turut bercakap maka sebelum saya duduk, sekali lagi saya mencadangkan oleh kerana Dewan kita merupakan satu Dewan yang tertinggi dalam negara di mana membuat undang-undang yang unggul tidak ada lain yang unggul, undang-undang yang unggul, Raja pun tidak unggul mestilah kita jadikan keunggulan ini sebagai satu panduan kepada Raja agar Raja insaf, sedar dan akan senantiasa mengenang nasib rakyat dan mengambil kira serta mengambil tahu masalah rakyat. Dan jangan campur dalam masalah pentadbiran negara kerana corak pemerintahan kita melalui pilihanraya di mana Perdana Menteri yang berhak menentukan Menteri Besar, EXCO dan pegawai-pegawai yang ada kena-mengena dan berkaitan dengan pembangunan negara dan negeri.

Raja-raja duduk diam-diam di atas takhta. Bila ada functions, keramaian yang dikehendaki oleh rakyat untuk menunjukkan rupa, sekali sekala keluar. Rakyat akan hormat dan jangan mengada-ada. Jangan buat perkara-perkara yang tidak disukai oleh rakyat kerana ini adalah satu ingalan. Ingatan harus dipegang, kalau berlaku sesuatu perkara yang buruk nanti, janganlah salahkan kami sebagai

orang yang menerima mandat daripada rakyat yang tidak menegur perkara-perkara ini.

Jadi dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mohon mencadangkan supaya Usul yang saya kemukakan ini dapat dibahas dengan panjang lebar dan saya minta sahabat-sahabat handai di dalam Dewan Negara, Dewan yang tertinggi ini, memberikan garis panduan atau memberikan lebih banyak perkara-perkara nasihat agar ianya menjadi satu panduan dan teladan yang baik kepada Raja yang akan memerintah dalam tiap-tiap negeri dalam negara kita.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Maka dengan itu, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan saya ingin memohon supaya Usul saya ini dapat dibahas dan diterima dengan sebulat suara. Sekian, terima kasih. (*Disampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz.

4.29 ptg.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Azman Atar sebentar tadi. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyatakan perasaan terima kasih dan tahniah saya kepada Kerajaan Persekutuan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang mana telah membuat satu keputusan yang berani untuk membahas Usul ini pada minggu lepas di Dewan Rakyat. Dan satu keputusan yang tepat telah dibuat oleh Perdana Menteri untuk membenarkan Dewan Negara membahas Usul ini kerana sepertimana kita semua sedia maklum, iaitu sistem Parlimen dalam tanah air kita ini ialah bicameral,

iaitu apa juga perkara yang dibincang di Dewan Rakyat, rang undang-undang atau apa sekali pun, maka ianya tidak sempurna kalau ianya juga tidak dibawa ke Dewan Negara untuk dibahas dan diluluskan.

Sebab itu saya merasakan sememangnya adalah menjadi satu keputusan tepat, apabila Kerajaan membenarkan untuk Dewan Negara membincang dan membahaskan usul yang ada kaitan dengan soal penganiayaan seorang Raja terhadap rakyat Malaysia kita.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia ialah Kerajaan rakyat, Kerajaan dari rakyat dan Kerajaan untuk rakyat. Inilah merupakan prinsip yang diamalkan oleh sistem demokrasi berparlimen. Oleh kerana itu, kita harus ingat dalam sistem yang kita amalkan ini, yang paling keramat, yang paling diutamakan sekali ialah suara rakyat kerana rakyat itulah merupakan penduduk di dalam tanahair kita ini. Maka mengamalkari sistem kebebasan bercakap, kebebasan memilih, kebebasan untuk berpersatuan, ini semua merupakan hak asasi rakyat. Maka oleh kerana itu, di negara Malaysia kita, kita hanya berpegang kepada satu sistem sahaja iaitu rakyat yang sebenarnya berkuasa dan tidak ada sistem-sistem yang lain yang boleh menyaingi kuasa rakyat.

Apa yang membimbangkan kita iaitu akhir-akhir ini kita lihat seolah-olah ada satu badan yang lain yang berkuasa untuk memberi dan mengeluarkan arahan, bukan sahaja kepada orang-orang yang tertentu tetapi memberi arahan kepada pegawai Kerajaan dan juga membuat sesuatu terhadap rakyat tanpa mengira sama ada dia berhak berbuat demikian ataupun tidak. Kita lihat di negeri Johor sepertimana kita semua sedia maklum, seperti terlapor dalam akhbar-akhbar bahawa seorang Pegawai Pendidikan, iaitu Pegawai Persekutuan, dia tidak ada kena-mengena dengan Civil Service Johor, dengan izin, tetapi dia adalah

merupakan Pegawai Persekutuan yang mana Kerajaan Persekutuan pinjamkan kepada Johor untuk menjadi pegawai di sana. Yang sepatutnya dia menerima arahan daripada Kerajaan Persekutuan, kita tengok ada pula badan yang lain yang mengarah untuk membuat sesuatu bagi pihaknya. Sebab itu, kita merasakan oleh kerana akhir-akhir ini berlaku begitu berleluasa bukan sahaja di negeri Johor, tetapi juga di negeri lain, ada kecenderungan bahawa ada satu badan yang lain iaitu badan Istana, seolah-olah mereka yang memerintah di negara kita. Ini soal siapa lebih keramat, Raja ataupun rakyat mesti diselesaikan buat kali yang muktamad.

Dalam tahun 1992, tidak pernah kita terfikir bahawa apa telah berlaku di negeri Johor ini, berlaku di tanahair kita. Saya kira kalau kita membaca akhbar, melihat laporan tentang apa yang telah dilakukan terhadap seorang rakyat Malaysia yang bernama Gomez, mungkin sepatutnya kita membaca akhbar yang bertahun pada tahun 17 ataupun 16, lebih. Tetapi ini 1992, berlaku di tanahair kita Malaysia yang dihormati oleh dunia tentang pembangunan ekonomi negara kita, tentang tamadun negara kita, tentang kejayaan kita, demokrasi kita tetapi berlaku perkara sepertimana yang telah dilakukan oleh Sultan Johor pada bulan lepas. Sebab itu, saya rasa sememang tepat pada masanya, Kerajaan mengambil keputusan yang tepat, yang tegas, bahawa kita tidak mahu lagi perkara ini berlaku di tanahair kita. Sebab itu usul ini dibentangkan dan yang paling mengkagumkan kita, walaupun usul ini telah dibentangkan dalam Dewan Rakyat, yang dibentangkan oleh wakil Kerajaan, tetapi jelas nampak kepada kita bahawa walaupun ada perbezaan daripada segi fahaman politik kita, walaupun kita berbeza parti, bangsa dan agama, namun rakyat Malaysia telah menyatakan perasaan mereka menerusi Wakil-wakil Rakyat dan telah mengundi iaitu kita tidak mahu lagi perkara yang berlaku ini diulangi di masa-masa yang akan datang.

Yang mengkagumkan kita sepertimana yang telah kita semua sedia maklum, apabila diumumkan keputusan setelah dikira mengambil undi bagi mereka yang menyokong usul yang telah dibentangkan pada minggu lepas, 96 Ahli Parlimen yang hadir yang terdiri daripada semua parti politik, sama ada dalam Kerajaan atau Pembangkang telah menyatakan dengan sebulat suara bahawa mereka memberi sokongan kepada Usul ini dan seterusnya mengambil tindakan untuk meminda Perlembagaan supaya perkara ini tidak akan berlaku lagi di masa-masa yang akan datang

Saya dengar di dalam perbahasan yang telah diadakan di Dewan Rakyat minggu lepas, dalam sokongan yang diberikan oleh parti Pembangkang, tetapi juga ada pertanyaan yang dihalakan kepada kita bahawa ini bukan perkara baru. Ada parti Pembangkang yang mengatakan bahawa penganiayaan Raja terhadap rakyat ini berlaku sudah banyak tahun dan ada usaha daripada pihak mereka untuk membahaskan perkara ini di dalam Dewan tetapi Kerajaan tidak membenarkan.

Saya ingat dalam hal ini kita tidak perlu apologetic sebab kita ingin menyatakan di sini bahawa memang benar kita telah menggunakan majoriti kita di dalam Parlimen untuk menghalang daripada perkara ini dibahaskan di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Ini jelas menunjukkan bahawa kitalah, Barisan Nasional yang ditunggak oleh UMNO selama hari ini, merupakan orang yang mempertahankan sistem Raja Berperlembagaan. Kasih kita kepada Raja tidak mengira batasan, waima sekalipun ada sesuatu perkara yang tidak baik dilakukan, namun kita mempertahankan Raja-raja kita, tidak dibenarkan soal-soal yang tidak baik dibangkitkan dalam Parlimen untuk dibahas. Begitu sekali yang telah kita lakukan untuk mempertahankan sistem Raja Berperlembagaan kita.

Hari ini, jangan ada pihak Istana yang mengatakan bahawa Barisan Nasional dengan UMNO tunggakunya, tidak mengambil berat tentang apa yang berlaku terhadap Raja. Berpuluh tahun kita telah menahan diri kita untuk mengelak, kalau sekiranya perbahasan ini dijalankan di dalam Parlimen dan Dewan Rakyat, sudah tentulah sedikit-sebanyak penghinaan itu, kata-kata yang menghina, akan dihadapkan kepada Raja-raja kita. Berpuluh tahun kita mempertahankan Raja-rajakita, menggunakan majoritikitadi dalam Dewan Rakyat untuk menghalang daripada perkara ini dibahaskan.

Ini bukti jelas menunjukkan bahawa UMNOlah dengan rakan-rakannya dalam Barisan Nasional yang menjadi parti yang ulung untuk mempertahankan sistem Raja Berperlembagaan di dalam tanahair kita. Ini memang tidak boleh dinafikan. Mungkin ada kawan-kawan kita bertanya, kalau selama hari ini kita pertahankan sistem Raja Berperlembagaan ini, kita mempertahankan Raja-raja kita, tidak dibenarkan membahas perkara-perkara yang berkaitan dengan mereka, mengapa pada hari ini kita membenarkan. Mengapa tidak dibenarkan dua tahun dahulu, tiga tahun dahulu atau empat tahun dahulu?

Inilah satu perkara yang harus Kerajaan dan penyokong-penyokongnya menjawab untuk menenangkan pemikiran orang-orang yang tertanya-tanya, mengapa kita mengambil tindakan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengambil tindakan sekarang kerana sepertimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, iaitu pada tahun lepas dan juga pada tahun 1990, UMNO telah banyak berbincang tentang masalah yang telah dilakukan oleh Raja-raja yang merunsingkan rakyat kita. Perkara-perkara yang menganiayakan rakyat oleh Raja-raja dan perkara Raja-raja menjalankan perniagaan ini semua telah kita bincangkan. kerana kita bimbang kalau kita tidak boleh



bertahan begitu lama. Raja-raja ini bukannya hendak menghargai apa yang dilakukan oleh UMNO, malah dia tengok, apa sahaja yang dia buat silap UMNO akan pertahankan, maka dia tidak peduli dan dia meneruskan perbuatannya yang boleh menyiksa dan menganiaya rakyat-rakyat. Sebab itulah UMNO duduk dan berbincang, kerana kita merasakan bahawa kita tidak dapat mempertahankan perkara yang sebegitu dengan lebih lama lagi. Perkara yang kita pertahankan ini bukan sahaja sepatutnya menyedarkan Raja, malah mereka telah melakukan perkara yang lebih melampaui batas tanpa menghiraukan perasaan rakyat yang berada di dalam tanahair kita.

Kita bimbang bahawa kalau kita tidak membincangkan perkara ini, dan kalau kita tidak nasihatkan kepada Raja-raja, kemungkinan apa yang akan berlaku ialah rakyat akan tidak mempunyai keyakinan terhadap Kerajaan dan keduanya kita bimbang dan takut kalau rakyat sudah tidak sabar lagi untuk menerima segala penganiayaan yang dilakukan oleh Raja terhadap rakyatnya. Ini yang kita bincangkan. Kita memikirkan adalah lebih baik jika UMNO membincangkan perkara ini di dalam Perhimpunan Agungnya di PWTC daripada rakyat membincangkan di Dataran Merdeka, daripada rakyat membincangkan di padang-padang Municipal dan di pekan-pekan yang lain sebab kita mahu mengelakkan daripada bangkitnya perasaan tidak suka rakyat kepada Raja-raja mereka. Sebab itu kita bincang di dalam Perhimpunan Agung kita pada tahun 1990. Maka apa yang berlaku? Ekoran daripada perbincangan kita di dalam Perhimpunan Agung, maka Majlis Tertinggi telah membuat keputusan bahawa kita harus berjumpa dengan Raja dan kita menyediakan satu etika yang mana kita berharap semua Raja akan menerima apa-apa perkara yang dibangkitkan oleh kita di dalam etika itu.

Maka kerana itulah pada bulan tujuh tahun ini diwujudkan kepada kita yang digelar etika, tetapi kepada Raja

mereka katakan ini ialah Pengisytiharan Raja-raja. Atas nama apa sekalipun tidak mengapa, tetapi UMNO telah membincangkan perkara ini dengan serius dan telah menyedarkan kepada Raja-raja tentang betapa perlunya mereka harus akur kepada etika ini. Dan memang menjadi harapan kita, walaupun kita tahu iaitu apabila etika ini disediakan dan telah disembahkan kepada Raja-raja, ada yang tandatangan, ada yang kata dia tidak bersalah dan tidak perlu ditandatangani dan mereka masih memikirkan lagi seolah-olah perkara ini masalahnya ialah antara UMNO dengan Raja, mereka merasakan bahawa perkara ini sebenarnya tidak real, tidak benar, sahaja dibangkitkan oleh Ahli UMNO dan sebab itulah setengah daripada mereka tidak mahutandatangani. Mana-mana Raja yang menyedari dia tandatangan, tetapi ada ramai yang tidak mahu menandatangani etika ini.

Jadi, harapan kita sebagai Ahli UMNO ialah supaya dengan adanya etika ini akan mehdatkan kesedaran kepada Raja-raja iaitu kita serius dan kita tidak mahu lagi penganiayaan ataupun perlakuan yang melampaui batas itu diteruskan sebab apa yang UMNO nyatakan itu adalah perasaan rakyat. Ini perkara pokok yang Raja-raja harus tahu. Tetapi jelas, walaupun amaran telah diberi, walaupun kesedaran telah diberi, maka pada hari ini kita lihat walaupun etika itu telah diwujudkan pada bulan tujuh, Raja tidak sedar. Masih lagi dengan kelakuan yang lama. Sebab itu kalau orang bertanya kepada kita, mengapa sekarang baru kita mengambil tindakan, kita jawab kerana kita telah menyedarkan Raja tentang perkara ini. Kita telah menyampaikan dan mengadap kepada mereka untuk membenteng etika ini, amarannya telah cukup kita beri kepada mereka. Maka kalau selepas amaran telah diberi tetapi kelakuan tidak berubah, maka inilah bahananya.

Sebab itu, tidak ada silap dan salah mengapa kita mengambil tindakan sekarang. Tindakan ini bukan mengejut,

tindakan ini bukan spontan, tindakan ini telah diambil kira bahawa setelah etika itu diwujudkan dan kalau sekiranya Raja-raja tidak menghormati etika itu maka penguatkuasaan itu harus dilakukan oleh rakyat. Inilah yang hendak kita lakukan. Oleh kerana itu saya berharap kepada mana-mana pihak, khususnya rakyat, yang merupakan orang yang penting dalam tanahair kita ini haruslah memahami bahawa apa yang kita lakukan ini bukanlah kita melakukan kerana kita tidak suka kepada Raja," tetapi kita lakukan kerana kita telah memberi amaran yang lebih awal kepada Raja supaya perkara ini tidak akan berlaku lagi. Sebab itu kita buat perkara ini.

- Apa yang jelas ialah di dalam sesebuah negara rakyat mesti tnerasakan bahawa ia bebas untuk pergi ke mana-mana yang dia mahu, asalkan dia tidak melakukan kesalahan di sisi undang-undang negara kita. Rakyat bebas bercakap dan rakyat tidak sepatutnya merasakan bahawa apabila dia berada di dalam sesebuah negeri di dalam negara Malaysia ini, dia merasa ketakutan. Dia tidak perlu takut kalau dia hendak bawa kereta kerana takut-takut kalau dia terpotong kereta yang dipunyai oleh Raja, dimana nanti dia akan disepak. Ini tidak seharusnya berlaku di dalam tanahair kita Malaysia yang merdeka dan yang bertamadun. Sebab itu kita bela rakyat, kita bela rakyat bukan kerana kita tidak suka kepada Raja, tetapi kita membela rakyat kerana rakyat dianiaya oleh Raja. Kalau pada hari ini Kerajaan tidak mengambil satu tindakan yang keras dan tegas, saya yakin dan percaya dua perkara ini akan berlaku. Pertama, rakyat akan hilang kepercayaan kepada Kerajaan untuk menjaga keselamatan rakyat. Kedua, Raja akan sedar bahawa rakyat tidak mampu untuk menahan mereka daripada membuat apa sahaja yang mereka suka, maka ini akan menyebabkan Raja akan lebih melampaui batas dalam segala tindak-tanduk mereka di masa-masa yang akan datang.

Sebab itulah pada hari ini saya rasa Kerajaan Barisan Nasional mendapat sokongan daripada seluruh rakyat tanpa mengira kaum, agama ataupun bangsa. Douglas Gomez bukan orang Melayu, manakala Raja yang memukul adalah Raja, Melayu. Walaupun ada orang yang menuduh bahawa UMNO ini adalah assabiyah - mengikut fahaman saya "assabiyah" ini ialah apa juga yang dilakukan oleh bangsa dia semuanya betul, tetapi apa yang jelas hari ini menunjukkan bahawa UMNO bukan assabiyah kerana mangsanya adalah orang India, bukan beragama Islami dan orang yang menyebabkan mangsa ini sakit kerana dianiaya ialah orang Melayu, orang Islam. Tetapi di sini Kerajaan Barisan Nasional jelas menunjukkan bahawa ia adil kepada semua dan tidak mengira kaum. Siapa sahaja rakyat Malaysia, sama ada dia China, Melayu, India, Kadazan ataupun Iban, sama ada dia Islam, Kristian, Hindu, Buddhist ataupun tidak ada agama, asalkan dia rakyat Malaysia, kalau dia dianiaya, maka Kerajaan akan membela mereka ini, walau sekalipun orang yang menganiaya itu adalah orang Melayu yang beragama Islam dan berkedudukan tinggi.

Saya berharaplah supaya tidak berbangkit soal perkauman. Jangan ada di kalangan orang-orang Melayu kita yang mempunyai fahaman yang sempit, sebab saya percaya di dalam kita membincangkan perkara ini, sudah tentu ada di kalangan orang-orang Melayu kita yang mengatakan iaitu mengapa sangat kita hendak mengambil berat tentang hal ini sebab yang kena ini orang India dan dikatakan pula pada ketika itu sedang minum dan mulut berbau dengan arak dan ada yang kata iaitu kalau boleh Raja ini raja Melayu, maka kita lupakan sahaja dan senyapkan sahaja. Ini kita hendak beritahu kepada orang Melayu dan juga kita hendak memberitahu kepada orang yang bukan Melayu bahawa Kerajaan Barisan Nasional menjalankan satu pentadbiran yang adil.

Kita tidak kira siapa. Siapa sahaja yang mengaku ketaatan dia kepada negara Malaysia, maka dia akan dibela kalau dia dianiaya dan siapa juga yang duduk dalam- negara Malaysia, kalau dia melakukan sesuatu perbuatan yang salah di sisi undang-undang, maka dia akan didakwa dan jika didapati salah, dia akan dihukumkan oleh undang-undang yang ada di tanahair kita ini. Ini jelas. Ini yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional kita. Sebab itu, kita mahu rakyat merasa penuh keyakinan bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah serius dalam usaha kita untuk memastikan keselamatan rakyat itu dipertahankan dan dibela di dalam tanah air kita.

Dalam kita membincangkan sisterh politik tanah air kita, Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan di sini sebentar tadi bahawa dalam sistem politik kita, Parlimen itu yang paling keramat sekali. Kita tidak boleh izinkan ada badan ataupun institusi yang lain yang mempunyai cita-cita untuk menyaingi kekeramatan suara rakyat menerusi demokrasi berparlimen. Sebab itu, saya ingin menyatakan pada peringkat awal dalam kita membincangkan masalah ini, di sini kita harus ingat, sistem kita ialah sistem demokrasi berparlimen, maka oleh kerana itu, dalam soal siapayang mentadbir dan memerintah negara kita ini tidak ada saingan kepada Parlimen yang dipilih secara demokrasi.

Parlimen boleh gubal undang-undang. Parlimen boleh membubar undang-undang. Itu kuasa yang terbesar sekali di tanah air kita. Rakyat memberi suara kepada Wakil Rakyat. Wakil Rakyat mewakili rakyat dalam Parlimen. Macam mana orang kata bahawa kita salah di dalam sesuatu perkara yang kita bangkitkan dalam Parlimen? Kalau rakyat menyokong kita, siapakah yang boleh menjadi orang yang mengadilkan dalam suasana untuk membuat keputusan kalau tidak rakyat? Kalau dalam Dewan Rakyat yang lepas, kalau ada tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan ataupun Wakil

Rakyat yang tidak menyenangi kepada rakyat maka rakyat tahu apa yang dilakukan oleh mereka. Lagi 3 tahun pilihanraya umum, rakyat berkuasayakni "raja" pada hari itu. Rakyat menjadi raja pada hari itu untuk menentukan untung nasib parti yang mewakili mereka dalam Dewan Parlimen.

Sebab itu Parlimen berkuasa. Sebab Parlimen adalah mencerminkan hasrat dan harapan rakyat. Kita tidak boleh mengatakan bahawa Institusi Raja ini mewakili rakyat. Sebab dia tidak pernah dipilih. Memang sistem perwarisan yang mana kalau matinya bapa diganti dengan anak. Ini bukan sistem yang mencerminkan hasrat rakyat sebab rakyat tidak ada pilihan untuk memilih siapa yang mereka mahu pilih selepas tidak adanya sultan yang ada pada hari ini. Tetapi Wakil Rakyat, Senator pun serupa, walaupun dilantik, tetapi dilantik oleh Kerajaan. Macam kawan saya daripada PAS, dia wakil PAS sebab di Kelantan dia Kerajaan. Maka dia juga dipilih oleh rakyat. PBS daripada Sabah, dia merupakan calon pilihan daripada parti yang memerintah di Sabah. Maka dia ini Senator walaupun dilantik tetapi dia mewakili rakyat kerana Kerajaan Sabah yang memilih dia.

Serupa juga dengan kita, penyokong Kerajaan Barisan Nasional di sini. Kita juga mencerminkan kehendak' rakyat. Walaupun kita dilantik, tetapi kita dilantik oleh Kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Kalau naik Kerajaan lain, mungkin saya tidak duduk di sini. Tetapi kerana Barisan Nasional, saya dilantik untuk duduk di sini. Sebab itu, jangan pandang rendah tentang tugas dan tanggungjawab Senator ataupun Dewan Negara sebab Dewan Negara, apa yang dia bercakap adalah juga mencerminkan hasrat rakyat sebab kita raemang bergelumang dan bergaul dengan rakyat. Kita tahu apa perasaan dia. Saya tidak mungkin berdiri di hadapan ini berucap dengan sedemikian rupa kalau saya tidak tahu tentang hasrat rakyat di peringkat akar umbi. Saya tahu

perasaan mereka macam mana - kecewa, dukacita, seorang yang kita sanjung tinggi, yang kita pertahankan tetapi mempersiakan segala apa yang kita telah lakukan kepada mereka.

Ini perasaan rakyat. Sebab itu pada hari ini, kita mesti tentukan dalam menjalankan pentadbiran tanahair kita, yang memerintah ialah rakyat menerusi Parlimen iaitu Dewan Senate dan juga Dewan Rakyat. Ini kita mesti ingat. Sebab itu, kita jangan takut dan jangan bimbang. Parliamentary sovereignty, dengan izin. Ini Perlembagaan, Perlembagaan nianusia. "What man can do, man can undo", dengan izin. Tidak ada benda di dalam Perlembagaan kita ini yang tidak boleh dipinda sebab kuasa di dalam Perlembagaan ini datangnya dari Parlimen. Kalau Parlimen beri, Parlimen boleh tarik balik. Seperti juga dengan Sultan-sultan. Dia beri Dato, dia boleh tarik balik, kuasa dia. Begitu juga dalam soal undang-undang, kuasa kita - Parlimen. Kita buat undang-undang, kita boleh pinda undang-undang. Dengan izin, saya irigin mengatakan di sini, Parliamentary sovereignty ini merupakan asas kepada sistem Kerajaan yang ada di dalam tanah air kita. Ini soal pokok yang harus kita semua tahu iaitu tidak ada kuasa di dalam tanah air kita ini yang lebih besar daripada Parlimen ini. Tidak ada kuasa yang lebih besar dari Parlimen. Sama ada Institusi Raja, istana, mereka adalah duduk di bawah Parlimen kita kerana Parliament is sovereign, dengan izin.

Sistem Rajakita, kita harus ingat, bukan Raja mutlak. Kalau Raja mutlak, macam di Brunei, apa juga keluar dari mulut dia, itulah undang-undang. Seluruh negeri Brunei merupakan hak dia. Sebab itu, segala hasil yang datang daripada minyak di Brunei itu, masuk terus ke poket dia. Rakyat tidak mempunyai hak sebab dia Raja mutlak. Itu Raja mutlak. Mungkin inilah, kerana Brunei ini berdekatan dengan kita, mungkin

kekeliruan itu berlaku di antara Sultan-sultan kita dengan Raja mutlak yang berada di Brunei.

Saya ingin mengingatkan kepada istana yang berada di tanahair kita bahawa sistem dia adalah Raja Berperlembagaan. Tidak lebih dari itu. Sebab itu segala tindak-tanduk dia adalah mesti tertakluk kepada Perlembagaan. Dia tidak boleh bebas untuk buat apa yang dia suka. Dia memerintah negara kita ini, bukan kerana seperti yang berlaku pada 300, 400 atau 500 tahun dahulu yang mana kita dengar orang-orang seperti Richard The Lion Heart, Charlemagne, mereka datang memerintah. Dia kata, "By God, I rule this country". Sebab apa? "By God and by sword,". "Dengan nama Tuhan, dengan nama pedang, aku memerintah negara ini" Memanglah dia memerintah kerana dia handal. Mungkin Richard The Lion Heart merupakan bapak gangster pada ketika itu iaitu orang yang paling hebat, yang ditakuti kerana dia memang pandai bermain pedang dan orang-orang dia semuanya sokong dia dan dia menang dan memerintah kawasan-kawasan yang mana di bawah takluk dia. Dia menang dengan memenangi peperangan 'dan pedang sebab itu dia memerintah dengan secara mutlak. Apa dia cakap, itulah undang-undang.,

Istana di sini mesti ingat dia bukan Rajamutlak. Dia Raja Berperlembagaan. Kalau kita tengok sekalipun, dalam sejarah Raja-raja di tanahair kita, mungkin ada dua, tiga Sultan yang ada pada hari ini sepatutnya dia tidak menjadi Sultan kerana line dia itu line orang lain, sebab Sultan pernah disuruh turun takhta oleh Kerajaan Inggeris. Kita baca akhbar dua, tiga bulan yang lalu di negeri Terengganu. Kita tahu ada satu Raja yang sedang menuntut mendapat pencen kerana dia mengatakan bahawa dia pernah menjadi Sultan dan British suruh dia turun dari takhta dan naik Sultan yang baru.

yang mangkat tidak berapa lama dahiilu. Begitu juga di negeri Kelantan kalau tidak silap saya.

Di negeri Kelantan, linanya pun lain. Kalau dahulu tidak silap saya Raja Indra yang patut menjadi Sultan, tetapi mungkin ada sesuatu yang berlaku, maka ditukar orang lain. Maknanya Raja di sini boleh disuruh turun takhta dalam zaman Inggeris dahulu. Dan juga kita lihat di Negeri Sembilan, kalau hendak dikirakan sebelum Yang di-Pertuan sekarang ini, ada orang yang mengatakan bahawa sepatutnya takhta ini diduduki oleh anak daripada Almarhum Yang di-Pertuan Besar dahulu, tetapi oleh kerana sesuatu telah berlaku, maka dia tidak dibenarkan untuk duduk.

Jadi, inilah menunjukkan iaitu dia Raja Berperlembagaan. Kalau ada sesuatu perkara yang tidak baik dilakukan olehnya, maka dia boleh diturunkan. Itu Raja Berperlembagaan dan ini pernah berlaku dalam sejarah tanahair kita, berlaku dalam zaman Inggeris dan berlaku dalam zaman kita sudah merdeka. Jadi ini kita harus ingatkan kepada Raja-raja kita, iaitu sistem ini ialah sistem Raja Berperlembagaan. Dia tidak bebas untuk buat apa yang dia suka, dia tidak bebas! Apa yang dia hendak buat itu mesti tertakluk kepada undang-undang tanahair kita, tertakluk kepada Perlembagaan kita. Sebab itu hendak ditekankan di sini, iaitu sistemnya ialah sistem Raja Berperlembagaan, bukan sistem Raja bermutlak, dan ini bermakna bahawa dia tidak bebas untuk melakukan apa sahaja yang dia suka terhadap rakyat atau terhadap sesiapa sekalipun di tanahair kita.

Satu perkara lagi yang hendak kita bincangkan dalam soal kita membahas Usul ini, ini ajaran agama Islam kita. Saya mengambil kesempatan ini, oleh kerana Senator dari PAS ada di sini, mengalu-alukan kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat

Menteri Besar Negeri Kelantan, Ustaz Nik Aziz. Dia mengatakan bahawa Sultan Kelantan, berdasarkan dan berasaskan kepada kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Baginda, tidak ada larangan terhadap kita hendak meminda undang-undang berkenaan dengan kekebalan Raja-raja sebab Baginda telah berkata bahawa yang menjadi pedoman dan ikutan Sultan Kelantan dalam hidup di dunia ini ialah Al-Quran dan Hadis. Maka Yang Amat Berhormat Ustaz Nik Aziz berkata, berasaskan dan berdasarkan kepada itu, kerana dalam Islam ini tidak ada siapa yang dikecualikan daripada kesalahan yang dilakukan oleh mereka daripada segi Agama Islam dan oleh kerana di sisi Allah, semuanya sama, maka berasaskan kepada itu, Sultan Kelantan seharusnya bersejua dengan pindaan Perlembagaan yang ada kaitan dengan kekebalan. Kita alu-alukan kenyataan Yang Amat Berhormat Nik Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan. Memang itulah.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:**  
Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Saudara Nazri apabila beliau menyatakan bahawa beliau mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan yang telah menyatakan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan telah bersejua dalam Usul mengenai pindaan Perlembagaan ini, tetapi saya telah terbaca dalam satu akhbar, dalam kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan itu menyatakan, Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan bersejua dengan syaratnya pindaan Perlembagaan ini dapat dipersetujukan ialah apabila undang-undang hudud dijalankan di Kelantan, apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya minta maaf, baca akhbar Inggeris *New Straits Times* dan saya berpandukan apa yang telah saya perkatakan tadi kepada keratan akhbar yang saya baca pada pagi ini. Tetapi kalau sekiranya apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, iaitu ada syarat pula, maka saya rasa, perkara ini di dalam Islam, kalau kita kata bahawa orang itu di sisi Allah Subhanahu wa Taala, semua manusia itu adalah sama, dan di dalam Islam, tidak siapa dikecualikan daripada melakukan kesalahan. Saya kira tidak pula mesti ada berkata iaitu bersyarat pula kena terima hukum hudud. Saya rasa tidak ada di dalam buku ataupun mana-mana kitab bahawa soal seorang makhluk itu adalah sama di sisi Allah, itu mesti bersyarat pula, tertakluk kepada syarat mesti terima hukum hudud. Jadi, saya ingat dalam hal ini perlu memberi penjelasan. Tetapi yang saya tahu, saya rasa tidak ada syarat sarna ada hukum hudud, itu diterima ataupun tidak, saya rasa dalam fahaman saya yang begitu tidak mendalam di dalam hukum ini, saya rasa tanpa syarat setiap orang itu di sisi Allah adalah equal ataupun sama. Dan tanpa syarat, di dalam Islam itu tidak siapa pun yang boleh diletakkan atas undang-undang yang ada dalam tanahair kita. Ini pandangan saya dalam hal ini.

Maka dalam hal ini, saya juga ingin mengingatkan kepada masyarakat bangsa Melayu yang beragama Islam.. Kadangkala kita lihat dalam kita membahar ataupun bukan baharlah sebab kita bahar ini dalam Parlimen sahaja, bila kita bercakap tentang perkara ini di kedai-kedai kopi, di masjid atau di mana-mana sekalipun, sudah tentu ada orang yang mengatakan bahawa apa yang Kerajaan hendak lakukan ini adalah keterlaluan. Di satu pihak, dia dengan bangga mengatakan iaitu dia beragama Islam, bahawa dia adalah orang yang senantiasa akur kepada Islam, "tetapi kepada satu suasana yang lain pula, dia mengatakan bahawa ini Raja, macam

mana kita hendak ambil tindakan dengannya? Tetapi dia ini Islam. Dia orang Islam dan dia tahu ajaran Islam dalam soal ini, tetapi bila Raja pukul orang yang tidak berdosa, dia tidak mahu bercakap banyak tentang hal ini kerana Raja.

Saya minta kepada kawan-kawan kita yang sama-sama beragama Islam, kalau kita kata bahawa Islam itu merupakan agama kita, maka seharusnya kita terima, bahawa lidak ada perbezaan di antara Raja dengan kita sebab kita tahu bahawa di dalam Islam ini martabat seseorang manusia ialah berasaskan kepada ketaqwaannya kepada agama Islam. Tinggi martabatnya kalau tinggi ketaqwaannya kepada Tuhan, bukan kerana dia Raja, bukan kerana dia orang besar.

Sebab itu dalam Islam ini adiL. Kita bercakap tentang martabat, maka Islam itu adil kerana walaupun orang itu datang daripada keluarga orang-orang yang miskin, walaupun dia datang daripada keluarga yang dhait', tetapi dia boleh menaikkan kedudukannya dalam masyarakat Islam kalau ketaqwaannya kepada Islam itu tinggi. itu adilnya. Tetapi masyarakat Melayu kita ini kita lihat martabat dalam masyarakat Melayu ini berasaskan kepada keturunan sehinggakan agama pun kita ketepikan.

Oleh kerana hormat kepada Raja, Raja pukul orang, kita tahu agama kita tidak membenarkan pukul orang tapi rakyat kerana dia Melayu. dia duduk dalam masyarakat Melayu, dia hormat Raja, kerana dalam masyarakat bangsa Melayu kita martabat itu berasaskan kepada keturunan, maka orang yang berketurunan tinggi itu apa sekalipun dia buat kepada orang yang rendah maka tidak boleh apa-apa yang kita lakukan. Itu masyarakat Melayu.

Saya mahu supaya orang Melayu kila sedar bahawa di dalam agama kita tidak ada perbezaan. Raja, Menteri, Timbalan

Menteri, Senator ataupun rakyat biasa, kita semua sama. Sebab itu janganlah dalam masyarakat bangsa Melayu kita dibelenggu dan dikongkong oleh fahaman feudal yang telah hidup begitu lama di dalam akal pemikiran masyarakat bangsa Melayu kita. Islam datang kepada kita untuk membebaskan kita daripada belenggu fahaman feudal ini. Ini kita harus ingat, sebab apa yang menyedihkan saya walaupun ajaran Islam sudah sampai kepada kita tetapi hanya kita ini beritahu kepada orang Islam setakat apa yang kita katakan yang mana suasananya memerlukan kita Islam, kita Islam tapi apabila hendak bela Raja, kita kata "tidak boleh, tidak boleh." Sebab dia Raja, dia boleh buat apa yang dia suka. Ini kita harus tukar pemikiran kita.

Islam datang kepada masyarakat bangsa Melayu kita untuk membebaskan pemikiran anak-anak Melayu kita yang selama hari ini telah dibelenggu dan dijajah oleh fahaman feudal. Sebab itulah kita tengok dalam suasana Raja bertindak sedemikian rupa, ganas, keras, ada sahaja kunci-kunci yang dikeliling Raja itu yang, walaupun agama Islam, senantiasa mengajak, mencucuk, menggalak Raja untuk berlaku ganas terhadap rakyat negara Malaysia.

Saya mahu supaya ajaran Islam ini mengingatkan kepada kita bahawa apa juga kesalahan yang dilakukan oleh siapa juga, Sultan, Menteri, Timbalan Menteri, kalau ianya merupakan kesalahan maka marilah kita beramai-ramai memastikan bahawa keadilan itu mesti dituntut untuk mendakwa orang yang telah bersalah itu dan kalau didapati salah maka dia mestilah dihukumkan walaupun dia merupakan seorang yang datang daripada keturunan yang tinggi dalam masyarakat bangsa Melayu.

Saya mengatakan perkara ini, Tuan Yang di-Perlu, kerana dalam masa satu bulan ini ada khususnya di kalangan masyarakat bangsa Melayu kita yang banyak mengingatkan kepada saya dan

mungkin kepada pucuk pimpinan iaitu jaga-jaga sedikit kalau kita hendak sentuh tentang Raja. Saya hendak menyatakan di sini bahawa saya tidak bimbang dan tidak khuatir sebab saya orang beragama Islam. Saya boleh ditegur kalau saya melakukan kesalahan. Tidak mengapa, saya manusia biasa dan saya ingin menyatakan bahawa Raja-raja juga adalah rakyat biasa, tidak ada perbezaan dengan saya. Maka oleh kerana itu kalau dia melakukan kesalahan, kita juga boleh tegur dia. Tegur-menegur, hidup sebagai aur dengan tebing adalah satu fahaman kehidupan dalam masyarakat bangsa Melayu kita. Raja-raja tidak perlu tersinggung kalau kita tegur dia. Kalau dia baik siapa hendak tegur dia - kalau dia baik. Saya ingat gila orang-orang kita kalau Raja yang adil, yang baik itu kita hendak tegur dia. Kita legur dia kerana apa, kerana dia melakukan perbuatan yang tidak baik. Ini kita harus ingat. Jangan dijajah pemikiran kita. Jangan dibelenggu pemikiran kita. Sia-sia kalau sekiranya Islam itu tidak datang kepada masyarakat bangsa Melayu untuk membebaskan kita daripada belenggu ini. Sia-sia kita kalau Kerajaan telah bekerja keras untuk memberikan pendidikan kepada masyarakat bangsa Melayu kita tetapi apabila balik ke negara kita masih lagi dibelenggu oleh pemikiran feudal yang ada dalam tanahair kita pada hari ini. Ini kita harus ingat dan perkara ini mesti senantiasa kita beringat supaya kalau hari ini kita kata yang kena penampar, penyepak ialah Gomez. Esok mungkin kita ataupun adik kita, lusa mungkin bapa kita, pada ketika itu kesal kita kalau kita tidak mengambil tindakan keras sekarang ini untuk memastikan Raja tidak boleh lagi berbuat perkara sedemikian. Jangan sampai hendak tunggu kena kepada adik-beradik kita baru kita hendak bertindak. Ini kita harus ingat, apa yang kita lakukan sekarang ini bukan unluh kita sahaja tetapi untuk masyarakat bangsa kita, negara kita di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta masa lagi sebab Usul ini merupakan satu Usul yang penting dan adajuga perkara-perkara yang ada kaitan dengan undang-undang yang harus kita bincangkan di sini. Saya berdiri juga menyokong supaya Perlembagaan itu dipinda, mesti dipinda dan sudah tentulah apabila kita mengatakan bahawa Perlembagaan ini mesti dipinda maka banyaklah pandangan yang diutarakan oleh pihak Kerajaan dan pihak bukan Kerajaan, oleh pihak orang politik dan bukan orang politik, di dalam Parlimen dan juga di kedai kopi. Masing-masing akan memberikan pandangan mereka tetapi saya ingin menyatakan di sini iaitu dalam apa juga perkara yang kita bincangkan ini, saya hendak mengingatkan tiga perkara yang saya sebut tadi itu adalah penting. Pertama ialah the sovereignty of the Parliament - suara keramat rakyat. Kedua, sistem Raja Berperlembagaan, bukan Raja mutlak. Ketiga, ingat kepada ajaran Islam kita.

Maka kalau kita faham tiga perkara ini, kalau ada orang yang membangkit menyatakan kepada kita bahawa Perkara 38 di dalam Perlembagaan Malaysia mengatakan bahawa, "kalau sekiranya sesuatu pindaan itu hendak dibuat yang ada kaitan dengan keistimewaan Raja-raja, maka hendaklah perkara ini dirujuk kepada Majlis Raja-raja". Maka adalah experts yang menyatakan bahawa Parlimen tidak boleh luluskan, mesti minta kehendak Raja-raja.

Soal yang hendak saya tanyatadi ialah dari mana kuasa Perkara 38 ini datang, yang kita senantiasa bercakap, Perkara 38 kata, "tidak boleh pinda melainkan diminta kebenaran Raja-raja". Kuasa itu datang daripada mana? Perkara 38 itu datang daripada mana? Datang daripada langit ataupun datang daripada Al-Quran terus masuk dalam Perlembagaan? Tapi kalau ia datang daripada undang-undang yang digubal oleh Parlimen, bermakna kalau Parlimen boleh gubal, Parlimen boleh bubar. Apa masalahnya?

Tidak mungkin dalam Parlimen kita, kita boleh membuat undang-undang yang mengikatkan generasi kita yang akan datang sampai akhir zaman. Kita membuat satu undang-undang, kita ikat generasi akan datang. Tidak mungkin. Ini Kerajaan, yang mana undang-undang adalah tidak statik, undang-undang ini hidup, ia boleh bertukar, kita boleh buat undang-undang yang berpatutan dengan suasana pada ketika ini tetapi kalau 30 tahun daripada sekarang peruntukan itu sudah tidak sesuai, maka ia boleh dipinda sebab Parlimen berkuasa, rakyat berkuasa menerusi Parlimen.

Jadi, oleh kerana Perkara 38 bukan datang daripada langit, bukan datang daripada Al-Quran tetapi datangnya daripada kuasa Parlimen yang menggubal perkara ini maka saya mempunyai pandangan, apa Parlimen boleh gubal, Parlimen boleh bubar. Tidak mungkin kita boleh menggubal satu undang-undang yang mengikat generasi kita yang akan datang sampai bila-bila. Tidak mungkin! Mana boleh! Hari ini kita buat keputusan kita hendak ikat generasi kita hingga seratus tahun yang akan datang, apa yang kita ikat dia sekarang sampai seratus tahun dia tidak boleh buat. Mana boleh! Mana boleh! Saya hendak tanya mana boleh. Apakah kita boleh terima kalau di dalam suasana kita hidup di dalam tahun 1992, Parlimen tahun 1957 ikat kita ikat kita dengan satu perkara yang pada tahun 1957 itu mungkin sesuai tapi sekarang sudah tidak sesuai. Apakah kita boleh terikat dengan perkara yang telah digubal pada tahun 1957? Ini Parlimen, Parlimen sovereign.

Dia boleh buat apa dia suka. Dia boleh buat apa yang dia tidak suka. Tetapi kalau dia buat apa yang dia suka, tetapi rakyat tak suka, 5 tahun lagi datang pilihanraya, dia akan tumbang. Itu dia. Ya, itu kekuatan kita. Mengapa sibar satu perkara yang kita wujud, tidak boleh kita batalkan? Orang gila sahaja membuat satu keputusan untuk mengikat generasi



yang akan datang di masa-masa yang akan datang, tidak mungkin. Sebab itu kita mahu supaya dibahaskan, biar.

Saya sokong apa Perdana Menteri Malaysia cakap, ikut prosedur. Prosedurnya, 2/3. Kita pinda Perlembagaan, kita pinda perkara yang hendak kita gubalkan, yang hendak kita pindakan, dapat kelulusan 2/3 dari Parlimen, kemudian serah kepada Agong. Agong sign, kalau tak mahu sign, dalam masa 30 hari iajadi undang-undang. Ada pula orang berkata, iaitu sebelum kita merangkaundang-undangini, hendakkena tanya kepada Raja dahulu. Siapa memerintah? Parlimen memerintah ataupun Raja memerintah? Saya hendak tanya soalan ini, biar ini mahkamah tentukan, siapa memerintah dalam tanahair kita ini? Kalau kata Raja memerintah, cakap betul-betul. Jangan kata Raja ini ialah Raja Berperlembagaan, cakap ini Raja mutlak, kita senang hati. Saya pun sudah tahu ini dan sesudah bercakap, saya lari selepas ini, tak payah tunggu lagi.

Tetapi kalau kita kata bahawa sistem di sini ialah demokrasi berparlimen, maka kita memerintah, Parlimen memerintah. Parlimen yang menentukan apa yang kita mahu untuk rakyat kita. Sebab itu, ini mahkamah belum ada diuji, minta mahkamah buat keputusan siapa yang memerintah di dalam tanahair kita ini. Kita ataupun Raja-raja? Ini mesti diselesaikan buat kali yang muktamad. Kalau tidak diselesaikan, ianya akan merupakan masalah tahun demi tahun dan kita tidak akan hidup selamat dalam tanahair kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga rasa bahawa sebelum kita rangka undang-undang ini tidak perlu merujuk kepada Majlis Raja-raja. Sebab kalau kita rujuk kepada Majlis Raja-raja, kita buat rang undang-undang, kemudian hendak beri balik kepada Raja, sebab Agong pun Raja, dua kali punya kerja, apa pasal? Kalau

tidak perlu tandatangan Agong, mungkin minta kebenaran Raja-raja dahulu, kemudian buat rang undang-undang, lulus dalam Parlimen, jadi undang-undang. Tetapi hari ini kita tahu iaitu prosedurnya lulus di dalam Parlimen dan Dewan Negara, maka beri kepada Raja/Sultan, dia sign, jadi undang-undang. Jadi, kalau sebelum kita hendak merangkakan rang undang-undang ini, hendak kena minta dulu kepada Majlis Raja-raja, kita buat kerja dua kali. Dua kali minta kebenaran dia; sekali kita minta Majlis Raja-raja, kemudian hendak suruh Agong tandatangan pula, serupa sahaja.

Jadi, sebab itu saya menyokong apa yang dikatakan oleh Dato' Seri Dr Mahathir, ikut prosedur; kita gubal undang-undang, kita bawa/bentang dalam Parlimen, 2/3 lulus, bawa kepada Agong; Agong tak tandatangan, 30 hari jadi undang-undang. Siapatakpuashati, bawa Kerajaan kemahkamah. Biar mahkamah putuskan perkara yang muktamad ini. Ini prosedur yang paling baik sekali dan harus kita ikuti.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Perkara 38(4) saya kata kalau boleh, oleh kerana Parlimen ini sovereign, kalau menjadi masalah kepada kita, kita padamkan. Sebab prinsip Parliament sovereignty ini ialah kalau kuasa itu datang daripada Parlimen, Parlimen menggubal, Parlimen boleh bubar, tidak ada masalah, sebab kita mewakili rakyat.

Perkara yang menjadi isu pada hari ini, dalam soal pindaan Perlembagaan ini ialah "kekebalan" (immunity). Kalau dibaca di dalam Perlembagaan kita, Perkara 181 (2) mengatakan bahawa Sultan-sultan tidak boleh dibawa ke prosiding di mahkamah. Itu sahaja, pendek, dia tak boleh dibawa ke mahkamah. Jadi, untuk pinda Perkara 181(2) ini ramai yang kata kita mesti rujuk kepada Perkara 38, sebab orang berkata bahawa Perkara 181 yang tak boleh bawa Raja ke mahkamah ini merupakan privilege Raja. Jadi, kalau keistimewaan (privilege) Raja,

kena ikut Artikel 38 yang mengatakan kebenaran Majlis Raja-raja mesti diminta dahulu, baru kita hendak pinda ini.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa membawa orang ke mahkamah, orang tidak akan pergi ke mahkamah untuk bersuka ataupun berseronok. Orang tidak pergi ke mahkamah, katalah, saya hendak pergi picnic ke mahkamah, tidak. Orang pergi ke mahkamah, kenapa? Sama ada dia hendak saman orang atau dia kena saman, itu sebab orang pergi ke mahkamah. Orang pergi ke mahkamah kerana apa? Kerana dia melakukan kesalahan, sebab itu dia pergi ke mahkamah. Sebab itu "kesalahan" dan "pergi ke mahkamah" ini tidak boleh dipisahkan, mesti sama. "Melakukan kesalahan" dan "pergi mahkamah" mesti disatukan.

Jadi, kita hendak tanya kepada Rajakah ataupun kepada mahkamah, apakah melakukan kesalahan itu merupakan keistimewaan Raja? Sebab kitakata tadi, "melakukan kesalahan" dengan "pergi ke mahkamah" tidak boleh dipisahkan. Saya telah jelaskan iaitu orang tidak pergi ke mahkamah untuk picnic. Orang pergi ke mahkamah kerana dikenakan 'hadir di situ keranakesalahan'. Jadi, sayahendak tanya bahawa pergi ke mahkamah disabitkan oleh kerana melakukan kesalahan itu, apakah ini keistimewaan Raja? Kalau orang kata, 'Oh, Raja tidak boleh melakukan kesalahan'. Maka kita kata, 'Bagus. Kalau Raja tidak ada privilege untuk melakukan kesalahan...'

**Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, sila Tuan Haji Zahid.

**Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi:** Mohon penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Merujuk kepada ucapan Yang Berhormat Tuan Haji Nazri dan juga laporan akhbar semalam yang dibuat oleh Tuan Haji Nazri, jika Majlis Raja-raja

merasakan melakukan kesalahan, khususnya yang melakukan jenayah, samaadakolarputihataujenayah-jenayah lain itu adalah satu keistimewaan bagi mereka, apakah pendapat Yang Berhormat Tuan Haji Nazri, Majlis Raja-raja patut mempertahankan keadaan ini?

**Tuari Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Pertamanya sama ada Raja-raja patut pertahankan perkara itu, kalaulah sekiranya Majlis Raja-raja mengatakan iaitu melakukan jenayah itu keistimewaan dia, pertamanya saya pengsan. Ya!

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kenapa?

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Pengsan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau sudah dia boleh buat apa dia suka, lebih baik saya pengsan dulu daripada saya dibantai di luar Parlimen nanti, sebab itu! Kalau sudah Raja boleh buat apa jenayah juga, macam mana hendak jaga keselamatan kita, keselamatan keluarga kita, anak-anak kita, ini kita hendak tanya! Kalau betul dia mengatakan bahawa menjadi hak dan privilege dia untuk melakukan jenayah, saya ingat bukanlah sistem demokrasi berparlimen di Malaysia ini dan bukanlah sistem Raja Berperlembagaan seperti yang kita katakan. Sebenarnya Raja mutlaklah mereka ini. Sebab itu saya tidak nampak mereka boleh pertahankan bahawa hendak mengatakan iaitu melakukan kesalahan ini adalah keistimewaan mereka. Saya rasa satu tragedi kepada negara kita kalau mereka mengakui bahawa ia melakukan kesalahan itu adalah merupakan hak istimewa mereka. Saya tak berani hendak kata apalah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebaliknya Yang Berhormat Tuan Haji Nazri, sebelum diminta penjelasan tadi, Tuan Haji Nazri ada mengatakan bahawa Raja tidak boleh membuat kesalahan dan

itu hendak diperkembangkan tadi sebelum diminta penjelasan.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya kata tadi bahawa kita hendak dihadapkan kepada Raja soal keistimewaan tadi. . Sebab soal keistimewaan (privilege) adalah satu perkara yang paling penting dalam kita hendak meminda Perkara 181(2) ini, sebab kalau Raja kata, iaitu 'bukan menjadi keistimewaan kami untuk membuat jenayah'. Kalau itu dipersetujui oleh mereka, bermakna kita boleh pinda Perkara 181(2) ini tanpa rujuk kepada Raja mengikut Perkara 38, sebab yang hendak kita pinda ini tidak ada kaitan dengan privilege dia. Itu hujah saya.

Tetapi di sebaliknya, kalaulah Majlis Raja-raja kata bahawa memang melakukan kesalahan itu adalah hak istimewa mereka, maka kita tidak ada pilihan, melainkan kita kena pinda Perkara 38 ini. Sebab kita ada kuasa untuk pinda Perkara 38, kerana kuasa meminda Perkara 38 itu datangnya daripada Parlimen. Kalau sekalipun Majlis Raja-raja tidak dihadapkan dengan soalan ini, kita jalankan mengikut prosedur, kita pinda Perkara 181(2). Dia akan jadi undang-undang, selepas Raja tak tandatangan, 30 hari jadi undang-undang. Siapa yang tak puashati dengan apa yang dilakukan oleh kita, tolong bawa ke mahkamah dan mahkamah akan memutuskan sama ada privilege itu merangkumi melakukan jenayah oleh pihak Raja-raja. Kita serah kepada mahkamah untuk dia membuat keputusan. Kita tak tahulah apa keputusan mahkamah. Tetapi kita hendak tahu supaya mahkamah buat keputusan sama ada membunuh, mencedera orang, menakutkan orang itu merupakan keistimewaan Raja-raja. Ini mahkamah kena buat keputusan, itu kita serah kepada mahkamah, tetapi hingga hari ini kalau mengikut tamaddun pemikiran yang ada di dalam dunia tahun 1992 ini, saya rasa tidak ada satu badan yang berkemungkinan membuat keputusan

bahawa ada satu golongan manusia yang mempunyai hak untuk membunuh orang ataupun mencederakan orang tanpa apa-apa sebab. Ini pandangan saya dalam soal Perkara 181(2) ini, saya rasa kita teruskan sahaja....

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Tuan Dahalan.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan. sedikit mengenai undang-undang, criminal law yang applicable untuk semua termasuk Raja ini, adakah ini sebagai satu blanket law, kalau kita tumbuk orang, kita kena denda - saya tidak tahu berapa maksimum - jika kita kena RM300, jadi kalau Raja tumbuk orang pun dia kena bayar RM300 ataupun masuk jel sebulan, begitukah maksud Yang Berhormat, ataupun dia cadang undang-undang atau hukuman ini berlainan, hukuman tetap ada, tetapi berlainan daripada undang-undang yang dikenakan kepada rakyat biasa.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tidak mencadangkan hukuman yang berbeza dan berlainan kepada Raja yang mana dikenakan kepada rakyat. Di bawah undang-undang negara kita semuanya sama, siapa yang melakukan kesalahan maka kalau mahkamah mendapati dia salah, maka mahkamah akan menghukumkan mengikut apa yang dibenarkan oleh Akta kepada mahkamah untuk menghukumkan,

Saya tidak mahu ada satu hukuman yang berbeza untuk Raja dan lain untuk kita. Saya ingat kalau tidak silap saya di dalam Perkara 8 Perlembagaan Malaysia, jelas mengatakan bahawa di negara kita ini, everybody is equal before the law.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua: Ya,**  
penjelasan.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun: Ya,**  
sedikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua: Tuan**  
Dahalan.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:**  
Masalah application of the law, kalau pegawai Kerajaan ataupun macam kita ini, kalau kita didenda RM1,000; hilanglah jawatan kita, tetapi kalau Raja pula sudah kena denda RM1.000 ke atas, bagaimana kedudukan Raja itu pula, saya hendak tanya?

**Timbalan Yang di-Pertua: Sama ada**  
RM 1,000 atau RM2,000, ya sila.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jawatan Raja ini bukan jawatan permohonan ataupun jawatan yang kita bertanding untuk mendapat tempat. Kalau dia merupakan jawatan yang kita memohon untuk bekerja ataupun dia merupakan jawatan yang mana kita bertanding untuk duduk di situ, maka sudah tentu kita akan dikawal oleh kehendak Akta Pertubuhan dan juga Akta-akta yang tertentu, iaitu kalau kena RM2,000 hilang kerja, kalau yang pegang jawatan kena RM2,000 letak jawatanlah, tetapi yang kita tahu iaitu Raja, Sultan bukan jawatan yang dimohonkan, mangkat seorang Raja, tidak ada dikeluarkan iklan untuk meminta permohonan, oleh itu....

**Timbalan Yang di-Pertua:**  
Bagaimana Tuan Dahalan, bersetuju dengan penjelasan itu?

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Maka itu perbezaannya. Kepada dia kalau kena RM2,000 maknanya dia kena bayar denda, tetapi dia peganglah jawatan dia, sebab jawatan

dia itu bukan jawatan yang dipertandingkan. Itu merupakan jawatan warisan, tetapi....

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dia minta penjelasan lagi.

**Tuan Dabalan bin Haji Embun:**  
Sedikit lagi, jadi maknanya itu tidak boleh dianggap sebagai deterrent actionlah. Kalau dia pukul orang setakat RM10,000, RM20,000, RM 100,000 denda itu tidak ada hallah untuk Sultan.

**Timbalan Yang di-Pertua: Apa**  
cadangan Tuan Dahalan tentang perkara ini?

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:**  
Dalam hal ini memang aya pun kebekuanlah dengan pendapat ini, jadi saya serahlah kepada budibicara orang di atas untuk mencari jalan bagaimanakah implimentasi undang-undang ini akan dijalankan, kerana ini melibatkan kedudukan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua: Ya.**

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya ingat ia deterrent, sebab yang penting kepada seseorang insan, manusia ialah air muka. Jadi kalau sekalipun dia kena denda 3 hari, tetapi kedudukan dia, air muka dia, di khalayak masyarakat sudah jatuh, sebab itu saya rasa ia deterrent, maknanya hukuman itu deterrent. Tidak kira siapa sama ada dia Rajakah atau sebagainya, kalau dia sudah kena sekali, dia hendak buat balik benda itu. Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dia buat balik itu sebab dia kena pardon oleh bapa dia, sebab dia tidak rasa salah. DJa didapati salah oleh Justice Raja Azlan Shah padaketa itu, tetapi apabila dihukum ayahandanya pardon dia. Jadi

dia tidak rasa bersalah, tidak ada apa-apa, tetapi kalau dia dikenakan jel, walaupun dua hari dia masuk duduk di dalam, air muka dia di khalayak rakyat, saya rasa dia tidak boleh menghadapi rakyat lagi. Oleh sebab itu saya rasa, sama ada fine RM2,000 ataupun jel, itu merupakan deterrent kepada setiap manusia.

Saya rasa RM2,000 bukan Raja sahaja yang boleh bayar, saya ingat Senator pun boleh bayar. Kita pukul orang, kita kena denda RM2,000 kita bayar, selepas itu kita buat lagi - no problem, tetapi kalau kita pukul orang, kita didapati salah oleh mahkamah, sebagai Senator kita punya maruah itu turun sedikitlah - ada deterrent dia, sebab kita hidup bermasyarakat.

Dalam hal ini saya rasa kita boleh pinda, Perkara 181(2) kita pinda, sebab soalnya ialah privilege, kalau kita merasakan ataupun Raja merasakan, mahkamah merasakan bukan privilege dia untuk menyeksa orang, untuk melakukan kesalahan dan terus dibawa ke mahkamah, maka bermakna kita bebas untuk meminda undang-undang ini tanpa rujuk kepada Perkara 38. Sebab itu kita mesti pinda ini dan jangan bimbang, jangan gentar, insya Allah saya yakin dan percaya iaitu bahawa oleh kerana apa yang hendak kita lakukan ini ialah untuk kepentingan rakyat, maka sudah tentulah kita akan mencapai kejayaan di masa yang akan datang.

Perkara yang ketiga terakhir, Tuan Yang di-Pertua, ini Tuan Dahalan pun ada sebut ketika Datuk Azman berbincang, dia mengatakan bahawa ini soal Sultan Johor, jadi halakan kepada Johor sudahlah, jangan kait-mengait dengan orang lain. Saya rasa, dengan izin, it is a practical impossibility untuk meminda Perlembagaan yang merupakan prinsip umum tanpa kita mengenakan Raja-raja lain. Tidak mungkin kita boleh, kalau kita hendak mengambil perhatian tentang apa orang kata iaitu concentrate,

pusatkan perhatian kepada Sultan Johor sahaja. Jadi tidak mungkin kita hendak pinda undang-undang, pinda Perkara 181(2) ini dengan mengatakan bahawa Sultan-sultan tidak boleh dibawa ke mahkamah melainkan Sultan Johor sahaja - boleh? Saya rasa tidak boleh, sebab itu apabila kita bercakap tentang perkara ini, ini prinsip umum, sebab itu bila kita bercakap tentang hal Raja melakukan kesalahan, kita bercakap secara umum, kerana prinsipnya adalah prinsip umum. Prinsip umumnya bahawa kita hari ini mahukan supaya Raja dibawa ke mahkamah, kita tidak boleh kata Sultan Johor sahaja, kalau besok Raja lain pula buat, hendak pinda lagi, tambah Johor dengan negeri lain pula. Saya ingat, dengan izin, practical impossibility, kita tidak boleh mengelak daripada membincang perkara ini tanpa kita menyebut ataupun secara umumnya mengenakan Raja-raja lain. Kalau ada pepatah yang Tuan Dahalan sebut kerbau apa benda..... saya pun tidak ingat, tetapi saya pun ada satu lagi pepatah Melayu yang mengatakan 'Kerana nila setitik rosak susu sebelanga' jadi dia balancelah. Tuan Dahalan betul, saya pun betullah mengikut bidalan Melayu kita, sebab nila setitik maka susu sebelanga habis rosak, tidak boleh minum.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Dahalan kata kerana. seekor kerbau membawa lumpur, .....saya ingat Perlis ini banyak kerbau.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Banyak kerbau, saya ingat dekat nila sahaja, kerbau saya tidak tahu.

Yang kedua terakhir berkenaan dengan akhbar. Ini kita hendak bela juga akhbar kita ini. Jangan bimbang. Minta maaf saya pandang ke sana sebab saya hendak mereka. (*Ketawa*) Jangan bimbang, jangan takut.

Akta Hasutan ini mengikut pandangan sayalah sebab saya pernah terlibat apabila membentangkan Usul Raja sebagai wakil Pemuda pada tahun 1990. Saya juga telah

hampir-hampir hendak dihadapkan ke mahkamah kerana melanggar Akta Hasutan tetapi tidak jadilah sebab tidak ada kes. Kerana apa? Kerana kita tidak berniat menghasut.

Dalam perbincangan kita, penulisan kita, kita langsung tidak menyentuh untuk meruntuhkan sistem Raja Berperlembagaan. Tidak ada. Kita hanya membahaskan perkara yang hakikat, fact. Suratkhbar melapor. Macam mana suratkhbar hendak melapor dengan tepat kalau dia tidak dapat menyebutkan bahawa Raja Johor cederakan Gomez. Macam mana dia hendak kata? Dia hendak kata seorang Raja daripada satu negeri di selatan Malaysia macam mana? Tidak boleh. Suratkhbar kena report dengan tepat.

Jadi, tidak benar kalau orang kata bahawa laporan yang dibuat oleh akhbar itu melanggar Akta Hasutan. Akta Hasutan ini mesti ada niat menghasut. Saya hendak tanya kalau budak-budak yang 18-19 tahun, dia bercakap tentang Raja, apakah kita hendak tarik dia ke mahkamah semata-mata dia bercakap tentang Raja. Bolehkah? Bermakna pada hari ini Polis kena pergi ke merata-rata tempat tengok ini, siapa sebut pasal Raja sahaja masuk Akta Hasutan. Mana boleh. Dia mesti ada niat menghasut. Kalau akhbar menyiarkan rencana dan kesimpulannya, "maka oleh kerana itu kita mendesak rakyat supaya datang beramai-ramai dan pergi ke istana dan menyatakan perasaan tidak puas hati." Itu hasutlah. Tetapi saya rasa akhbar tidak cakap macam itu, tidak ada.

Saya baca semua akhbar. *Tamil Malar*, *Sin Chew Jit Poh*, semua saya baca. (Ketawa) Kawan-kawan tolong baca urituk saya. Tidak ada. Dia fair. Melaporkan sahaja, tidak ada langsung niat untuk menghasut, tidak, hanya melapor. Sebagai profesional melapor sahaja. Ada akhbar bantai saya no problem, tidak ada

masalah. Dia bantai saya kuat, saya ajak dia pergi makan, habis selesailah. Jadi, akhbar dia melapor.

Sebab itu kalau ada orang hendak mendakwa bahawa melanggar Akta Hasutan saya tidak tahulah macam mana dia kata kawan ini melapor ini ada niat untuk menghasut. Dia belajar undang-undang saya pun belajar undang-undang juga, tetapi saya tidak tahu mungkin undang-undang berbeza. Mungkin universiti di Kelantan ada undang-undang. Ada universiti? Tiada.

' Tetapi itulah maknanya akhbar jangan bimbang. Tidak langsung kita melanggar Akta Hasutan kerana apa? This is your duty to report, dengan izin. Jadi tidak ada masalah.

Saya pun berbincang di sini tidak takut. Ada juga saya dengar ada Ahli Parlimen mintajaminan supaya kalau dia bercakap dalam Dewan Rakyat ini jaminan dia ini tidak kena. Apa ini? Ini Dewan yang termulia dan yang tertinggi sekali. Kita bebas untuk bincang apa-apa tanpa ketakutan. Hendak takut apa? Bukan kita menghasut.

Sebenarnya apa yang hendak kita lakukan ialah untuk mempertahankan kedaulatan sistem Raja Berperlembagaan di tanah air kita. Malu saya kalau Sultan; Sultan apa? Sultan Melayu. Sebab kita dalam Malaysia ini banyak masyarakat kita. Saya malu kepada kawan saya daripada PBS, dia Kadazan...tak tahu Kadazankah; orang Cina di sana. (Ketawa) Saya segan, saya malu kepada dia. Saya malu kepada Yang Berhormat Wan Hamid Edruce, mungkin Melanaukah atau Melayu daripada Sarawak. Saya malu kalau sekiranya Sultan sayabuat perkara sedemikian dan kepada kawan-kawan lagi. Sebab saya orang Melayu, kita hendak mempertahankan supaya jangan memalukan istiadat Melayu ini, sebab itu kita hendak memperketatkan undang-undang supaya dia behave, Bila sebut

Raja Melayu, "ah, bagus, adil". Itu yang kita mahu,

Tetapi kalau disebut Raja Melayu menyepak orang, memukul orang; saya malu. Sebab itu saya bangkitkan perkara ini kerana kita hendak pertahankan supaya jangan lagi di masa-masa yang akan datang perkara ini berlaku yang akan memalukan masyarakat bangsa Melayu kita yang ada di tanah air Malaysia kita pada hari ini. Ini yang memalukan kita.

Yang terakhir, saya rintalah ini terakhir...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak payah minta.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Walau apa sekalipun kita bincang tentang Sultan dan juga puteranya, Tengku Majid; saya minta supaya jangan lupa kepada kunci-kunci yang lain-lain itu yang mereka ini juga terbabit. Kalau tidak sebagai pelaku utama tetapi mereka aiding and abetting, dengan izin. Dia mesti ditangkap dan didakwa juga. Sebab dia yang membantu, menggalak, memahukan Raja untuk bertindak demikian. Kita tidak mahu orang-orang ini terlepas. Sultan kena, Tengku Majid kena, ini orang-orang yang keliling dia lepas. Ini tidak boleh. Tidak adil kepada Raja. Tidak adil kepada Tengku ini tadi. Yang dikelilinginya juga mesti didakwa atas kesalahan aiding and abetting kecederaan yang dilakukan terhadap Jaafar Vello dan juga kepada Encik Gomez sebentar tadi. Sebab itu kita mahu sama ada dia body guard, dia driver, dia JMF punya ahli, dia juga tidak merupakan Raja dan dia tidak akan terlepas daripada segala Akta yang ada di dalam tanah air kita ini. Ini juga kena ambil tindakan. Sebab kalau tidak ambil tindakan terhadap dia bukan sahaja kita

mengeneipkan undang-undang malah kita melakukan perkara tidak adil kepada Raja.

Saya ingin mengingatkan kepadapihak Polis yang selama ini memang kuat menyokong kita. Kita yakin jangan kita terasa takut pula kalau kita baca akhbar selama ini ada dua tiga orang Polis yang patut fine RM300 minta RM500, maka kita tidak percaya dengan Polis, tidak. Ini satu, dua tiga kerat sahaja.

Pada umumnya Pasukan Polis telah menjaga keselamatan kita dengan baik dan kita yakin dan percaya dengan meletakkan masa hadapan, kita, keselamatan kita dalam tangan mereka. Dan kita minta kepada Polis bukan sahaja tindakan diambil terhadap Sultan dan juga anakandanya tetapi juga kepada kunci-kunci yang mengelilingi Sultan dan Tengku ini kerana dia juga terbabit dan sama-sama bersalah melakukan kesalahan terhadap rakyat Malaysia yang tidak berdosa itu.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah itu saya berharap ianya dapat meyakinkan bukan sahaja kepada Ahli Dewan Negara tetapi juga kepada pihak umum (public) seluruh rakyat Malaysia kita. Berilah kepercayaan kepada kita. Tidak ada-apa keuntungan kepada UMNO dan Barisan Nasional untuk menjalankan tugas yang amat berat ini melainkan keuntungannya itu dirasakan oleh seluruh rakyat bangsa Malaysia kita.

Tidak ada bangga kepada saya sebagai seorang ahli UMNO pada hari ini terpaksa bercakap sesuatu terhadap seorang Raja yang satu bangsa dengan saya. Tetapi demi keadilan dan masa hadapan masyarakat, negar kita, bangsa kita; demi kepentingan Malaysia kita tidak ada pilihan melainkan untuk memberi spkongan yang bulat kepada Kerajaan supaya kita dapat meminda Perlembagaan Malaysia pada bulan hadapan. Dan oleh kerana itulah saya berdiri menyokong

kuat Usul yang telah dibentangkan oleh Datuk Haji Azman sebentar tadi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Itulah ucapan sokongan dan dibukakan untuk perbahasan seterusnya. Silakan Yang Berhormat Dato' Azumu.

*5.50ptg.*

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, sayamengucapkanterimakasih dan saya ingin mengambil peluang untuk bercakap di atas usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Azman Atar sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang berlaku baru-baru ini terhadap D.Y.M.M. Sultan Johor adalah satu masalah kecil, iaitu terhadap permainan hoki, terutamanya terhadap anakandanya apabila SUKMA ke-IV diadakan di Johor di mana anakandanya Yang Amat Mulia Tengku Majid Idris memukul penjaga gol negeri Perak, Mohd. Jaafar Selvarajah. Selepas itu beberapa pertandingan hoki yang diadakan di negara kita ini, maka pasukan negeri Johor telah diberitahu supaya jangan mengambil bahagian di dalam pertandtngan-pertandingan itu, umpamanya pertandingan Piala Razak yang diadakan di Ipoh.

Tuan Yang di-Pertua, di sebalik ini kita harus mengkaji bahawa Persatuan Hoki Malaysia ini adalah dipimpin oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kita dan secara kebetulan pula, Persatuan Hoki Negeri Perak dipimpin oleh Pemangku RajaPerak, D.Y.M.M. Raja Nazrin Shah. Apa yang saya khawatirkan ialah peranan, sebab perkara ini berlaku dan menjadi satu insiden yang besar di negara kita ini adalah disebabkan Persatuan-persatuan Hoki ini atau lebih terang lagi adalah disebabkan perasaan cemburu kedua-dua kerabat di Raja ini. Agak saya jika Persatuan Hoki Malaysia ini dipimpin

oleh seorang pemimpin sukan yang lain, daripada orang kebanyakan, mungkin perkara ini tidak berlaku. Oleh sebab itu, ura-ura Kerajaan hendak meminda Perlembagaan kita adalah kena pada tempatnya supaya menyedarkan Raja-Raja di negara kita ini tentang betapa risaunya kita terhadap perkara-perkara seumpama ini akan berlaku lagi di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Nazri tadi tentang kakitangan-kakitangan istana. Saya hairan, setelah masalah ini berlaku selama dua minggu di negara kita ini, masih belum ada satu kenyataan pun yang dikeluarkan oleh pihak Istana Bukit Serene Johor. Walhal semua kakitangan-kakitangan istana itu adalah kakitangan Kerajaan, baik Setiausaha Sulitnya mahupun pengiring-pengiring Baginda. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab Setiausaha Sulit kepada D.Y.M.M. Sultan Johor untuk mengeluarkan satu kenyataan kepada umum pada hari ini, walaupun tiada menerima titah Baginda. Tetapi sebagai peribadi, Setiausaha Sulit itu mesti mengeluarkan kenyataan bahawa beliau tidak terlibat di dalam masalah yang dihadapi oleh kita pada ketika ini. Dengan kerana beliau berdiam diri itu, maka JPA harus mengambil tindakan terhadapnya, iaitu tindakan disiplin biasa di kalangan kakitangan Kerajaan harus diambil terhadapnya. Demikian juga dengan kakitangan-kakitangan yang lain seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Tuan Nazri tadi, "aiding and abetting" terhadap masalah yang ada di hadapan kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak telah diperkatakan oleh pencadang dan penyokong tentang perkara ini, maka saya tidak berhajat untuk berucap panjang, tetapi sebagai mengingatkan bahawa D.Y.M.M. Sultan Johor adalah juga Yang di-Pertuan Agong Malaysia yang Ke-8 dan memandangkan di masa Baginda menjadi Yang di-Pertuan Agong, negara



kita aman dan makmur di bawah kepimpinan Baginda, terutamanya ketika membuka Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara ini dan berbagai-bagai pujian telah diberikan terhadap Titah Ucapan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong dan juga sebagai peribadinya seorang Raja di negara ini. Maka saya ingin merayu kepada Kerajaan dan kepada semua pihak, supaya selepas perbincangan Dewan Negara pada hari ini, apabila dipersetujui oleh Dewan yang mulia ini pada hari ini, perkara ini haruslah tidak diperkatakatakan oleh semua pihak, baik di peringkat kita Ahli-ahli Dewan dan juga akhbar-akhbar supaya tidak membesar-besarkan perkara ini lagi. Semuanya sudah tahu di mana salahnya dan semuanya telah memberikan kenyataan yang sepatutnya terhadap Baginda Sultan Johor ini.

Sungguhpun kita marah terhadapnya dan kemungkinan Baginda juga murka terhadap kita, tetapi memandangkan ada juga kebaikan-kebaikannya sebagai Raja di negeri Johor terhadap rakyatnya di Johor, maka saya membuat rayuan ini supaya selepas ini perkara ini tidak diperbincangkan dan dihebohkan lagi supaya semua kita akan bekerja selepas ini untuk kepentingan negara kita. Yang pentingnya, setelah Y.A.M. Tengku Malik Idris dihadapkan ke mahkamah semalam dan akan dibicarakan pada 29hb Januari ini, tetapi dengan pendapat-pendapat yang saya katakan tadi, bahawa kakitangan-kakitangan lain juga harus disiasat dan kita menunggu-nunggu kenyataan pihak polis terhadap penyiasatan ini. Kalau tidak, kita tidak akan berpuashati kerana konon ceritanya, mereka ini lebih kuat lagi memukul Mohd. Jaafar dan memukul Gomez selain daripada Baginda.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada sebutkan nama tadi—Tengku Abdul Malik ataupun Tengku Abdul Majid?

**Dato' Azumu bin Tak:** Y. M. Tengku Majid Idris, maafkan saya pembedulan. Kes Tengku Majid Idris dengan Gomez ini sebenarnya orang kiri kanan yang lebih dan oleh itu perkara ini harus disiasat lagi oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yarig di-Pertua, dengan kata-kata yang demikian, saya menyokong usul yang ada di hadapan kita ini, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Zaleha.

*5.59 ptg.*

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi keizinan untuk saya mengambil bahagian dalam perbincangan usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Azman dan disokong oleh Yang Berhormat Saudara Nazri.

Sebagai Ahli Dewan Negara daripada rakyat Kelantan, saya rasa perlu untuk saya sama-sama mengambil bahagian dalam perbincangan ini kerana masalah yang ditimbulkan adalah insiden yang berlaku di Istana Negeri Johor. Tetapi sebagai rakyat Kelantan, kami telah merasai penderitaan ini, bagaimana campurtangan istana menghadapi keadaan pilihanraya 1990 yang lalu.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang rakyat yang memberi kesetiaan yang penuh kepada Raja, dan juga dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang ahli UMNO yang sama-sama telah meletakkan institusi Raja dalam Perlembagaan UMNO sendiri, dan juga Perlembagaan negara dengan begitu tinggi dan mulia. Raja sebagai payung, pelindung dan juga tunggak keagungan rakyat dan negara. Rakyatlah yang menginstitusikan sistem Raja Berperlembagaan dan demokrasi berparlimen. Saya yakin dan percaya di

dalam Usul yang dibawa pada hari ini, kita tidak berniat langsung untuk menyentuh dan mencemarkan kedaulatan Raja, tetapi sekadar menegur dengan membina. Dan Usul ini juga dibawa untuk melihat institusi Raja ini akan terus kekal menjadi sanjungan rakyat.

Saya juga ingin menegaskan di sini bahawa tidak ada raja tanpa rakyat. Suara rakyat adalah suara keramat. Saya amat kagum apabila saya meneliti dalam persidangan Dewan Rakyat baru-baru ini betapa rakyat yang ada di dalam Dewan Rakyat Wakil-wakil Rakyat yang telah memberi sokongan yang sepenuh bulat dan padu mengenai Usul yang telah dibawa di dalam Dewan Rakyat baru-baru ini. Ini menunjukkan bahawa dalam masalah ini rakyat terus bersatu untuk sama-sama menegur Raja, menegur Sultan-sultan di negara ini dengan penuh keikhlasan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sukalah menambah daripada apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Tuan Nazri dan Yang Berhormat Datuk Azman yang begitu panjang mengenai sistem beraja ini, tetapi saya suka membawa pandangan ini sebentar kepada pandangan Islam mengenai sistem beraja ini. Islam sebenarnya membenarkan sistem beraja ini sejak zaman Nabi Allah Adam lagi, sehinggalah kepada Nabi Muhammad s.a.w. di dalam berbagai bentuk, dan penerusan ini berlaku sehingga kini. Di zaman Rasulullah s.a.w. dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sistem beraja ini diletakkan di bawah yang dinamakan sistem syura'. Di zaman Saidina Abu Bakar Assiddiq, sistem beraja ini diletakkan di bawah sistem beraja di dalam bentuk Khalifah, dan di zaman Saidina Omar r.a. sistem beraja juga wujud, tetapi di dalam bentuk Amirul-mukminin. Di zaman kita sekarang ini, negara Malaysia juga mempunyai sistem beraja yang telahpun dapat kita lihat kepada sejarah sirah di zaman Islam yang lalu. Kita juga mempunyai sistem raja berperlembagaan.

Walau dalam apa bentuk sistem beraja ini, tetapi mengikut pandangan Islam, Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali ialah raja itu adalah raja yang adil, raja yang tidak menjalankan apa sahaja pelaksanaan dan perilakunya mengikut hawa dan nafsu.

Kekebalan ini tidak wujud di dalam Islam, tetapi kekebalan ini entah bagaimana ia hanya wujud di dalam Perlembagaan negara kita, di dalam zaman Kerajaan British lagi. Tetapi sebenarnya sistem kekebalan ini tidak ada. Tidak ada disebut langsung di dalam Al-Quranul Karim. Tuan Yang di-Pertua, untuk mengukuhkan pandangan Islam terhadap sistem beraja yang adil dan tidak mengikut hawa nafsu, dalam surah Al-araf, Allah s.w.t. berfirman (Menyebut dalam bahasa Arab) yang bererti, "Sesungguhnya wahai Nabi Allah Daud, telah Aku jadikan kepada engkau iaitu Khalifah di atas muka bumi ini, maka hendaklah kamu menghukum di antara manusia ini dengan penuh keadilan, dan jangan sekali-kali mengikut hawa dan nafsu, kalau inilah berlaku, maka sistem raja itu adalah menyesat".

Ertinya, kalau dalam pandangan Islam, Raja tidak ada langsung ruang untuk melaksanakan sesuatu yang bercanggah dengan keadilan. Raja tidak ada langsung boleh melakukan mengikut hawa dan nafsu, seperti memukul, mengadakan jenayah, melaksanakan jenayah ataupun mencederakan seperti apa yang telah berlaku kepada Gomez. Bagi saya, ingin saya nyatakan sekali lagi di dalam Dewan yang mulia ini, kekebalan ini tidak wujud kepada raja-raja dalam pandangan Islam, kerana kepada Islam yang mulia itu, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, (Menyebut dalam bahasa Arab) bermaksud, "Adalah yang paling mulia di sisi Allah ialah orang yang bertaqwa". Tidak kira siapa mereka. Tidak ditentukan, asalkan mereka bertaqwa, berakhlak yang mulia,

berperibadi yang baik, mereka akan diredhai Allah S.W.T. sebagai orang yang dimuliahkan.

Oleh yang demikian, kekebalan ini yang telah kita bincangkan bersama, sama ada di Dewan Rakyat atau di dalam Dewan Negara ini, yang termaktub juga di dalam Usul ini bahawa di dalam Islam yang kebal, yang teratas, yang teragung (*Menyebut dalam bahasa Arab*) dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "Hanya kepada Allah jua milik segala kuasa, milik segala keagungan, milik segala keunggulan, dan juga yang teratas dari segala-galanya." Saya suka nyatakan ini Rasulullah s.a.w. sendiri dalam pemerintahan Baginda walaupun Baginda merupakan seorang kekasih Allah, walaupun Baginda merupakan orang yang paling terdekat di sisi Allah S.W.T., kalau dibandingkan dengan Raja-raja yang ada sekarang ini, tetapi Rasulullah telah membuka ruang dan telah menyatakan kepada rakyat dan kepada umat Islam di kala itu bahawa kalaulah anaknya Saidatina Fatimah melakukan sebarang perkara yang boleh membawakan kepada suatu hukuman, maka Saidatina Fatimah tidak boleh sama sekali dikecualikan hatta kalau ia mencuri, Saidatina Fatimah, mengikut Rasulullah s.a.w. ialah sebagai laluan, boleh dipotong tangannya. Ini terbukti bahawa dalam pandangan Islam sendiri, Rasulullah s.a.w. sendiri telah membenarkan dan telah memberi laluan bahawa tiada manusia yang boleh mengatasi segala hukum.

Dengan kerana itu, kalau kita merujuk kembali kepada perkara yang berlaku ini, Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sendiri, kalau Bagindabenar-benar bertaqwa kepada Allah, dan sebagai Ketua Agama kepada negeri Johor dan Baginda mengikut lunas-lunas perjalanan yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. ini, maka Baginda sendiri dengan penuh terbuka, insya Allah, pada

pandangan saya Baginda sendiri akan dapat menerima hakikat apa yang telah kita perbincangkan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin merakamkan tahniah saya terutama kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, kepada Raja Muda Perak dan juga oleh kerana Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri mengatakan Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan juga telah sama-sama menyetujui terhadap pindaan Perlembagaan ini dan Usul yang telah kita bawakan dalam Dewan Rakyat dan dalam Dewan Negara ini, maka rakaman ini tersebut dalam Dewan yang mulia ini dan mudah-mudahan apa yang telah ditunjukkan oleh Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan daripada beberapa buah negeri ini akan diikuti oleh Raja-raja dan Sultan-sultan di negeri-negeri yang lain, kerana apabila pelaksanaan pindaan Perlembagaan ini berlaku, saya telah pun menelitinya secara terperinci, maka saya dapati tidak ada satu pun daripada perkara-perkara yang disebut dan perkara-perkara yang akan dipinda nanti, yang boleh menjejaskan kedudukan Al-Sultan di negeri-negeri sebagai suatu institusi yang tertinggi, yang dijunjung oleh rakyat.

Dan kepada para Raja-raja, mereka harus memahami rakyat yang setiap minggu, kalau orang-orang Islam, setiap minggu menadah tangan, terutama pada hari Jumaat memohon doa kepada Allah S.W.T. supaya institusi Raja ini selamat dan sejahtera, maka tangan rakyat ini juga pada hari ini dari Dewan Rakyat dan Dewan Negara menadah tangan kembali kepada semua Raja-raja dan Sultan bahawa pindaan Perlembagaan dan perundangan yang dilakukan pada hari ini dengan Usul yang dibawa adalah untuk menjaga, mengawal dan juga meletakkan Raja kepada kedudukan yang baik dan mulia.

Ini tidak boleh dinafikan, cuma saya

juga ingin menyatakan, kalau kita boleh menyebut, kita boleh berbincang dan kita boleh menegur terhadap sikap dan perilaku yang telah ditunjukkan oleh Raja terutama Sultan Johor yang telah berlaku baru-baru ini, maka kita jangan lupa, penasihat Raja juga, penasihat Raja di tiap-tiap negeri haruslah insaf dan sadar terhadap apa yang telah berlaku kepada institusi Raja.

Dan mereka ini perlulah bertanggungjawab menasihati Raja supaya melaksanakan amalan yang baik dan menguntungkan rakyat kerana saya suka tegaskan ini, penasihat-penasihat Raja ini bukanlah memikul tanggungjawab yang kecil. Kalau kita lihat, kalau kita merujuk kembali kepada ajaran Islam, penasihat-penasihat Raja ini telah dirakam dan telah termaktub dalam Al-Quran, dengan izin Tuan Yang di-Pertua (raenyebut sepotong ayat Al-Quran), yang bermaksud: Sebenarnya Allah telah memerintahkan supaya mereka ini menjalankan amanah untuk menasihati para Sultan-sultan, untuk menasihati para Raja-raja supaya melaksanakan tanggungjawab mereka dengan sempurna, supaya meletakkan hukuman yang adil kepada semua rakyat.

Maka penasihat Raja-raja ini perlu kita di Dewan Negara yang mulia ini dan di Dewan Rakyat nanti, apabila pindaan Perlembagaan dilakukan, saya amat menyokong kenyataan Yang Berhormat Saudara Mohamed Nazri tadi, bahawa dalam pindaan Perlembagaan ini, penasihat Raja-raja juga perlu diambil kira, hendaklah dibuat suatu undang-undang dan Akta supaya mereka ini dapat melaksanakan tugas mereka dan bertanggungjawab mereka dalam menasihati Raja. Jangan mereka menjadi 'Tukang Ampu' ataupun 'Tukang Kipas' Raja supaya apa yang telah dilakukan oleh Raja-raja itu kononnya mereka berada di sebalik tabir. Ingatlah! apabila berlaku sesuatu yang membawa permasalahan kepada rakyat, apabila berlaku perkara-perkara yang boleh menjejaskan

kedudukan Raja dan institusi itu sendiri, yang akan menderita bukan rakyat sahaja, tetapi penasihat Raja juga turut sama akan berlaku apa yang telah berlaku.'

Inilah saya tekankan ini, kerana apa, yang telah berlaku di Negeri Kelantan yang lalu, saya tidak menafikan sebagai seorang yang pernah bertanding dalam Dewan Undangan Negeri di negeri Kelantan, saya merasai bagaimana mereka yang bertanggungjawab sepatutnya menasihati Al-Sultan, menasihati Istana dan sebagainya, tetapi tidak melaksanakan tugasnya dengan baik, yang mengakibatkan sekarang Kelantan menghadapi suatu permasalahan yang paling berat iaitulah apabila UMNO ataupun Barisan Nasional telah tidak dapat memerintah Kelantan, apabila terkubur kekuasaan UMNO di Kelantan, mengakibatkan kami rakyat Kelantan menderita.

Ini adalah kerana campurtangan yang telah berlaku. Tetapi, kami, saya sebagai Ahli yang pernah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan, memaafkan kepada mereka-mereka ini. Ini saya kira suatu takdir Allah S.W.T. yang berlaku, barangkali Allah hendak menolong kami di Kelantan. Dahulu apabila berlaku di Kelantan, Perhimpunan Agung UMNO Malaysia telah pun bersidang, berbagai-bagai ucapan telah diberikan, tetapi tidak ada pun yang dapat dipertahankan, tidak ada apa pun yang dapat dilaksanakan untuk menjamin bahawa Raja tidak akan terlibat dalam sebarang perkara. Tetapi, dengan adanya insiden yang berlaku di negeri Johor, yang menyebabkan berlakunya suatu keadaan yang amat buruk perilaku, maka ini adalah membuka pintu suatu takdir yang akan dapat juga menolong kami rakyat di Kelantan.

Apa yang kami rasai di negeri Kelantan, mudah-mudahan apa yang sudah berlaku di negeri Johor dan barangkali orang Kelantan kata, mohon izin Tuan Yang di-Pertua, "piak-piak"

ke negeri lain, maka insya Allah perkara ini dapatlah kami di negeri Kelantan dapatlah sama-sama mengatasi perkara yang telah berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini, dalam menyokong Usul ini, ada dua perkara penting yang perlu kita tekankan di dalam perbahasan ini untuk pengetahuan umum kepada rakyat. Jangan kita dikatakan oleh rakyat, bahawa Kerajaan yang ada pada hari ini adalah Kerajaan yang anti kepada Raja. Kerajaan yang tidak menyukai istana dan sebagainya ataupun Kerajaan yang akan meruntuhkan institusi Raja dan sebagainya.

Penerangan harus diberi oleh Kerajaan dengan secara meluas kepada seluruh rakyat, dua perkara besar yang kita tekankan dalam perjuangan ini, dalam pindaan Perlembagaan dan Usul yang dibawa juga, yang pertama, ialah kita harus berani menegakkan kebenaran, kerana adalah menjadi hak individu Islam, setiap umat Islam yang bersyahadah kepada Allah S.W.T., ia hendaklah mempertahankan kebenaran, berkata perkara yang benar, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, Sabda Rasulullah, "Qulil hak walau kaana murra", Berkatalah benar walau perkara itu pahit untuk didengari oleh sesiapa.

Kita menegakkan kebenaran, walaupun apa yang kita tegakkan di dalam Dewan ini boleh jadi akan dirasai pahit oleh Raja-raja dan Al-Sultan. Boleh jadi terasa pahit oleh mereka yang berada di keliling-keliling Al-Sultan dan sebagainya, tetapi kita pasti menegakkan kebenaran atas asas kewajipan, tugas dan tanggungjawab kita.

Saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang berani menegakkan kebenaran ini, walaupun mereka tahu, bahawa bukan kecil risiko yang akan

mereka tanggung. Tetapi, di atas kebenaran mereka bangun untuk menyatakan ini, dan kita sama-sama berada dan memberi sokongan di dalam Dewan yang mulia ini dan juga kepada rakyat di seluruh negara. Kita berdiri untuk kebenaran. Dan pada saya dalam mempertahankan kebenaran ini adalah salah satu daripada jihad di dalam Islam.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan PAS di Negeri Kelantan hendak berjihad seperti yang dilaung-laungkan, hendak menyatakan mereka adalah merupakan Kerajaan yang benar-benar berjihad di jalan Allah, maka bersama-sama kita dalam menegakkan kebenaran, ini adalah salah satu daripada jihad di dalam Islam.

Yang kedua, kita diamanahkan supaya menegakkan keadilan. Dalam menegakkan keadilan ini, adalah menjadi kewajipan setiap individu Islam sehingga kalau kita tidak dapat menjalankan amanah di bidang keadilan ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dalam pandangan Islam Rasulullah menyatakan (menyebut dalam bahasa Arab) yang bermaksud: Seolah-olah tiada agama orang yang tidak beramanah. Begitulah besarnya pengharapan daripada pandangan Islam terhadap perkara yang kita bincangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya membawa da'iam cara yang ringkas, apabila semua rakan-rakan saya tadi bercakap hanyalah dalam bentuk umum tetapi saya membawa pandangan ini dalam bentuk Islam dengan lunas-lunas Al-Quran dan Hadis supaya para Raja-raja yang seluruh negara adalah menjadi ketua kepada Agama Islam dapat memahami bahawa mereka adalah merupakan uswah, merupakan contoh yang paling utama kepada seluruh umat Islam dan seluruh rakyat yang berbilang bangsa dan agama di dalam negara ini. Dan adalah tidak wajar seorang ketua yang mendakwakan diri mereka sebagai

pemimpin Islam yang teragung di sesebuah negeri melakukan sesuatu yang bercanggah dengan dasar keislaman.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, oleh kerana ada lagi rakan-rakan saya yang akan bercakap, maka saya dengan ini menyokong Usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman, dan disokong oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Tuan Dahalan, cuba ringkaskan dalam 7 atau 8 minit. Sila.

6.20 ptg.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan bahas secara ringkas di atas Usul ini iaitu saya akan fokus kepada Usul pada hari ini. Mengikut Usul ini, saya telah pun buat beberapa petikan daripada ayat-ayat. Yang pertamanya, berasa amat sedih dan memandang serius. Yang keduanya, Douglas Gomez. Yang ketiga, di Istana Johor. Dan yang keempat, Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Ayat yang kedua satu penyalahgunaan kuasa. Ayat yang ketiga, segala tindakan yang perlu hendaklah diambil bagi menentukan insiden yang seumpama ini tidak berulang lagi pada masa hadapan. Jadi, ayat di sini ialah segala tindakan yang perlu hendak diambil bagi menentukan insiden yang seumpama itu tidak berulang lagi pada masa hadapan selepas benda ini sudah berlaku.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, mengikut semangat Usul ini dia tidak merupakan punishment, hanya merupakan corrective action. Jadi, bagaimanakah kita hendak menjalankan corrective action itu terhadap seorang insan? Kita semua manusia bersifat, kita ada orang putih sebutkan sebagai "human traits". Ada yang cakap banyak, dia tidak simpan, dia bercakap sahaja. Ada yang sembunyi, dia tidak bercakap tetapi dia bertindak.

Ini sifat manusia. Kalau kita tengok dalam Dewan ini pun, Tan Sri kita tengok begitu lemah-lembut tetapi tegas orangnya sebagai satu sifat. Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Azman Atar, kita nampak dia ini semuanya ada. Ada masa dia tegas, ada masa dia garang dan ada masa dia lemah-lembut. Ada ketika-ketika yang dia terpaksa berlemah-lembut. Jadi, dalam ini semua ada.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Apa yang dia tidak ada?

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Tidak ada yang dia tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Oh! (*Ketawa*)

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Jadi, maka kita "a perfect man, all round character" Saya sebutkan ini oleh sebab dia yang bawa Usul ini. Jadi, kitajack dia sedikitlah (*Ketawa*) di atas ke'Hang Tuah'an Yang Berhormat itu.

**Seorang Ahli:** Wah! (*Ketawa*)

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Jadi, saya sudah sebutkan dahulu dia dapat "Datuk" daripada Melaka tetapi dia duduk di Kuala Lumpur. Berbalik kepada "human traits" tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebutkan orang yang extrovert, introvert, aggressive dan lembut. Ada orang yang mengalah dan ada yang domineering. Dia hendak control sahaja, sama ada lelaki atau perempuan, perangnya kalau domineering ini, balik ke rumah, isteri hendak control suaminya. Jadi, inilah semuanya. Tetapi yang bahaya sedikit ada sejenis egoistic. Dia akan membawakan kepada satu perangai ataupun sifat yang ganas. Jadi, inilah orang yang berperangai macam ini. Dia bukan sebenarnya ada yang disebutkan sebagai "criminally-inclined" Bukan dia hendak bunuh orang tetapi pada ketika itu, dia terjadi. Jadi, apa sepatutnya yang

kita hendak buat. Saya ingat inilah spirit di dalam Usul pada hari ini.

Jadi, saya mirip dengan pendapat yang diberikan oleh Ustazah kita tadi seorang yang lemah-lembut tetapi bila dia bercakap, begitu lantang. Ini pun sifat manusia, tidak boleh elak. Jadi, perangai orang macam ini tidak boleh kita buat apa-apa. Kalau kitalah manusia biasa, macam sayalah, manusia biasa, mungkin kita pergi jumpa doktor, seorang psychologist atau seorang psycho-analyst untuk hendak study balik apa sebab yang kita menjadi begitu. Jadi, inilah di atas semangat yang sebegini, sebagai *ad hoc* solution. *Adhoc* bukan sebagai blanket, bukan sebagai institutional solution. *Ad hoc*—we go to the root of the problem untuk ketika ini. Kalaulah kita sudah beri kaunselling, nasihat, sedikit-banyak punishment, mungkin sampai ke peringkat suspension daripada kerja ataupun jawatan, kalau dia jadi juga begitu, sifat semula jadi orang ini sudah tidak boleh diubah, saya rasa pada ketika itu barulah kita benar-benar mengambil tindakan.

Mungkin seseorang itu, kalau sudah pergi ke Mekah ambil umrah, dia orang Islam; ambil haji. Saya nampak Pak Man kita pun sudah berubah. Balik-balik dulu, kepala licin sudah pakai songkok. Itu perubahan. Dia manusia. Sultan Johor pun manusia macam kitajuga. Ada ketika dia lemah dan ada ketika dia ganas. Saya dengar cerita ini bukanlah saya hendak membela di atas apa yang dia buat. Apa yang dia buat itu tetap salah tetapi perangnya. Biar saya cerita, saya kebetulan duduk satu meja dengan seorang yang diceritakan kepada saya, Sultan Pahang memberi nasihat atau bertanya kepada Sultan Johor. Dia sebut "Adinda, mengapa adinda buat begitu? Dia kata, "Tak tahulah, sudah perangai patek macam itu" Dia terus. Jadi, ada masalah ini, sistem dalam badan ini. Tetapi kita hendak bunuh sekarang bukan hendak bunuh kita hendak perbetulkan sistem semua sekali.

**Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman:** Saya ingin minta penjelasan. Kalau sudah ramai perangai Raja, perwatakan Raja semacam mana Yang Berhormat sebutkan tadi, perlu atau tidak kita mempunyai satu sistem yang akan datang, siapa sahaja yang hendak jadi Raja, kita kena hantar dia pergi ke medical check-up dahulu? (*Ketawa*)

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Saya sokong sangat. Sebenarnya, sebelum seseorang jadi Raja pun, kita mesti menentukan pemikirannya itu waras. Seseorang yang tidak waras, termasuk kita di sini, kalau kita disahkan sebagai orang gila, kita tidak boleh jadi seorang Senator, lebih-lebih lagi hendak jadi seorang Raja. (*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Dahalan, sila bataskan kepada tajuk ini sahaja.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Jadi, inilah pendeknya kita bawa dia kepada seorang psychologist dan kaunselling. Dan selepas itu, kalau dia jadi juga, barulah kita keluar sedikit daripada spirit Usul ini iaitu semangat kepada Usul ini; kalau kita baca betul-betul ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, setakat itulah saya sudahi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan membuat keputusan berkenaan dengan Usul yang dibahaskan selama petang ini. Saya ingin tahu adakah cadangan selain daripada proses seperti biasa?

**Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan apabila dijalankan undian nanti supaya kita mengundi secara belahbahagi.

**Seorang Ahli:** Saya sokong!

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya kita perlukan sekurang-kurangnya 8 penyokong. Kalau ada 8 penyokong, sila bangun.

**Beberapa Ahli:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua:** Nampaknya lebih daripada 8 penyokong, kita kira boleh. Jadi, kita ikut peraturan biasa iaitu bunyikan loceng selama 2 minit. Silakan.

*Loceng dibunyikan selama dua minit.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebelum saya bacakan Usul untuk dipersetujui, saya ingin mengumumkan bahawa penghitung kita di sebelah blok sini ialah Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun dan di blok sebelah kanan ialah Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman. Jadi, kita akan hitung setelah saya membaca Usul ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu usul di atas nama Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman.'

BAHAWA menurut Peraturan Mesyuarat 35(6) Dewan yang bersidang pada hari ini berasa amat sedih dan memandang serius ke atas insiden seorang rakyat Malaysia, Douglas Gomez, yang telah dcederakan di Istana Johor pada 30hb November, 1992 oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

DAN BAHAWA Dewan ini memutuskan kejadian tersebut adalah satu penyalahgunaan kuasa yang bercanggah dengan semangat Perlembagaan Malaysia dan bertentangan dengan cita-cita serta hasrat undang-undang negara yang berasaskan kepada sistem Raja Berperlembagaan dan demokrasi berparlimen.

DAN BAHAWA Dewan ini mengambil ketetapan segala tindakan yang perlu hendaklah diambil bagi menentukan insiden yang seumpama ini tidak berulang lagi pada masa hadapan,

dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan dan dipersetujui.

Dipersilakan tuan-tuan penghitung.

Undian dijalankan sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau pada minggu lepas Dewan Rakyat telah membuat satu sejarah dalam keputusan sebulat suara terhadap satu usul, saya percaya Dewan Negara juga dari segi keputusan terhadap satu usul, selain daripada soal-soal pindaan Perlembagaan ataupun sesuatu akta, saya percaya kita pun membuat satu sejarah pada petang ini. (*Tepuk*) Di dalam Dewan sekarang Ahli-ahli Yang Berhormat berjumlah 48 orang, kesemua 48 orang bersetuju. (*Tepuk*) Tidak ada yang tidak bersetuju ataupun berkecuali.

Maka usul yang saya bantangkan sebentar tadi telah dipersetujui menurut hitungan seperti mana yang telah saya umumkan sebentar tadi.

#### YANG BERSETUJU

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah

Tuan Abdul Rashid bin Ismail

Tuan Haji Abdul Salara bin Awang

Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi

Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail

Datuk Haji Azman Atar bin Othman

Dato' Azumu bin Tak

Tuan Michael Bong Thiam Joon

Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar

Dato' William Chek Lin Kwai

Tuan Frankie Chong Yu Chee

Tuan Dahalan bin Haji Embun

Tuan Ding Seling



Tuan Douglas Sullang Anak Ganda  
 Tuan Foo Boon Liang  
 Tuan Ghazali bin Haji Embong  
 Puan Hajah Habidah binti Jusoh  
 Puan Hajah Habshah binti Haji Osman  
 Tuan Ho Cheng Wang  
 Tuan Isli bin Haji Siput  
 Tuan Itam Wali bin Nawan  
 Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad  
 Dato' Dr. Mak Hon Kam  
 Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz  
 Jen.(B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth  
 Tuan Munisamy a/l Kuppam  
 Tuan Mustapa bin Mohamed  
 Tuan Neo Tuan Cheng  
 Datuk Ng Peng Hay  
 Puan Hajah Rahaiah binti Baهران  
 Tuan Rahim bin Baba  
 Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh  
 Tuan Saad bin Haji Man  
 Tuan Saidin bin Mohammad  
 Tuan Dr. Sak Cheng Lum  
 Puan Sri Sarasa a/p Velu  
 Tuan V.K. Sellappan  
 Tuan Shuib bin Endut  
 Tuan Haji Shuib bin Shawal  
 Tuan Tan Gim Hua  
 Tuan Tan Tiew Bock  
 Tuan Tiong Thai King  
 Tuan K. Vijayanathan a/l Kesava Pillai  
 Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad  
 Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin  
 Puan Rosalind Yau Shuk Meng

Tuan Haji Zainal bin Md. Deros  
 Puan Hajah Zaleha binti Hussin

YANG TIDAK BERSETUJU:

Tiada.

YANG TIDAK MENGUNDI:

Tiada.

Usul dipersetujukan.

Diputuskan,

BAHAWA menurut Peraturan Mesyuarat 35(6) Dewan yang bersidang pada hari ini berasa amat sedih dan memandang serius ke atas insiden seorang rakyat Malaysia, Douglas Gomez, yang telah dcederakan di Istana Johor pada 30hb. November, 1992 oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

DAN BAHAWA Dewan ini memutuskan kejadian tersebut adalah satu penyalahgunaan kuasa yang bercanggah dengan semangat Perlembagaan Malaysia dan bertentangan dengan cita-cita serta hasrat undang-undang negara yang berasaskan kepada sistem Raja Berperlembagaan dan demokrasi berparlimen.

DAN BAHAWA Dewan ini mengambil ketetapan segala tindakan yang perlu hendaklah diambil bagi menentukan insiden yang seumpama ini tidak berulang lagi pada masa hadapan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga esok, 17 Disember 1992.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.40 petang.*